

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 19

Selasa

6 Julai 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 (Halaman 26)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 115)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Memastikan 128 Pelajar Cemerlang Diberi Peluang Meneruskan Pendidikan Perubatan, Pilihan Pertama Mereka Tanpa Merisaukan Soal Kos.
- *Y. B. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]* (Halaman 116)

Dasar Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur Terhadap Penjaja Dan Peniaga Kecil Di Kuala Lumpur
- *Y. B. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]* (Halaman 120)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 6 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan prestasi pengeluaran Proton dan pemasaran dalam negeri dan eksport, adakah Proton sudah bersiap sedia menghadapi persaingan bila AFTA dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kudat, yang perlu dijawab pada 14 Julai 2004 kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Proton telah menunjukkan prestasi pengeluaran dan jualan yang memuaskan pada tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kereta Proton pada lima bulan pertama pada tahun ini telah pun mencapai 63,930 unit dan dari segi status jualan pula, sebanyak 62,844 unit telah dijual di pasaran tempatan dan bakinya telah dieksport. Berbanding pada tahun 2003, jumlah pengeluaran tahunan ialah sebanyak 166,230 unit. Pada tahun 2004, Proton telah melancarkan model barunya iaitu Gen-2 dan sehingga Mei 2004, syarikat telah menerima tempahan sebanyak 13,996 unit terhadap model baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai persediaan menghadapi persaingan dan pembukaan pasaran antarabangsa seperti AFTA, Proton telah merangka langkah-langkah seperti berikut:

- (i) meningkatkan lagi penggunaan automasi di mana lebih banyak robot digunakan dalam proses pengeluaran supaya mencapai faedah pengeluaran berskala ekonomi. Sebagai contoh, hampir 80% tenaga robot digunakan dalam proses pembuatan kereta di Proton Tanjung Malim berbanding dengan kilang yang lamanya di Shah Alam;
- (ii) membangun dan mereka bentuk sendiri produk bagi model baru seperti melakukan perubahan kosmetik, reka bentuk dalaman dan lain-lain;
- (iii) memenuhi keperluan piawaian antarabangsa terutamanya dari segi keluaran asap untuk menembusi pasaran eksport;
- (iv) mengurangkan kos pengeluaran komponen melalui peningkatan kecekapan, pelaksanaan sistem dan pengeluaran modul; dan
- (v) menubuhkan unit khusus untuk memantau pembaikan mutu dan kualiti kenderaan keluarannya.

Ini adalah usaha-usaha yang telah diambil oleh Proton untuk meningkatkan *efficiency*.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan asing terkumpul yang diluluskan dalam industri automatif tempatan bagi tempoh 1995 sehingga tahun 2001 adalah berjumlah RM1.9 bilion atau USD500 juta. Pelaburan ini adalah di dalam pelbagai aktiviti sektor automatif negara termasuk perkilangan dan pemasangan kenderaan, pengeluaran komponen serta alat ganti kenderaan dan lain-lain industri sokongan.

Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain seperti Thailand, negara kita adalah satu-satunya negara yang mampu mengeluarkan kereta nasionalnya sendiri dan bukan hanya terlibat dalam aktiviti pemasangan kenderaan. Tujuan utama projek nasional dijalankan adalah untuk mempertingkatkan keupayaan teknologi negara dalam industri automatif, membangunkan rantai industri komponen serta aktiviti sokongan berkaitan dengan industri automatif. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar melalui kajian yang dibuat oleh Indeks CSI, bahawa kualiti kereta Proton begitu rendah sekali, yang terendah kalau dibandingkan dengan Honda, Ford, kereta Nissan, Perodua, KIA dan lain-lain kereta yang ada di negara kita ini. Jadi, dengan kualiti yang

sedemikian rupa, dengan jawapan Yang Berhormat bagi tadi, sejauh manakah kita boleh mengeksport kereta kita dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa, rakyat mensubsidizekan harga kereta di tanah air ini kerana hendak mempertahankan Proton. Walaupun kereta Nasional, tetapi Proton adalah sebuah syarikat perniagaan, bermaknanya ia kena *compete* macam Petronas, ia *compete* dengan *world market*, macam syarikat-syarikat lain.

Jadi, kalau Proton ini hendak bergayut kepada kerajaan dan rakyat, sampai bilakah matlamat Proton ini akan berjaya? Yang Berhormat, saya berasa bangga ini kereta nasional saya, tetapi, saya tidak berasa bangga kerana dahulu Proton adalah kereta yang terbaik. Kita ingat model pertama masih ada di jalan raya, tetapi, sekarang kalau kita pakai Perdana, letak di luar rumah tidak ada bumbung, besok pagi kalau hujan, penuh dengan air di dalam *booth* dia itu, bukan beg....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan beri ucapan, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya terlupa Yang Berhormat. Saya dok biasa berucap, saya terlupa. *[Ketawa]* Penjelasan Yang Berhormat ya, jangan marah Yang Berhormat ya, jangan marah, ini rakyat punya pasal.

Jadi, dengan masalah-masalah ini yang berlaku, saya tidak mahu satu gambaran yang hanya kosmetik, macam Yang Berhormat kata tadi elok, tetapi sebenarnya bila kosmetik itu tidak ada, maka berlubang-lubanglah muka itu dan ini. Jadi Yang Berhormat kena jawab soalan itu betul-betul, bagaimanakah kedudukan pengurusan Proton pada hari ini? Apakah CEOnya menjalankan perniagaan atau pengurusan syarikat tanpa mendapat kelulusan daripada lembaga pengarah dan membuat keputusan sendiri seperti melabur dalam motosikal, melabur dalam basikal ataupun gerak orang Kedah kata

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pengurusanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haa, pengurusan. Jadi, tidak apalah, ini sepatutnya Menteri mai, Menteri pun tidak mai. Tidak apa, Timbalan Menteri pun tidak apa. Tetapi, jangan terkejut pasal ini pertama kali saya tanya Yang Berhormat, ya. Jadi, apakah kementerian buat *study* betul-betul tentang Proton *reorganize* dia punya *setup* bersama dengan Khazanah Negara, kerana modal dikeluarkan oleh Khazanah Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Cukuplah, panjang sangatlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat, saya akur. Terima kasih. Sila jawab Yang Berhormat.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kita ucapkan terima kasihlah kerana kementerian kita selalu mengalu-alukan pandangan yang baik atau buruklah. Dan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, *Point of Order*. [Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat yang mana satu?

Dato' Mah Siew Keong: Pandangan Yang Berhormat adalah baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sangkaan buruk terhadap saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Haa, baiklah.

Dato' Mah Siew Keong: Bukan, bukan. Saya cakap pandangan baik atau buruk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(6) Dia kata soalan buruk.

Dato' Mah Siew Keong: Bukan. [Ketawa]. Pandangan Yang Berhormat pagi ini adalah baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Ada lain masa, lain Yang Berhormat ya. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat. Proton selalu mengambil kira dan membuat reka cipta yang baru dan mengambil kira beberapa aspek, terutamanya keselamatan dan kualiti dan seperti kereta-kereta baru Proton sekarang, semuanya adalah mengguna *shock absorber* yang canggih, *central lock system*, *disc break* dan *airbag*.

Bagi kita, saya pun tidak berapa setuju bahawa dari segi keselamatan, standard Proton telah menurun. Dahulu, mungkin Proton ada imej sebagai "tin milo", dicop sebagai "tin milo", tidak selamat, tetapi, sekarang kualitinya telah meningkat. Badan kereta WAJA, sekarang badan kereta WAJA, ini adalah dari *research*, badan kereta WAJA sekarang menggunakan logam setebal kereta berkualiti yang lain, sama standard, sama tebal dan lantainya sekarang adalah dua kali ganda lebih kukuh dari yang dahulu.

Jadi, ini adalah satu pencapaian dan Proton WAJA bukan sahaja menepati piawaian *Euro Crash 2003* tetapi, melebihi standard berkenaan. Dan dengan adanya Proton WAJA, Gen-2 dan model-model yang akan dikeluarkan tahun hadapan, kita ada keyakinanlah bahawa dari segi keselamatan, standardnya akan meningkat dan kita akan dapat bersaing. Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat tadi berkaitan dengan urusan. Okey, Proton adalah sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan lembaga pengarah yang membuat keputusan dan pihak pengurusan yang menjalankan operasi harian.

Oleh itu, pihak kementerian hanya menetapkan polisi sahaja untuk *automotive industry*, kita tidak campur tangan. Walau bagaimanapun, kita sentiasa membuat saranan kepada pihak lembaga dan pengurusan supaya meningkatkan *efficiency*, meningkatkan tahap *management* dan semua, kerana perlindungan dan insentif kepada syarikat nasional pun adalah sementara dan bukanlah *permanent*. So, mereka pun juga hendak meningkatkan mutu dan *efficiency* secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Jimmy Donald: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *how I wish what Yang Berhormat said was true. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya dengan *loan* dari Parlimen, saya telah membeli Waja dan Waja itu sekarang memang berkecai di hadapan mata saya, *[Ketawa] disintegrating before my very eyes*. Jadi, yang saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, macam manakah *respond time* dari syarikat-syarikat penjual ataupun Proton sendiri kepada permohonan untuk pembetulan ataupun kerosakan, oleh kerana kita mendengar syarikat kereta yang bertaraf dunia, kalau ada sesuatu yang kecil pun yang salah, mereka *recall*, tetapi di Proton, kita nampak tidak ada, apabila kereta saya diserahkan kepada saya, *ashtray* itu tidak ada, saya minta dari penjual, saya minta dari semua pihak tidak ada *respond* langsung sehingga hari ini.

Dan apabila barang-barang lain

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan?

Tuan Jimmy Donald: Inilah soalnya. Apakah bentuk *respond time* ataupun kaedah *respond* yang digunakan untuk Proton untuk meyakinkan orang yang membeli kereta yang dijual oleh Proton, oleh kerana mengikut pengalaman saya sendiri, *respond* memang *nil*, tidak ada. Sekian.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Semua yang saya beri maklum kepada Dewan tadi, adalah dari fakta-fakta dan adalah betul.

Tuan Jimmy Donald: Tidak!

Dato' Mah Siew Keong: Ya, tidak betul? *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya hendak menegaskan bahawa biasanya kita sebagai *Malaysian*, kita lebih kritikal terhadap kereta nasional, oleh sebab kita pun juga mendapat banyak komplain terhadap kereta-kereta dari luar negara dan dari segi servis, Proton adalah rangkaian servis, *service centre* yang terbanyak sekali di Malaysia dan juga apabila kita telah membuat banyak *survey* dan berbincang dengan banyak secara keseluruhan pembeli-pembeli, *spare parts* Proton adalah juga yang termurah jika berbanding dengan kereta-kereta lain, walaupun kita dimaklum bahawa ada sedikit *defect* dalam kereta Proton, tetapi saya hendak memberi jaminan bahawa syarikat nasional kita sentiasa dan sekarang meningkatkan usaha supaya kualiti Proton akan bertambah baik. Terima kasih.

2. **Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah dan apakah sumbangan dan sokongan kementerian terhadap 'NGO' yang mempunyai objektif dan tujuan untuk membantu dan memberi perkhidmatan sukarela kepada wanita, khususnya wanita yang didera.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi sokongan kepada pertubuhan bukan kerajaan yang mempunyai objektif untuk membantu dan memberi perkhidmatan sukarela kepada kumpulan-kumpulan sasaran kementerian ini.

Dalam hubungan ini, kementerian bersama-sama dengan beberapa NGO telah melaksanakan pelbagai program pembangunan wanita yang dibiayai melalui skim pemberian bantuan khas Perbendaharaan kepada NGO-NGO.

Melalui kaedah ini, NGO yang memenuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan diberi bantuan kewangan bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita berasaskan bidang-bidang keutamaan seperti berikut:-

- (i) literasi undang-undang;
- (ii) program-program peningkatan taraf ekonomi wanita;
- (iii) teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) kepekaan gender;
- (v) kempen-kempen kesedaran, gangguan seksual dan keganasan terhadap wanita;
- (vi) penerbitan bahan-bahan bacaan mengenai wanita seperti brosur, pamflet, buku-buku kecil da lain-lain;
- (vii) program pembangunan kapasiti untuk NGO; dan
- (viii) program pengurusan diri, masa dan peningkatan kualiti hidup wanita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu keganasan terhadap wanita, mulai tahun 2001 lagi hingga April 2004 sebanyak RM1,297,660 telah diagihkan kepada 23 NGO untuk melaksanakan sebanyak 30 program peningkatan kesedaran tentang keganasan dan penderaan terhadap wanita.

Antara program-program yang dijalankan adalah seperti kempen-kempen membanteras keganasan terhadap wanita, seminar mencegah, membasmi dan menangani gangguan seksual di tempat awam, bengkel-bengkel mencegah keganasan dan penerbitan risalah mengenai keganasan terhadap wanita yang telah memberi manfaat kepada lebih kurang 42,495 orang peserta. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak rakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Sedikit sebanyak kita nampak ada gerakan daripada terutama sekali seperti persatuan ibu tunggal ataupun badan-badan sukarela wanita yang telah bergerak cergas di daerah-daerah.

Cuma soalan saya ialah, dengan peruntukan yang ada oleh kementerian kita masih tidak nampak selain daripada program secara berkala yang agak berkesan, supaya pusat-pusat komuniti ataupun pusat-pusat khidmat masyarakat yang dibekalkan dengan pegawai-pegawai yang bertauliah bagaimanakah umpamanya perundangan tentang literasi undang-undang seperti Yang Berhormat katakan tadi, mungkin secara bulanan ataupun secara tiga bulan, secara berkala, tetapi yang lebih

penting sekarang ialah masalah yang dihadapi oleh kaum wanita, sama ada untuk membina kualiti mereka ataupun permasalahan mereka, ianya harus ada suatu pusat setempat.

Jadi adakah kementerian Yang Berhormat Menteri bercadang supaya setiap daerah di negara kita ini, supaya dapat kita adakan pusat khidmat kaunselingkah, motivasikah secara *full time*, maknanya dengan peruntukan yang khas supaya permasalahan yang dihadapi oleh kaum wanita kita terutama sekali di luar bandar yang memang kurang pengetahuan, tidak mempunyai cukup pendedahan dan sebagainya.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kepada kita, terutama sekali tentang persatuan-persatuan ibu tunggal ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Dungun kerana beliau adalah salah seorang di antara pemimpin di negara ini yang mengambil berat tentang isu wanita, bukan saya hendak puji tetapi memang betul, sebab saya selalu turun di Dungun, dan saya dapat *feedback* daripada wanita di sana bahawa Yang Berhormat memang dengan secara ikhlas, mengambil berat tentang isu-isu wanita dan menggerakkan kaum bapa supaya mereka menghormati dan menyayangi wanita yang ada di Dungun.

Syabas, saya hendak ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat!

Seorang Ahli: Nombor telefon. *[Ketawa]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Kalau lebih ramailah Yang Berhormat dan pemimpin di peringkat kawasan Parlimen sebegini rupa, saya rasa selamatlah wanita Malaysia ini. Namun begitu Yang Berhormat ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jerai, Jerai, macam mana?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Jerai belum lagi dapat maklum balas, ya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan bahawa saranan Yang Berhormat itu, saya telah beberapa kali berbincang dengan Ahli Yang Berhormat bagi Dungun dan saranan beliau telah pun kita ambil iktibar dan telah pun kita menjalankan. Saya hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat pada tahun kedua penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ini kita masuk tahun yang keempat Yang Berhormat, usaha telah pun dibuat supaya setiap negeri sekarang ini telah ada satu tempat penumpuan setempat iaitu Rumah Nur, setiap negeri ada

Rumah Nur iaitu suatu pusat setempat di mana kita ada pegawai-pegawai kita, ada kaunseling, ada program untuk wanita, pembangunan kapasiti dan lain-lain.

Pada tahun pertama, Yang Berhormat, perkhidmatan yang diberi kepada saya memerlukan lebih peningkatan, sebab kita baru masa itu, kementerian yang baru. Tetapi pada tahun ini, apabila saya lawati Rumah-rumah Nur, saya dapati peningkatan yang diberi kalau dibandingkan dua tahun yang lalu.

Namun begitu, saya tahu bahawa kita perlu meningkatkan lagi, insya-Allah Yang Berhormat, kementerian sekarang sudah lebih besar, kita mempunyai lebih ramai kaunselor yang dahulunya ada di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kita akan gunakan khidmat kaunselor yang ada dan peruntukan yang lebih, untuk menentukan pusat setempat Rumah Nur itu dapat memberi perkhidmatan yang terbaik.

Selain dari itu Yang Berhormat, tahun sudah Perbendaharaan Kabinet telah pun meluluskan bahawa setiap kawasan Parlimen diadakan apa yang dinamakan Dewan Nur, tetapi malangnya oleh kerana kita menghadapi masalah sedikit sebanyak untuk isu hak milik dengan kerajaan negeri, kerana apabila diperuntukkan RM300,000 untuk setiap kawasan Parlimen dibina Dewan Nur, malangnya oleh kerana ada sesetengah negeri tidak dapat mencari tanah atau rumah kita hendak beli RM300,000 tidak mencukupi, maka setakat ini hanya kita mendapat kelulusan untuk 14 sahaja Dewan Nur.

Namun begitu, pada tahun ini dan tahun yang akan datang kita akan memberi keutamaan dan saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Parlimen masing-masing mesti bantu Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga mencari tempat untuk mengadakan Dewan Nur.

Kalau sudah ada Dewan Nur di setiap kawasan Parlimen, masalah Yang Berhormat pun dapat kita bantu selesai, sebab kita akan menghantar kaunselor, pegawai-pegawai kita dan kita akan memberi peruntukan sedikit supaya program dan kursus akan dapat dijalankan bukan hanya untuk wanita, tetapi juga untuk ahli-ahli keluarga. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan yang begitu teliti dan kita ucapkan syabas kepada kementerian ini kerana telah memang banyak menjalankan program dan aktiviti wanita di peringkat Parlimen di setiap kawasan dan

di kawasan saya pun aktiviti wanita memang cukup cergas, aktif tetapi memang apa yang dikatakan oleh Dungun tadi memang benar, kita tidak ada kemudahan asas, tidak ada pegawai yang dapat memberi bantuan kepada NGO-NGO yang menjalankan aktiviti-aktiviti wanita ini.

Selain dari itu, sementara kita menunggu, kita ucap terima kasihlah kepada kerajaan kerana telah meluluskan Dewan Nur kepada setiap kawasan Parlimen, sementara kita menunggu kemudahan asas yang ada ini, adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini bercadang untuk bekerjasama dengan kementerian yang lain seperti KEMAS daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, yang telah mempunyai kakitangannya yang cukup ramai dan memang sentiasa telah pun ada di padang untuk memberi bantuan kepada orang-orang miskin, orang-orang yang perlu bantuan dan apakah kerjasama yang boleh diwujudkan dari segi kerjasama di antara kementerian selain daripada usaha kementerian sendiri?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, memang pun salah satu pendekatan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat Parlimen ialah untuk bekerjasama dengan semua pihak di kawasan Parlimen.

Saya telah memberi arahan bahawa di dalam majlis itu sendiri, ia seharusnya ada bukan hanya orang politik sahaja tetapi juga aktivis, sosial, kaum bapa, orang agama, agensi-agensi kerajaan yang lain supaya kalau ada gabungan yang cantik ini, dapatlah kita menggerakkan lebih lagi untuk wanita dan keluarga di kawasan Parlimen itu.

Cuma ada setengah majlis di seluruh negara yang memang mantap kewibawaan mereka, tetapi ada setengah majlis itu memerlukan bantuan dan pihak Jabatan Pembangunan Wanita di kementerian, kita monitor dan memantau supaya yang mana yang agak lesu sedikit kita akan beri peruntukan dan kita akan bantu, insya-Allah.

Saya hendak mengambil kesempatan di sini kalau boleh diizinkan, tadi Yang Berhormat bercakap sedikit sebanyak tentang isu kebajikan. Oleh kerana kebajikan telah ada di sini dan saya telah pun meminta kepada majlis supaya isu kebajikan diberi keutamaan juga. Saya dapati bahawa sejak kebelakangan ini bila saya baca dalam *paper* macam-macam kes kebajikan dan saya telah meminta pegawai kebajikan di bawah kementerian sekarang supaya lebih proaktif dan ada program *out-reach*, kalau

seketika dahulu kita mungkin tidak beri keutamaan kepada program *out-reach*, saya sudah meminta kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya telah bermesyuarat dengan mereka supaya sekarang ini Pegawai Kebajikan Masyarakat mesti turun ke daerah masing-masing dan bekerjasama dengan pemimpin tempatan yang ada, supaya mereka akan diberitahu mana dia kes-kes yang memerlukan bantuan.

Sebab kita di kementerian kita tidak ada pasukan peronda, kita tidak cukup pegawai untuk memantau setiap rumah orang miskin yang ada di kawasan Parlimen tetapi kalau ada yang lebih proaktif, misal kata Yang Berhormat ataupun JKKkah, atau Pengerusikah, Tok Imamkah, sesiapa sahaja di kawasan Parlimen tahu ada kes yang memerlukan bantuan kebajikan, sila hubungi pegawai kebajikan yang ada, pada masa yang sama kami di Jabatan Kebajikan akan menentukan pegawai kami turun untuk berjumpa dengan pemimpin yang ada di kawasan setempat itu. Terima kasih.

3. Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pihak Jabatan PLKN akan menggabungkan kesemua tiga modul (Latihan Fizikal, Ketatanegaraan dan Khidmat Komuniti) kepada satu tempat sahaja tanpa memindah-mindahkan peserta. Apakah justifikasi peserta terpaksa dipindahkan ke tempat lain setelah selesai Modul Latihan Fizikal.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih di atas soalan ini dan begitu juga terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang lain, yang telah mengemukakan soalan yang ada bersangkutan dengan Latihan Khidmat Negara pada mesyuarat kali ini.

Terdapat 10 keseluruhannya iaitu daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor soalan pada 5 Julai, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pada 6 Julai, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pada 6 Julai, Yang Berhormat bagi Jerai pada 8 Julai, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pada 8 Julai, Yang Berhormat bagi kepong pada 8 Julai, Yang Berhormat bagi Bagan pada 13 Julai, Yang Berhormat bagi Batu Gajah pada 13 Julai, Yang Berhormat bagi Papar pada 13 Julai dan Yang Berhormat bagi Bintulu pada 15 Julai.

Izinkan saya menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara bersekali bermula dengan isu yang berkaitan dengan peserta-peserta, seterusnya isu-isu lain yang berkaitan dengan PLKN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peserta yang telah dipanggil untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ialah seramai 85,000 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 8,559 orang peserta tidak melaporkan diri untuk menyertai program ini.

Tindakan yang boleh diambil ke atas mereka ialah denda sebanyak RM3,000 atau penjara selama tiga tahun. Mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 628 Tahun 2003, mereka yang terlibat boleh didakwa di mahkamah setelah laporan polis dibuat oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak JLKN telah dan masih menjalankan siasatan serta kajian menyeluruh bagi mengenal pasti punca seramai 8,559 orang yang enggan atau gagal mendaftar untuk program ini. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, alasan yang diberi ialah tidak mengetahui nama mereka termasuk dalam senarai yang perlu mengikuti program ini.

Kes-kes seperti ini kebanyakannya berlaku kepada mereka yang tinggal di kawasan pedalaman terutama yang melibatkan kaum-kaum Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Ada yang langsung tidak tahu tentang kewujudan serta pelaksanaan Program Khidmat Negara ini.

Selain daripada itu terdapat juga antara mereka yang terpilih tetapi mempunyai alasan-alasan tertentu untuk tidak mendaftar. Kes-kes ini melibatkan mereka yang tidak membuat permohonan penangguhan sebaliknya memiliki alasan menghidap penyakit yang diklasifikasikan sebagai penyakit kronik atau melahirkan anak dan masih belajar di Tingkatan 5. Selain daripada itu pihak JLKN ada juga menerima laporan yang menyatakan terdapat segelintir di antara mereka yang terpilih sengaja tidak melaporkan diri dan diambil mudah di atas kewajipan untuk menjalani latihan bagi program ini.

Bagi menjawab soalan apakah jumlah sebenar peserta yang telah menjalani PLKN yang berakhir pada 4 Jun 2004 yang lalu pula, jumlahnya adalah seramai 69,205 orang termasuk peserta sukarela. Bilangan peserta lelaki adalah seramai 35,396 manakala bilangan peserta perempuan adalah seramai 33,809 orang. Bagi

mereka yang layak untuk mengikuti latihan PLKN tetapi nama tidak disenaraikan, mereka boleh memohon untuk dipertimbangkan sebagai calon sukarela. Walau bagaimanapun ini bergantung kepada kekosongan di kem-kem latihan yang sedia ada dan tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh JLKN.

Mengenai keberkesanan program ini ke atas peserta-peserta yang telah berumah tangga ianya tidak dibuat kajian di atas perkara tersebut. Ingin saya menjelaskan di sini, peserta yang telah berumah tangga hanya terdiri dari peratus yang sangat kecil.

Program ini diwajibkan ke atas mereka yang berumur 18 tahun dan yang demikian mereka yang telah berumah tangga terdiri dari ibu-ibu muda yang memiliki tahap mental dan fizikal yang sama dengan lain-lain peserta. Bagaimanapun peserta-peserta yang telah berumah tangga boleh membuat permohonan penangguhan jika keadaan fizikal mereka tidak mengizinkan untuk menjalani latihan PLKN, iaitu jika mereka mengandung ataupun sakit.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelatih-pelatih yang kehilangan pekerjaan selepas menyertai program ini, ianya memang ada berlaku, tetapi boleh dikategorikan sebagai kes-kes terpencil. Jumlah pelatih yang kehilangan pekerjaan dianggarkan kurang daripada 20 orang. Di dalam perkara ini, pelatih-pelatih tersebut tidak memaklumkan terlebih dahulu mengenai masalah mereka kepada pihak PLKN.

Pada hakikatnya mereka boleh membuat permohonan menangguhkan untuk menyertai program ini. PLKN merupakan program nasional dan seterusnya mendapat sokongan dan kerjasama dari semua pihak. Pelaksanaan program ini telah dikaji dari pelbagai sudut dan diperhalusi perancangan dan pelaksanaannya.

Bagi mengatasi perkara ini terdapat akta atau peruntukan undang-undang yang mengarahkan setiap majikan melepaskan pekerja mereka yang terpilih untuk menyertai program ini dengan membayar gaji untuk bulan pertama sahaja. Manakala bulan seterusnya iaitu dua bulan lagi, mereka hendaklah diberi cuti tanpa gaji. Sekiranya mereka ingkar dalam perkara ini, majikan akan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pencapaian program ini, kajian yang dijalankan ke atas pelatih mendapati pelaksanaan PLKN berjaya mencapai objektifnya. Program ini telah berupaya membina karakter meningkatkan ketahanan mental, fizikal, emosi, mewujudkan perpaduan, menambah ilmu tentang kenegaraan dan membina semangat kesukarelaan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui seminar kemantapan JLKN yang telah diadakan pada 17 Jun 2004, kerajaan telah membuat keputusan bahawa masa hadapan kesemua empat modul iaitu Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter dan Modul Khidmat Komuniti akan dilaksanakan di kem sahaja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kerajaan sedar tentang berlakunya vandalisme di IPTA-IPTA yang menjadi pusat-pusat latihan PLKN sebelum ini. Oleh itu kerajaan membuat keputusan untuk tidak lagi menjadikan IPTA ataupun IPTS sebagai tempat latihan PLKN di masa hadapan. Semua program akan dijalankan terus di kem-kem PLKN sehingga selesai.

Bagi meneruskan kesinambungan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tak panjang sehingga jawapan selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya Yang Berhormat, masa kita hanya selesaikan Soalan 3 sahaja ini. Jadi kalau boleh ringkaskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini yang paling ringkas kerana mereka soal terlalu banyak, jadi kita ringkaskan. Kalau Tuan Yang di-Pertua suruh berhenti, saya berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Para peserta digalakkan menyertai pasukan-pasukan beruniform seperti Pasukan Askar Wataniah, Bulan Sabit Merah dan lain-lain pasukan sukarela. Selain daripada itu, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang untuk menyerap mereka ini ke dalam Program Rakan Muda.

Berkenaan kos yang telah diperuntukkan bagi program ini pula, sehingga 17 Jun 2004, perbelanjaan untuk Siri 1, 2 dan 3 yang berakhir pada 4 Jun yang lalu ialah sebanyak RM388,572,306.38 sen. Untuk siri yang keempat pula sebanyak RM65 juta telah dibelanjakan. Peruntukan yang telah diberikan kepada program ini sebanyak RM500 juta.

Kita ada membuat perubahan iaitu tentang memudahkan PLKN menjalankan program ini dan mengadakan tambahan kepada 30 kem lagi, dan sistem penggunaan kem-kem ini hendaklah dibuat dan dirancang mengikut pelan yang dikehendaki oleh PLKN, tentang kemudahan-kemudahan apabila mengambil kira jika kita tidak lagi menggunakan pusat-pusat latihan. Oleh sebab itu kem-kem ini adalah kem-kem yang perlu keselesaan dan kemudahan dan keseluruhannya daripada tambahan yang ada daripada 41 kem pada bulan Julai ini, kita akan menambahkan lagi sebanyak 30 kem daripada pemohon-pemohon yang telah menawarkan kawasan-kawasan mereka untuk membina kem keperluan kepada pusat latihan ini.

Semua kem ini akan disewa oleh PLKN iaitu mengikut pelan yang telah dirancang, kemudahan latihan adalah sebanyak RM30 sehari. Kadar sajian satu hari ialah RM16 bermakna RM46 bagi Semenanjung. Manakala bagi Sabah dan Sarawak kemudahan latihan RM41 dan kadar sajian ialah RM20, bermakna RM61 bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian dera yang berlaku di dalam PLKN adalah terkawal dan saya percaya bahawa perkara-perkara yang telah berlaku di mana tindakan telah pun diambil dan sekiranya perkara itu akan dibawa ke Mahkamah Pengadilan, tindakan ini juga disusul dengan peraturan-peraturan yang sedia ada. Bagi peserta-peserta yang ditimpa kemalangan dan sebagainya, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, PLKN telah mendapat kerjasama dengan dua syarikat insurans iaitu Takaful dan saya lupa nama lagi satu, minta . maaf dan syarikat ini memberi khidmat percuma, walaupun dia sanggup membayar atas perjanjian dan tawaran kepada kita, RM10,00 bagi kemalangan yang ringan dan RM20,000 bagi kemalangan yang berat ataupun kematian.

Kita tidak menanggung sebarang beban kepada syarikat ini dan dengan Takaful kita terpaksa menanggung sebahagian kecil, tetapi Takaful akan membayar kalau beban berterusan yang kekal dan mati sebanyak RM60,000. Sekiranya peserta PLKN meninggal dunia, peserta ini akan mendapat RM80,000 keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekasaran-kekasaran yang berlaku adalah di bawah kawalan dan kita percaya tindakan diambil mengikut peraturan-peraturan yang telah sedia ada, dan dalam perkara ini juga pihak PLKN telah membuat keputusan sewaktu dipengerusikan dalam suatu mesyuarat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi dalam Jawatankuasa PLKN ini telah memutuskan

pada masa yang akan datang, Jurulatih-jurulatih PLKN adalah dipilih daripada kakitangan Angkatan Tentera dan berdasarkan moral dan kelakuan yang baik untuk menjadi Jurulatih kepada Jurulatih PLKN mulai penggal yang akan datang.

Saya pendekkan jawapan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Peraturan Mesyuarat 24.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak membenarkan menteri-menteri menjawab soalan-soalan lisan sekali gus beberapa soalan, kerana soalan saya termasuk dalam senarai ini dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: apa yang saya menanya itu tidak dijawab tetapi nama saya disebut

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik, baik.

Tuan Lim Hock Seng: dan saya kehilangan peluang untuk membangkitkan soalan ini pada musim ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Lim Hock Seng: Itu sudah lain dari tujuannya. Jadi, saya berharap supaya Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan secara bertulis, secara terperinci kepada soalan khas untuk saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Ipoh Timor. Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Satu reformasi Parlimen perlu dibuat supaya tidak boleh berlaku seperti ini.

Soalan saya ialah, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa pihak PLKN ada mencapai matlamat tetapi di dalam jawapan beliau menunjukkan sebaliknya – ada vandalisme dan ada universiti-universiti dan IPTA yang membuat *complaint* berjuta-juta ringgit kerugian. Memandangkan lebih daripada 50% pelatih-pelatih yang diiklankan perlu untuk mendaftar tetapi tidak mendaftar adakah ini menunjukkan kurang sokongan dan kepercayaan orang ramai kepada PLKN? Adakah kerajaan rela untuk menanggungkan isu yang mahu mengarahkan pihak polis untuk satu *man hunt* lebih 5,000 orang menangkap dan mendakwa mereka supaya perkara

ini boleh ditimbang dengan sedalam-dalamnya oleh *Select Committee* yang kerajaan sudah bersetuju untuk menubuhkan mengenai perpaduan negara dan bermula dengan PLKN supaya perkara ini dikaji dengan mendalam dan bukan membebankan pihak polis dengan isu ini apabila ada isu yang lebih besar – jenayah-jenayah dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Cukup. *[Disampuk]*.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan ialah mengenai penyertaan peserta-peserta PLKN seramai 85,000. Lebih daripada tiga program telah dijalankan, seramai 69,205 orang telah hadir dan 8,000 lebih yang tidak hadir dalam program itu. Program yang keempat akan diteruskan dan kita harap lebih ramai lagi yang hadir.

Dalam program ini pun terdapat yang hadir secara sukarela. Ini bermakna ada lagi yang akan hadir secara sukarela. Daripada jumlah yang tertinggal seramai 8,000 itu sudah pun melaporkan diri untuk menyertai program dan yang tertinggal ialah seramai 3,000 orang. Jadi, saya percaya jumlah 8,000 orang itu bukanlah peratus yang begitu besar atas ketidakrelaan mereka untuk turut serta. Saya telah menerangkan beberapa sebab bilangan-bilangan itu tidak dapat hadir. Kalau ditolak dengan 3,000 bermakna 5,000 lagi yang tidak hadir daripada apa yang telah disenaraikan.

Sebab-sebab yang telah saya terangkan terutama sekali anak-anak kita di Sabah dan Sarawak yang tinggal jauh di pedalaman, kebanyakan daripada mereka tidak mengetahui bahawa mereka telah terpilih dan tuduhan bahawa ini adalah satu kegagalan, saya rasa kita menuduh mereka ini adalah suatu tuduhan yang di luar daripada pengetahuan mereka.

Oleh sebab itu, kita tidak boleh mengambil tuduhan ini sebagai satu kesilapan ataupun sebagai satu kegagalan. Berilah peluang kepada PLKN khasnya kepada anak-anak muda yang masih ada lagi untuk menyertai program ini. Ramai daripada mereka yang menyertai program ini tidak membantah bahawa program ini tidak baik dan tidak ada daripada mereka yang lari keluar daripada program ini.

Saya percaya ramai *[Disampuk]*. Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu sibuk dialah. Dia biasalah! Sibuk diadakan ataupun sibuk yang sengaja - Saya percaya program ini baik dan kita akan teruskan. Oleh sebab itulah kebaikan daripada tanggungjawab kita untuk memberikan kemudahan, penyelarasan dan kepakaran kepada perjalanan program ini kita pertingkatkan. Bahkan kita belanja dengan kemudahan kewangan yang kita ada, kita boleh berjaya mengadakan bilangan yang sebanyak itu juga dalam tahun yang akan datang. Kita tidak akan mengadakan satu kaji selidik yang lebih mendalam. Kalau vandalisme yang berlaku ini disebabkan oleh.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya! Boleh minta penjelasankah?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini saya hendak bagi penjelasanlah. Ya, saya bagi penjelasan bahawa..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, saya bagi penjelasan bahawa semua kajian ini telah dibukti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan pun tidak payah...

Seorang Ahli: Soalan tambahan itu tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat Ir. Hasni bin Haji Mohammad.

4. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan kesediaan kementerian menambah jumlah pemberian subsidi kepada peladang, penternak dan nelayan serta menjelaskan penanda aras yang digunakan dalam menentukan pemberian subsidi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan pakej bantuan yang mencukupi untuk membantu petani, penternak dan nelayan di seluruh negara buat masa ini.

Bagaimanapun, kementerian akan terus mengkaji pakej tersebut dari masa ke semasa bagi membantu meningkatkan pengeluaran serta taraf hidup mereka.

Pada masa ini tidak ada penanda aras tertentu yang digunakan dalam pemberian pakej insentif. Ianya berubah-ubah mengikut jenis projek yang dijalankan dan bergantung pada keadaan semasa. Apa yang paling penting ialah golongan sasaran hendaklah terdiri daripada petani, penternak dan nelayan yang menjalankan sendiri projek mereka dan projek tersebut hendaklah berdaya maju. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen di atas jawapan tetapi saya kira kita ini belum merasa jelas. Bukanlah tujuan soalan ini untuk menggalakkan kita memiliki mentaliti subsidi ini tetapi kalau kita melihat berdasarkan kepada kajian, apabila GNP sesebuah negara meningkat, bantuan subsidi juga meningkat. Kalau negara kita sanggup berbelanja – mengikut laporan Bernama, kita sanggup berbelanja dalam tempoh 5 tahun sejak tahun 2000 untuk subsidi petroleum sebanyak RM35.9 billion dan kalau kita hendak menjadikan industri pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi, jadi, setakat ini kita hendak mendapat tahu daripada kementerian berapakah jumlah subsidi yang diberi untuk menggalakkan peladang, penternak dan nelayan? Adakah ini sejajar dengan usaha untuk membantu petani, penternak dan nelayan?

Saya katakan tadi sebanyak RM35.9 billion subsidi petroleum sanggup kita hapuskan untuk tujuan kemudahan yang lain tetapi untuk petani, penternak dan nelayan berapakah jumlah subsidi yang kita sudah berikan dan perlu ada satu penanda aras yang boleh kita guna pakai untuk memastikan subsidi ini benar-benar berkesan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat menanyakan sama ada kita bersedia menambah subsidi dan saya jawab bahawa kita mengikut daripada projek dan dari masa ke semasa – memang kita melihat keadaan. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, memang kita telah mengagihkan subsidi-subsidi yang ada dan kalau dapat kita hendak cuba kurangkan penggunaan perkataan “subsidi” dan mungkin kita mengatakan “bantuan-bantuan”. Sebab mengikut WTO dan akta, perkataan “subsidi” ini memang ada sekatan-sekatannya. Jadi, bermula daripada Januari tahun hadapan mereka akan menilai keupayaan sesebuah negara dari segi bantuan-bantuan yang diberikan iaitu subsidi – dia tidak mahu sebab dia hendak mengadakan semua sama rata.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, memang kita ada mengagihkan bantuan-bantuan atau subsidi, pertamanya kepada kaum nelayan di mana bilangan nelayan keseluruhannya mengikut statistik tahun 2000 ada seramai 81, 994 orang. Kita telah memberikan subsidi diesel untuk bot nelayan yang mana sebanyak 60 juta liter di mana 39 juta liter diberi melalui NEKMAT. Bakinya diberi melalui PENESA atau persatuan nelayan di Sarawak dan juga SAFMA iaitu persatuan nelayan di Sabah dan juga syarikat swasta. Jumlah subsidi yang dibiayai oleh kerajaan untuk sebulan pada bulan Julai 2003 ialah RM7.66 juta dan anggaran jumlah subsidi setahun ialah RM92 juta. Jumlah subsidi ini tidak tetap dan bergantung kepada faktor harga.

Keduanya, kita memberi subsidi kepada petani dan pekebun kecil di mana subsidi harga padi bagi pesawah sebanyak RM24.81 pada 100 kilogram dan ini diberi melalui BERNAS kepada petani di seluruh negara. Jumlah peruntukan bagi tujuan ini adalah RM440 juta setahun.

Subsidi baja pula - subsidi baja padi yang berupa dua beg urea dan lima beg baja campuran setiap ekar sawah. Nilai subsidi baja setiap ekar ialah RM77. Jumlah nilai subsidi baja bagi kawasan LPP ialah RM121.49 juta setahun dan kawasan KADA ialah RM40 juta setahun manakala kawasan MADA ialah RM41.24 juta setahun.

Di bawah penternak kita tidak ada subsidi tertentu sebab ia dimasukkan di bawah program-program khas.

Tadi, Yang Berhormat bertanya mengenai penanda aras yang digunakan. Penanda aras yang selalu digunakan secara keseluruhan adalah:-

- i) pekebun kecil yang berpendapatan rendah;
- ii) projek yang dilaksanakan secara berkelompok;
- iii) projek yang dilaksanakan mempunyai pelan pembangunan dan pelan pemasaran yang jelas; dan
- iv) projek yang ingin dilaksanakan adalah projek yang berdaya maju

Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pontian dan tidak kurang juga terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menjawab soalan ini.

Soalan ini soalan cepu emas kepada golongan ini – golongan petani, terutamanya nelayan dan pekebun-pekebun kerana kemiskinan dalam kelompok ini. Mahu tidak mahu kemiskinan yang diperkatakan dalam negara kita ialah dalam kumpulan ini dan soal bantuan memang kita dengar dan kerajaan memang kita dengar...memang kita dengar dan Kerajaan Barisan Nasional.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan soalan kalau tidak nanti tidak ada peluang untuk mendapatkan jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Semua perkara Tuan Yang di-Pertua, ia ada permulaannya, baru dia sampai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju tetapi masa, masa, saya takut Yang Berhormat tidak mendapat jawapan nanti. Ringkaskan terus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia tidak boleh terus begitu Tuan Yang di-Pertua, ia tidak boleh, lebih-lebih lagi yang sudah berumur ini, dia hendak *slow*, baru pergi ke matlamatnya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya? Ia baru boleh masuklah. Baru ngam kata orang. *[Ketawa]* Golongan ini Tuan Yang di-Pertua, memang memerlukan bantuan dan antara golongan yang paling minat mendengar apabila kita membuat bajet setiap tahun adalah golongan ini, kerana mereka ingin mendapat pertolongan dari kerajaan secara pertolongan yang sebenarnya. Golongan ini bukan macam golongan yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari cantik ini Tuan Yang di-Pertua, bunga dia lebih besar menutup nama dia kat dada. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan dia bunga, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya, golongan ini dia minta bantuan, sokongan subsidi yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Pontian tadi,

tidak sama dengan golongan kebajikan masyarakat. Golongan kebajikan masyarakat orang kurang upaya, kurang daya kemampuan tetapi golongan ini golongan yang hendak bekerja, golongan yang memang bekerja.

Jadi saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah seorang Menteri yang hebat, Naib Presiden UMNO, main-main ke, Naib Presiden UMNO yang kananlah, seorang menteri. *[Disampuk]* Jadi bagaimana kementerian agaknya benar-benar dapat memberikan bantuan yang sebenarnya boleh mengatasi kesengsaraan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... yang dialami oleh golongan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas budi baik Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya bercakap bab subsidi tetapi untuk makluman Yang Berhormat, bantuan-bantuan lain yang diberi kepada nelayan dan juga petani, pekebun kecil, penternak ada pelbagai. Satu bantuan atau *grant* yang tidak termasuk wang ihsan yang kita berikan, sentiasa kita berikan seperti kalau kepada nelayan, seperti pembiayaan pembaikan kulit bot yang bernilai RM15,000.

Kepada petani, pekebun kecil seperti bantuan benih baka lembu berdaging, itik penelur bernilai RM3,000 dan juga kadang-kadang kita beri bantuan reban 500 ekor anak ayam serta 27 beg makanan kepada ayam itu dan selepas itu kita beri juga *grant* pengubahsuaian petak penyimpanan makanan bagi nelayan. Dan selepas itu kita ada pelbagai lagi skim-skim yang diterajui bukan sahaja Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi juga pelbagai kementerian lain termasuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi memang banyak Yang Berhormat tetapi saya secara cepat ingin menyampaikannya.

Satu lagi bantuan dalam bentuk pinjaman iaitu di bawah Tabung 3F juga kita berikan bagi mereka yang dapat membayar balik, kita melihat dari keupayaan membayar balik. Selepas itu kita ada juga dari segi memberi kursus dan latihan, kadang-kadang kita memberi bantuan tidak cukup tetapi kita harus ada kursus dan latihan dan juga motivasi kepada mereka ini supaya mereka akan lebih berdaya saing.

Seterusnya Program Pembangunan dan Bantuan yang tidak langsung seperti pembinaan unjam-unjam, pembinaan bot-bot, pembinaan infrastruktur pada ladang mereka, menyediakan peralatan dan jentera, mesin dan pelbagai lagi bantuan-bantuan lain yang mungkin tidak begitu jelas tadi sebab soalnya adalah di bawah subsidi tetapi memang macam-macam program dan skim yang diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said.

5. **Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kerajaan berhasrat dengan siapnya pembinaan LPT daripada Karak ke Chenor, had laju 90 km/jam akan dinaikkan kepada 110 km/jam bagi Lebu raya Kuala Lumpur – Karak dan Karak ke Chenor.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua, masa menjawab dua jam lebih baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kalau Peraturan Mesyuarat dipinda memang boleh berbuat demikian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kita pohon kepada kerajaan dua jamlah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krau, kadar maksimum had laju yang ditetapkan untuk sesuatu jalan atau lebu raya tertakluk kepada had laju reka bentuk yang telah ditentukan pada peringkat reka bentuk. Bagi Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak yang melalui kawasan beralun dan berbukit bukau, ia telah dibina mengikut had laju reka bentuk 90 km/jam. Pemanduan pada kelajuan yang tinggi di kawasan yang beralun dan berbukit lebih berbahaya daripada kawasan rata. Maka dengan itu kadar had laju yang telah ditetapkan dari Kuala Lumpur hingga ke Karak adalah 90 km/jam.

Mengenai bahagian Lebuhraya Pantai Timur dari Karak ke Chenor pula, topografi kawasan tersebut adalah kurang beralun dan lebih rata daripada bahagian Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak. Reka bentuk Lebuhraya Pantai Timur dari Karak hingga Chenor telah dibuat dengan mengambil kira kelajuan 110 km/jam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur dari Karak ke Chenor dijangka akan dibuka pada 1 Ogos 2004 akan datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang rajin datang ke Parlimen ini. Vanakam Yang Berhormat, vanakam. Soalannya Yang Berhormat Menteri, saya dapati Lebuhraya Utara – Selatan apabila di musim hujan terutama sekali di antara Alor Star ke Sungai Petani, Sungai Petani ke Butterworth, bila hujan, air bertakung di jalanan. Bila air bertakung di jalanan Yang Berhormat Menteri, apabila kereta di hadapan berjalan, air itu akan sembur naik ke kereta di belakang, semasa itu pemandu berada di dalam keadaan kegelapan. Maka dia terkejut dan kadang-kadang berlaku kemalangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi apakah boleh ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak ada kaitan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, bukan Karak tetapi lebuhraya itu daripada Utara – Selatan boleh masuk ke Karak Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Jadi, adakah pihak kementerian, kita tidak apa, rakyat sudah bersetuju, cuma dahulu parti pembangkang yang tidak bersetuju kena tol tetapi sekarang dia orang pun guna. Kita setuju bayar tol, gunakan lebuhraya dengan keadaan aman, kereta pun *maintenance* kurang, *brake lining* pun kurang habis, tayar pun kurang makan tetapi orang dimakan sekarang. Kita tengok kemalangan di lebuhraya, kelmarin sahaja bas ekspres berapa orang sudah kembali ke rahmatullah, kasihan sama dia orang. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri yang cukup arif fasal jalan, sampai seluruh lebuhraya di Malaysia kenal Yang Berhormat, siapa Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sila duduk, sila duduk. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi boleh atau tidak boleh supaya jalan kita ini, lebuhraya kita ini dibina mengikut satu standard, jangan ada, kadang-kadang Yang Berhormat dia melompat macam itu Yang Berhormat, beralun. Kita duduk berasa macam mana ini, bergoyang-goyang dalam kereta kerana dataran muka jalanan itu tidak sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi bila hujan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...kalau Yang Berhormat hendak jawab sendiri, boleh sambung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini saya persoalkan untuk jaga keselamatan Tuan Yang di-Pertua juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mengucapkan terima kasih tetapi kalau Yang Berhormat hendak jawab sendiri sambungkan soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jika Yang Berhormat guna lebuhraya kalau apa-apa jadi Yang Berhormat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat. Tolong jawab Yang Berhormat, ya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu benarlah, benar enam bulan yang lalu, tetapi bukan sekarang. Beberapa bahagian daripada jalan itu sudah diperbaiki dan juga sudah diratakan semula dan ada lagi bahagian-bahagian kita sedang memperbaikinya. Saya percaya tidak lama lagi jalan itu boleh dijadikan jalan yang lebih baik daripada masa dahulu.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah, sebab Menteri pukul 8.00 sudah sampai di sinilah.

Puan Tan Ah Eng: Ya. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tahu sebahagian Lebuhraya Air Keroh hanya 90 km/jam sahaja dan ini menyebabkan pemandu mengantuk bila memandu. Adakah kementerian bercadang untuk menaikkan 90 km/jam ini kepada 110 km/jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Air Keroh pun boleh sampai ke Karak sinilah. *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan had laju jalan ini, ditetapkan oleh Parlimen. Oleh kerana walaupun kita sudah meminda undang-undang, kita kena bawa perkara ini ke Parlimen sekali lagi untuk menaikkan had laju. Jadi kita tidak mempunyai kuasa untuk membuat seperti itu sekarang, tetapi perkara ini dalam pertimbangan Kementerian Pengangkutan bersama dengan Kementerian Kerja Raya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah sesi soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLUK PEROSAK
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

.Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. ***[5 Julai 2004]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi kawasan Mambong diminta menyambung ucapan.

11.10 pagi

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya menamatkan hujah-hujah saya semalam, oleh sebab kesuntukan masa, saya telah pun menyenaraikan lima kategori racun-racun makhluk perosak yang sangat berbahaya;

- (i) Kumpulan *organochlorines*;
- (ii) Kumpulan *organophosphates*,
- (iii) Kumpulan *Phenoxyactetic Acids*;
- (iv) Kumpulan *Carbamates*; dan
- (v) Kumpulan *Synthetic Pyrethroids*.

Saya ingin menyarankan kepada kerajaan bahawa jenis-jenis racun makhluk perosak di dalam lima kategori yang tersebut haruslah diharamkan kegunaannya di negara kita. Oleh itu, saya meneruskan hujah-hujah saya dengan kegunaan racun makhluk perosak. Risiko dan bahaya menggunakan racun-racun makhluk perosak memang disedari dan diketahui oleh umum. Menurut statistik *World Health Organization* (WHO) dengan izin, sekurang-kurangnya 25 juta pekerja di sektor pertanian setiap tahun diracuni oleh racun makhluk perosak dan daripada bilangan ini lebih 200,000 orang maut.

Menurut WHO lagi, di Malaysia dan di Sri Lanka, 7% hingga 15% di kalangan petani ada mengalami keracunan akibat kegunaan racun makhluk perosak. Di Filipina, 50% di kalangan penanam padi mengalami keracunan setiap tahun. Di Thailand, sekurang-kurangnya 5,500 orang petani dan pekebun dimasukkan ke hospital kerajaan setiap tahun dan 380 orang daripada bilangan mereka maut.

Tuan Razali bin Ismail: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: Menurut Laporan *World Forest Movement* sebuah badan NGO yang bertempat di United Kingdom, 30,000 orang pekerja-pekerja wanita di ladang-ladang kelapa sawit mengalami pelbagai kesan racun makhluk perosak yang digunakan oleh mereka. 90% *exposure* dengan izin, kepada racun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dr. James Dawos Mamit: Kuala Terengganu. Ya, terima kasih. Silakan.

Tuan Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin. Tadi Yang Berhormat telah menyentuh berhubung dengan lima kategori racun makhluk perosak tadi. Apakah tidak ada ikhtiar untuk kita membuat satu tindakan *neutralize* untuk kita memastikan racun-racun itu tidak berbahaya lagi, sebab kemajuan sains dan teknologi sekarang ini saya kira boleh untuk mensifarkan kesan-kesan racun itu.

Saya kira kerana sekarang ini aktiviti pertanian adalah bersifat *commercialize*, adalah bersifat *large scale* yang akan mendatangkan keuntungan yang besar kepada kita, saya kira usaha-usaha juga perlu dicari untuk kita *neutralize*.

Selain dari itu juga tanam-tanaman kita, sayur-sayuran kita itu boleh pula *resistant* kepada *insect* ataupun *resistant* kepada penyakit-penyakit yang dibawa melalui serangga dan serba macam *fungus*, tikus dan lain-lain lagi. Saya kira kemajuan-kemajuan sains dan teknologi, biotech dan DNA semasa ini, boleh merawat dan menyelesaikan permasalahan ini. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya dapati dua soalan daripada Yang Berhormat. Yang pertama adalah teknologi bagi *meneutralisekan* racun-racun makhluk perosak. Memang sudah ada teknologi untuk *meneutralisekan* racun-racun makhluk perosak, tetapi teknologi yang digunakan adalah menggunakan bahan-bahan radioaktif. Ini bermakna kalau kompaun kimia yang digunakan untuk membuat racun-racun makhluk perosak boleh dipecahkan

sebagai molekul-molekul tertentu menggunakan radioaktif material itu maka kita berjaya untuk *neutralisekannya* tetapi bahan-bahan radioaktif ini juga merbahaya. Jadi, selepas kita berjaya *neutralisekan* racun-racun tersebut kita pula *introduce* satu lagi bahaya di dalam alam sekitar. Jadi, teknologi ini belum memuaskan lagilah kalau kita pandang dari segi pencemaran alam sekitar.

Yang kedua, kita boleh menggunakan baka-baka yang diperolehi daripada Genetically Modified Organism (GMO) ini agar baka-baka ini lebih bertahan lagi daripada serangan makhluk-makhluk perosak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Ya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati tadi ada datang mengenai daripada Thailand tentang kegunaan kimia makhluk perosak. Saya ingin menyampaikan hasrat dan keluhan pesakit-pesakit pada hari ini apabila penggunaan bahan kimia melalui racun makhluk perosak itu telah digunakan terutama sekali pada buah-buahan yang diimport dari Thailand. Apa yang berlaku ialah kebanyakan pesakit-pesakit yang melaporkan bahawa mereka mengalami sakit tekak, *tonsillitis* dan ini bukan sedikit bilangannya. Apabila musim buah-buahan telah pun datang mereka hadir ke klinik-klinik atau hospital dan mengadu. Adakah ini mendapat pertimbangan daripada pihak Yang Berhormat supaya kita juga perlu melihat agar penggunaan racun makhluk perosak ini tidak dibenarkan berleluasa. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang petani-petani di negara jiran kita iaitu Thailand menggunakan racun-racun makhluk perosak yang berlebihan. Apabila negara kita ataupun rakyat kita di sempadan mengimport dan memakan buah-buahan ataupun sayur-sayuran yang diimport itu terkenal sedikit keracunan. Itulah sebab mereka mengalami sakit tekak. Oleh itu, saya menyarankan kepada kerajaan lebih-lebih lagi kementerian agar lebih *strict* lagi di dalam usaha memantau dan memeriksa bahan-bahan import daripada

negara jiran supaya kandungan bahan-bahan kimia tidak berlebih-lebihan di dalam bahan-bahan yang diimport daripada negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Ya.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan racun ini ialah salah guna, tidak kira sama ada diimport dengan rasmi atau tidak – salah guna. Jadi, soalan saya ialah adakah kementerian mengambil berat tentang dengan izin, *extension education* kepada petani-petani supaya mereka sedar betapa bahayanya menggunakan racun-racun dengan spesifikasi yang tidak terbatas.

Yang kedua, kadang-kadang pembeli-pembeli bila sudah membeli racun-racun ini dia campur sendiri sampai dia sendiri pun tidak tahu campuran itu macam mana. Jadi, inilah puncanya juga.

Akhir sekali, bolehkah Yang Berhormat menggalakkan pengguna kimia organik atau menggunakan teknik sahabat alam, minta pandangan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Salah guna ini memang berleluasa di kalangan petani-petani kita. Kebetulan itulah satu daripada cadangan saya ialah untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti *extension education and public awareness program* di kalangan petani-petani. Itulah sebabnya insiden keracunan ini banyak sebab mungkin kekurangan aktiviti-aktiviti *extension and public education* di kalangan petani-petani kita.

Pembeli-pembeli racun yang mencampur sendiri, hal ini memang di dalam pindaan ini saya telah pun telitikan bahawa satu daripadanya ialah melabelkan racun dengan jelas. Petani kita yang memang pandai dan arif dalam penggunaan racun, jika ada label racun yang jelas maka mereka tahulah cara menggunakannya dan jangan campur racun dengan bahan-bahan kimia yang lain.

Tentang kimia organik ataupun kaedah mesra alam, di dalam cadangan saya nanti saya ada sebut '*integrated pest control management*'. Itu adalah satu daripada kaedah yang saya ingin cadangkan kepada kerajaan agar kita boleh mengurangkan penggunaan racun makhluk perosak di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, 90% exposure kepada racun....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi di sebelah sana.

Dr. James Dawos Mamit: Ada di sebelah sana. Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu pandangan dan soalan di mana saya difahamkan pada satu taklimat di Kota Kinabalu bahawa bahan 'ratumin' diguna sebagai racun tikus dan diguna sebagai campuran dadah jenis syabu. Adakah ini betul dan apakah kesannya? Sekian.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar. 'Ratumin' adalah sejenis racun tikus, itu memang benar. Jika kita menggunakan 'ratumin' untuk menghapuskan tikus, bila tikus makan racun tersebut maka tikus akan mencari air untuk diminum kerana mereka dahaga. Apabila sahaja minum air tikus mati di mana-mana pun sahajalah, di rumah kita dan juga di sawah-sawah kita.

Jadi, saya pun ada baca dalam surat khabar bahawa racun ini adalah satu bahan yang dicampur di dalam pil-pil khayal iaitu syabu. Ini amat merbahaya kerana mereka yang menggunakan syabu ini akan minum air banyak juga tetapi kalau berlebihan nanti kesannya memang mampuslah. *[Ketawa]* Jadi, saya harap rakyat Malaysia janganlah menggunakan pil-pil khayal seperti syabu. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya teruskan....

Tuan Yang di-Pertua: Di sini, sekejap Yang Berhormat, ada di sini pula.

Dr. James Dawos Mamit: Ketereh, silakan. Ketereh sudah tukar fesyen.

[Ketawa]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Sama fesyen. Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun meminta penjelasan ini kerana saya tahu Mambong adalah pakar dalam alam sekitar, kita boleh merujuk kepadanya dan beliau banyak cadangan. Persoalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah sebagai pengguna saya selalu beli sayur di kedai, di pasar. Saya diminta oleh isteri dan orang di rumah, maksudnya pembantu rumah, supaya mencari sayur yang ada kesan dimakan ulat. Maksudnya kesan dimakan oleh makhluk perosak. Bila saya tanya kepadanya, jawabnya kerana kurang penggunaan racun.

Lalu bila kita bercakap soal Rang Undang-undang Makhluk Perosak ini terlintas di fikiran saya seolah-olah ramai orang pada masa ini lebih rela makan sayur yang dimakan makhluk perosak daripada makan sayur yang kena racun makhluk perosak. Bolehkah pakar *environment* kita beri satu komen atau penjelasan mengenai perkara ini. Adakah betul pandangan ini atau ini hanya satu persepsi orang ramai? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Sayur-sayuran yang ada kesan dimakan oleh makhluk perosak ini bukan semestinya juga pekebun ataupun petani tidak menggunakan racun makhluk perosak dengan berlebihan. Ada kemungkinan mereka sudah menggunakan racun dengan berlebihan tetapi makhluk-makhluk perosak ini sudah kebal. Ada juga insiden begitu makhluk perosak sudah kebal dan sudah *immune* kepada racun-racun yang digunakan kalau mereka menggunakan jenis racun yang sama di tempoh yang lama. Jadi, ini juga tidak betul. Kalau mahu makan sayur-sayuran yang tidak ada *residue* racun lebih baik tanam sendirilah di belakang rumah. Teknologi hidroponik mempercepatkan pertumbuhan sayur-sayuran.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: Di sebelah sini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya sebelah sini, Pendang.

Dr. James Dawos Mamit: Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sabak Bernam dahulu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Berkenaan dengan racun makhluk perosak ini, Sabak Bernam ingin memohon pertolongan segera daripada pihak kementerian yang berkenaan kerana sejak lima tahun yang lepas lebih 20 ekor babi telah ditembak mati di daerah Sabak Bernam. Jadi, makhluk perosak ini, ini babi hutanlah, tetapi sekarang sudah tidak ada hutan jadi kita panggil babi liar.

Jadi, sebenarnya kalau hendak dikesan kerosakannya memang sangat banyak, bukan beratus ribu tetapi berjuta ringgit. Jadi, maknanya, sehingga sekarang babi ini belum ada lagi satu jenis racun yang dapat menghapuskannya. Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan peruntukan RM100,000 untuk menembak babi. Sehingga sekarang babi ini semakin bertambah kerana hanya yang dewasa sahaja yang ditembak mati.

Saya ingat kepada pakar, tentu babi ini kalau dia beranak, saya ingat dia sekali beranak, 10, 12 dan sebagainya. Jadi, kalau yang ditembak itu hanya yang dewasa sahaja, jadi ini akan menjadi masalah. Oleh kerana itulah, mungkin Yang Berhormat bagi Mambong ini, nampaknya dia pakar sedikit, boleh mencadangkan satu jenis racun perosak yang boleh umpamanya, menghapuskan babi.

Untuk makluman, babi ini pula sebenarnya dia binatang yang cukup cerdas. Sebenarnya racun gramoxone, racun roden dan kemudian racun tikus telah digunakan untuk – maknanya membunuh mereka melalui makanan yang binatang ini suka, tetapi nampaknya mereka lagi cerdas daripada kita. Selepas tiga, empat ekor mati, maka yang lain itu macam ada satu *net working* pula. [Ketawa] Maknanya, dia tidak ada

Oleh kerana itu, yang ini, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam memohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau kementerian berkenaan supaya tolong mengambil tindakan segera kerana implikasinya ialah ramai petani yang sudah lemah semangat untuk bercucuk tanam. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Ini adalah satu situasi yang agak susah dikawal.

Yang pertama, kalau kita menghapuskan babi liar ini menggunakan racun, ada kesannya selepas itu, racun yang digunakan pun masuk di alam sekitar dan di air-air sungai, maka tercemarlah air sungai kita.

Yang kedua, seperti yang saya telah sebut tadi, makhluk perosak ini boleh menjadi kebal apabila racun yang digunakan racun yang sama dan dalam tempoh yang panjang. Tetapi untuk *mammals* ini, *mammals* adalah kumpulan binatang yang besar, mereka pun pandai *net working*. Jika kita gunakan racun mungkin yang mati 10, 100, tetapi bukan semua, kerana mereka juga tahu selepas itu bahawa mereka diracuni dan tidak boleh makan racun lagi.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, nanti sekejap.

Dr. James Dawos Mamit: Yang senang untuk mengawal babi-babi liar ini adalah dengan membunuh, dengan menembak mereka, itu sahaja jalannya. Yang kecil itu, kalau kita gunakan *traps*, [Disampuk] Ha! *Traps*, jerat. Kalau kita menggunakan jerat mungkin kita boleh membunuh yang kecil-kecil itu.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, ya. Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kembali kepada soal sahabat Yang Berhormat bagi Ketereh tentang kesan racun makhluk perosak kepada sayuran.

Sekarang ini kita lihat banyak syarikat *direct selling* ini menjual bahan-bahan untuk mencuci ataupun membersihkan kesan-kesan racun kepada sayur-sayuran ini.

Adakah pandangan Yang Berhormat bahan-bahan ini sesuai untuk kita gunakan dan tidak merosakkan ataupun boleh membuang kesan-kesan racun makhluk perosak kepada sayuran itu tadi. Daripada pengalaman Yang Berhormat sendirilah sebagai pakar dalam soal ini

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Ini kesan-kesan racun kepada sayuran. Walaupun kita boleh mencuci racun-racun ini dengan bahan-bahan yang lain, kita mesti meneliti bahawa bahan-bahan ini juga diperbuat daripada bahan-bahan kimia juga.

Semua bahan kimia adalah mengandungi molekul-molekulnya sendiri yang kadangkala juga berbahaya kepada kita manusia. Kalau sudah berlebihan di dalam badan kita, bukan semestinya kita mahu terus, tetapi kalau residu ini sudah banyak di dalam badan kita, kesannya adalah *indirect*, iaitu ia boleh menyebabkan kematian sel-sel di dalam badan kita. Jika sel-sel ini sudah mati di dalam badan kita, maka timbullah penyakit barah.

Itulah sebabnya bahan-bahan kimia ini, selain daripada racun-racun memang berbahaya, jika sudah lama digunakan untuk kita sendiri, jika kita menggunakan dalam tempoh yang agak lama.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Ada seorang lagi yang bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Okay, silakan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong. Jadi kita telah mendengar banyak cerita tentang bahaya racun, penyalahgunaan dan sebagainya dan kalau kita lihat dia sangat berbahaya, bukan sahaja kita hendak membunuh makhluk perosak, tetapi juga secara tidak langsung merbahaya kepada manusia.

Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Mambong, perlu ada satu mekanisme supaya racun makhluk perosak ini dijual secara terkawal, kerana kita dapati sekarang racun ini sentiasa dijual di kedai tanpa kawalan kepada para petani dan pengguna racun dan penyalahgunaan racun. Di tempat saya pernah berlaku sungai-sungai diracun untuk mendapat ikan yang banyak, banyak ikan mati.

Jadi, setuju atau tidak dengan saya sekiranya ada satu mekanisme supaya racun-racun ini dijual dengan secara yang terhad dan petani, pengguna dan sebagainya perlu mendapat permit atau lesen khusus untuk membeli racun-racun ini. Sekian, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Racun memang bahaya, oleh itu penjualan racun haruslah dikawal dan dipantau oleh pihak kerajaan. Saya melihat di dalam pindaan akta ini, ada peruntukan untuk mengawal penjualan racun makhluk perosak ini yang amat berbahaya. Saya yakin pihak kerajaan dapat mengawalnya jika penguatkuasaan diperketatkan melalui akta ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun seorang lagi, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong. Saya ingin bertanya di atas perkara yang Yang Berhormat bangkitkan tadi tentang setiap bahan kimia ini memiliki molekul yang membahayakan kesihatan manusia dan juga hidupan.

Memandangkan kepakaran yang ada pada Yang Berhormat bagi Mambong, adakah di samping racun makhluk perosak ini dan racun-racun yang lain, adakah penggunaan baja-baja kimia, penggunaan *chemical fertilizer* ini, yang kita gunakan untuk menyuburkan tanaman ini juga memberikan kesan terhadap hasil yang akan dikeluarkan oleh tanaman tersebut. Harap mendapat penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit: Beginilah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Baja-baja kimia ini yang kita guna selalunya mengandungi bahan-bahan *phosphate*, *nitric* dan sebagainya. Bahan-bahan ini adalah diserap ataupun diambil oleh tumbuhan-tumbuhan ataupun tanaman-tanaman kita supaya digunakan untuk membuat makanan agar tanaman-tanaman kita boleh membesar dengan cepat.

Yang paling berbahaya di dalam baja-baja kimia ini ataupun baja-baja *inorganic* ini adalah bahan *nitric*. Bahan *nitrates* ini kalau tidak dapat disintesisikan oleh tanaman kita, kalau tidak dapat dipecahkan oleh tanaman-tanaman ataupun tumbuhan-tumbuhan maka *residuenya* akan tertinggal di dalam tanaman itu. Jika kita makan sayuran-sayuran ini, lebih-lebih lagi budak-budak kecil, ini boleh menyebabkan *retardation of the brain development*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Buah-buahan macam mana, Yang Berhormat? Buah-buahan?

Dr. James Dawos Mamit: *[Ketawa]* Buah-buahan, Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ataupun *development* buah-buahan ini berlainan daripada sayur-sayuran kerana buah-buahan ini dia tumbuh daripada kebanyakan eksil tumbuh-tumbuhan. Jadi, buah-buahan ini terjadi apabila tumbuh-tumbuhan ini, di dalam satu situasi stress. Ini bermakna kadang-kadang kekurangan air dan kekurangan baja kimia. Jadi buah-buahan ini terjadi. Yang selalu digunakan di dalam buah-buahan adalah bahan-bahan hormon. Hormon ini berlainan daripada *inorganic fertilizer*. Hormon menyebabkan buah-buahan menjadi dengan berlebihan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Bernard S. Maraat: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: Sini dulu, sini dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada saudara dan rakan kita, Yang Berhormat bagi Mambong. Saya hanya ingin menambah sedikit mengenai dengan racun-racun perosak dan sebagainya dan juga akan menyusul beberapa soalan yang perlu diperjelaskan nanti.

Satu di antara lain saya rasa petani-petani kita, sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai dengan racun-racun yang digunakan, saya rasa kita perlu ada satu garis panduan ataupun mengeluarkan buku-buku panduan kepada petani-petani kita supaya mereka ini akan mengetahui bahawa racun-racun ini adalah racun yang berbahaya dan racun-racun ini perlu sekiranya racun-racun akan membahayakan umpamanya bila kita hendakkan maklumat mengenai beberapa perkara berkenaan dengan *phosphate*, *nitrate* dan *carbonate* dan sebagainya.

Selalunya racun-racun ini akan mengakibatkan, memudaratkan mungkin kepada *kidney* kita ataupun paru-paru kita ataupun jantung kita dan sebagainya. Dia mempunyai *targetnya* tersendiri semua racun-racun yang Yang Berhormat sebutkan itu tadi. Jadi, Yang Berhormat patut agar satu garis panduan, buku panduan disediakan, sama ada disediakan oleh petani ataupun badan-badan yang tertentu.

Saya sebutkan di sini Yang Berhormat, khususnya di daerah pedalaman di mana saya mewakili iaitu Pensiangan, penggunaan racun yang disebutkan oleh

Yang Berhormat itu amat berleluasa sehingga menjejaskan bukan sahaja dari segi tumbuh-tumbuhan tetapi menjejaskan juga khazanah sungai-sungai dan sebagainya. Racun-racun yang digunakan ini, kalau kita pergi ke sungai-sungai sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Terengganu semalam, semua khazanah sungai ini dari jenis yang kecil hinggalah siput, lintah-lintah yang selalu terdapat di sungai pun semuanya sudah musnah disebabkan racun-racun tersebut.

Saya rasa perkara ini perlu kita tekankan dalam segi rang undang-undang kita. Sekarang saya tanya kepada Yang Berhormat yang memang pakar dalam soal ini iaitu penggunaan baja-baja kimia di padang-padang golf dan sebagainya, selalunya kimia-kimia ini akan meluncur terus ke kolam-kolam ikan dan sebagainya dan ikan-ikan yang terdapat dalam kolam-kolam *golf course* ini selalunya diambil dan dimakan. Apakah ini akan membahayakan kepada orang-orang yang akan memakan ikan-ikan tersebut. Yang Berhormat, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Memang di dalam pindaan ini ada menyebut tentang kerajaan akan merumuskan garis panduan bagi penggunaan racun. Saya juga akan mencadangkan dalam hujah-hujah saya nanti agar satu mekanisme menggunakan IT bagi menyebarkan tentang racun-racun ini juga diwujudkan oleh kementerian.

Menyentuh tentang baja-baja kimia yang digunakan di padang golf dan ikan mati telah dipungut oleh orang-orang yang mungkin bekerja di situ, ini memang berbahaya kerana kalau ikan mati, kita pasti juga akan sakit nanti kalau makan ikan tersebut, bukan serta-merta tetapi selama-lamanya nanti, di mana ada ketikanya kita akan sakit kerana ikan, udang, kerang, ketam dan sebagainya, ini adalah jenis-jenis makhluk di dalam air. Mereka ini boleh bertahan racun di dalam badannya dua kali ganda daripada kita manusia. Kalau kita minum sesudu teh racun kita mati tetapi kalau ikan, udang minum sesudu teh racun dia tidak mati. Mungkin dia akan mati kalau terminum dua sudu teh.

Jadi makhluk di dalam air ini lebih tahan lagi daripada kita manusia. Itulah sebabnya penggunaan racun untuk membunuh ikan, ikan tidak mati lagi, dia tidak mati lagi kerana apa yang terjadi ialah racun ini mengurangkan kandungan oksigen di dalam air, apabila kandungan oksigen kurang maka ikan susah bernafas. Yang kedua, ikan bernafas melalui *gills*, *gills*nya. Apabila bernafas melalui *gills*, ini bermakna ikan masuk air melalui mulut dan dikeluarkan melalui *gills*. Kalaulah air ini sudah

mengandung racun maka racun ini akan tersimpan di dalam *gills* dan juga di dalam isisinya. Itulah merbahayanya kita memakan ikan yang sudah diracuni.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya tidak hendak menekan berkenaan dengan racun rumpai yang disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi saya ingin mengetahui berkenaan dengan bahan-bahan awetan terhadap buah-buahan yang diimport daripada Thailand. Saya dimaklumkan oleh pengimport-pengimport buah-buahan daripada Thailand, khususnya buah longan ataupun buah mata kucing yang mengatakan beliau menggunakan sejenis racun yang bernama 'Cheobentazul' yang digunakan hanya 2.4 dos sahaja yang apabila sesiapa yang memakan buah tersebut mestilah dibasuh terlebih dahulu khususnya direndam di dalam air garam kemudian boleh kita makan walaupun masih ada kesan-kesan melekat di kulit buah longan tersebut.

Tetapi yang salahnya ialah penggunaan, orang yang mengguna itu. Bagi orang yang menjual, bagi penanam di Thailand mereka mengatakan yang mereka tidak bersalah kerana hanya menggunakan bahan awet tersebut untuk membolehkan buah itu tahan lebih lama kerana buah longan atau mata kucing ini kalau dibawa keluar dari ladang, dalam satu minggu jika tidak dimasukkan bahan awet tersebut dia akan menjadi lembik menyebabkan dia mungkin terpaksa menggunakan bahan tersebut. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah racun yang digunakan seperti mana yang saya sebutkan tadi, 'Cheobentazul' itu, boleh digunakan oleh kita di Malaysia, umpamanya buah dokong dan sebagainya untuk supaya tahan lama.

Kemudian yang ketiganya berkenaan dengan hormon yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi kerana hormon yang digunakan oleh buah-buahan. Memang kita mengetahui sebahagian besar penanam-penanam tembikai, biasanya apabila buah-buahan ini disemburkan dengan hormon, tembikai yang sepatutnya berat antara 3 kilo hingga 5 kilo menjadi besar antara 7 dan 10 kilo. Tetapi saya dimaklumkan juga bahawa setiap orang yang makan buah tembikai yang dimasukkan hormon tersebut, kalau lelaki teteknya akan menjadi besar [*Ketawa*], perempuan saya tidak tahu, itu kepada lelaki. Saya ingin mengetahui [*Ketawa*] apakah sebenar bahan

digunakan, saya hendak tahu jenis hormon yang digunakan, hormon yang menyebabkan orang yang memakan teteknya menjadi besar. Boleh dapat penjelasan sedikit? *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Yang pertama, bahan-bahan awet ini yang digunakan untuk buah-buah longan. Bahan awet ini "*tiobintazor*" mengandungi sedikit merkuri, merkuri amat bahaya kepada kita ini tetapi mereka di Thailand mengatakan mereka hanya menggunakan dua peratus sahaja. Dua peratus ke, sepuluh peratus ke kita tidak tahu itu hanya satu maklumat yang mereka beri kepada kita. Itulah merbahayanya kalau kita makan buah-buah longan yang sudah diawetkan menggunakan bahan awetan ini tadi.

Yang kedua, tentang bahan-bahan hormon biasanya bahan-bahan hormon ini digunakan sebagai baja, ia ini dikeluarkan dalam bentuk mulekiul, oleh itu kalau kita menggunakan seperti baja juga, maka ia saya rasa tidak berbahaya, tetapi yang berbahaya adalah semburan *direct* ini. Ini adalah berbahaya, bukan sahaja semburan *direct* ini, saya pun dapat tahu bahawa hormon ini *diinjectkan* di dalam buah tembikai. Ini lebih berbahaya lagi, kadang-kadang ada steriod dalam ini, kalau siapa yang makan buah-buahan yang ada banyak bahan hormon memang benarlah kita Yang Berhormat tadi, bulu tumbuh dengan berlebihan, ada lagi saya pun tidak tahulah kesan-kesan yang lain.

Seorang Ahli: Bahagian mana?

Dr. James Dawos Mamit: Bahagian mana, bahagian yang dia sebut tadi adalah *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sebut tadi. Jadi merbahayalah jika kita menggunakan racun ataupun bahan kimia dengan berlarutan dan dengan berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: Sekejap saya terus dulu, nanti saya bagi peluang dengan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebut tadi 30,000 orang pekerja-pekerja wanita di ladang-ladang kelapa sawit mengalami pelbagai kesan racun makhluk perosak dan 90 peratus *exposure* kepada racun ini adalah melalui kulit mereka dan kulit wanita adalah lebih nipis daripada kulit lelaki. Ada juga yang berlaku melalui susah saya hendak sebutlah ini, organ kemaluan mereka. Oleh kerana mereka memang segan untuk memberitahu tentang keadaan ini, maka masalah ini tidak

diketahui dan berlarutanlah. *Symptom* keracunan di kalangan pekerja-pekerja ladang ini ialah kelemahan kalau kita melihat ada mereka lemah, itulah *symptom* dia, sakit pinggang, sakit kepala yang teruk dan berpanjangan, pening kepala *nausea* yang keinginan untuk muntah *tightness of the chest* yang susah untuk bernafas dan sakit dada. Ini adalah *symptom* yang kita harus melihat di kalangan mereka yang menggunakan racun ini, kalau kita nampak *symptom* ini kita haruslah membawa mereka berjumpa doktor, ia di mana tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kita cukup bertuah saya rasa Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat bagi Mambong ini sangat *knowlegable* dan satu *intellectual discourse* dapat kita saksikan dalam Dewan ini, saya cukup seronok.

Saya ingin bertanya satu lagi tentang bahan kimia yang bernama *formalyn*. *Formalyn* ini digunakan untuk menyegarkan mayat ataupun satu bahan kimia yang digunakan secara berleluasa daripada nelayan Thailand untuk menyegarkan ikan-ikan. Jadi ikan kembung daripada Thailand ini sebagai contoh masuk ke negara kita begitu banyak dan kalau boleh Yang Berhormat bagi Mambong boleh menerangkan di Dewan yang mulia ini, tentang kesan-kesan daripada bahan kimia ini. Terima kasih .

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, *formalyn* ini adalah satu *aromatic compound*, ia juga dianggapkan sebagai satu alkohol tetapi struktur kimianya agak berlainan, *formalyn* ini ada enam sudut jadi ia dianggapkan satu *aromatic compound*. Memang *formalyn* digunakan berleluasa bukan sahaja untuk menyegarkan mayat tetapi untuk mempreservakan kalau kita lihat di dalam lab untuk mempreservakan ada kadang-kadang katak, tikus dan makhluk-makhluk yang lain untuk diuji. Jadi kalaulah kita manusia minum ataupun termakan *formalyn* ini memang tidak baik, sebab dia satu jenis alkohol yang amat tinggi kandungannya dari segi *aromatic compound*, ini memang tidak baik dan memudarat juga kepada kesihatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mengalu-alukan tindakan kerajaan kerana mengharamkan Paraquat di negara kita. Kerana menurut laporan Jabatan Perkhidmatan Penerangan daripada bilangan 715,000 petani-petani kecil yang menggunakan paraquat 5,152 kes-kes keracunan dalam tempoh 10 tahun hingga kini. *Exposure* kepada keracunan adalah disebabkan peralatan digunakan tidak sesuai dan

ada yang bocor, tambah lagi pekerja-pekerja tidak dibekalkan dengan peralatan perlindungan seperti *protective equipment*, dengan izin, topeng mulut dan hidung dan peralatan yang sesuai seperti sarung tangan.

Oleh itu apakah tindakan kerajaan bagi memastikan agar kegunaan alat-alat perlindungan dan alat-alat penyembur yang berfungsi dan tidak bocor harus diwajibkan. Undang-undang sudah ada, yang penting adalah penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. James Dawos Mamit: Jasin, Jasin silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong telah membangkitkan soal penguatkuasaan berkenaan dengan Rang undang-undang Racun Makhluk Perosak, yang mana pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa masalah penjualan racun makhluk perosak yang tidak berdaftar ini amat berleluasa sekali di seluruh negara, yang mana ini merugikan kerajaan kerana kerajaan tidak dapat cukai import daripada barang-barang ini kerana kebanyakan daripada racun-racun ini di seludup ke dalam negara kita dan apabila di seludup, kita lihat banyak *brand-brand* yang kita pun tidak kenal dan apakah isi kandungan dia pun tidak tahu hanya pada hari ini, oleh kerana kemungkinan kawalan kita kekurangan dan bahan-bahan racun perosak yang *legal* ini dengan izin, terlalu mahal di pasaran membuatkan petani-petani kita mencari racun-racun perosak alternatif yang lebih murah, mungkin kawalan kita kurang.

Saya penuh yakin dan percaya, sekiranya kita luluskan rang undang-undang ini tetapi kekurangan penguatkuasaan maka kita balik pada tahap lama. Yang lebih mendukacitakan saya Tuan Yang di-Pertua, di pusat-pusat CIQ kita Kastam, Imigresen dan Korintin kita lihat banyak di antara pelabuhan-pelabuhan kita yang mengawal masuk barangan-barangan ini, pihak berkuat kuasa kurang, yang pihak yang kuarantin mungkin seorang, dua orang.

Itulah sebabnya kita lihat di pelabuhan-pelabuhan, kebanyakan daripada pegawai CIQ ini banyak berpandukan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh *shipping agent* dan mereka juga tidak melihat atau menyiasat sama ada benar atau tidak. Ini kita dapat lihat daripada peristiwa yang berlaku di Johor bagaimana sisa terbuang ataupun sisa toksik boleh masuk melalui Pelabuhan Johor tanpa kawalan kerana percaya kertas, *manifest* yang dikemukakan oleh ejen ataupun

pengimport-pengimport tanpa kita melihat apa yang ada dalam kontena dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kita berharap kerjasama semua jabatan dan kementerian di pintu-pintu masuk kita ini kalau misalnya di Johor perlu *scanner* untuk kita *scan* kontena-kontena ini, saya berharap kementerian yang bersangkutan menyediakan perkakas-perkakas ini. Jangan sampai besok nanti kita menghadapi malapetaka dengan sisa toksik yang berbisa, sudah mati beribu, baru kita hendak beli *scanner*.

Oleh yang demikian, saya berharap kementerian, jabatan atau lembaga makhluk perosak ini kena perkasakan supaya benda ini tidak menjadi ancaman kepada rakyat kerana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, dalam politik pun ada makhluk perosak. *[Ketawa]* Jadi masalah ini penting sekarang untuk kita membanteras di peringkat awal dahulu, jangan sampai besok, bak kata Yang Berhormat bagi Sri Gading, sampai sudah terlambat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Jasin, ini tentang racun-racun makhluk perosak yang diseludup ini, oleh sebab negara kita memang negara *capitalistic*, maka *commercial interest* adalah diutamakan. Jika *commercial interest* diutamakan, maka seludup bukan sahaja racun makhluk perosak, sisa toksik, barang-barang lain juga turut diseludup termasuk bayi. Ini adalah satu masalah kepada kerajaan. Saya memang menyokong saranan Yang Berhormat bagi Jasin tadi agar kerajaan membekalkan *scanner* kepada mereka yang menguatkuasakan undang-undang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya pernah diberitahu oleh pihak polis trafik tentang kegunaan scanner ini. Ini amat penting kerana trak-trak yang besar ini yang membawa muatan di dalam kontena itu, bagaimana polis boleh tahu? Dia buka sahaja pintu, tetapi dilihat barang-barang yang berlonggok di dalamnya tetapi yang di tengah-tengah itu, mereka tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, *scanner* boleh tengok racunkah Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit: Ia boleh tengok *[Ketawa]*, ia boleh tengok benda-benda yang lain di dalamnya. Di Sarawak, trak-trak yang besar, yang membawa

barang daripada Kuching ke Pontianak, mereka juga memasukkan motosikal yang dicuri daripada Kuching masuk ke dalam kontena yang besar itu, selepas itu dimasukkan barang yang lain. Ini berlaku berleluasa di Kuching. Itulah sebabnya pihak polis trafik telah memaklumkan kepada saya bahawa *scanner* ini adalah penting. Jadi saya sokong Yang Berhormat bagi Jasin agar kerajaan membekalkan *scanner* kepada pihak penguatkuasaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ya Sri Gading, saudara saya daripada Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Datuk. Yang Berhormat bagi Mambong ini memang hebat orangnya, hebat. Daripada Parlimen Kesepuluh saya lihat perkara-perkara khusus seperti ini beliau memang pakar. Jadi saya ingat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian tengah hari ini agak beruntung, sebahagian daripada masalah sudah dijawab oleh Yang Berhormat bagi Mambong. Mambong ini sebenarnya kalau saya Perdana Menteri, peluang dia jadi Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, tidak kurang juga Sri Gading pun hebat jugalah. [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Datuk. Kita minum kopi O nanti ya. [*Ketawa*] Saya hendak berbalik sedikit, hendak 'gostan', betul? Apa yang Yang Berhormat katakan tadi tentang penguatkuasaan yang harus diambil perhatian oleh pihak kementerian, kesan dan akibat daripada penggunaan racun makhluk perosak yang kalau digunakan oleh mereka yang tidak berpengetahuan yang mengakibatkan kesan-kesan berpanjangan kepada kita.

Sebagai contoh, di beberapa kawasan, penanam-penanam sayur menggunakan pekerja-pekerja seperti Yang Berhormat kata tadi, pekerja-pekerja yang tidak ada pengetahuan. Tetapi oleh sebab mereka harus bekerja untuk mencari upah bagi menyara kehidupan keluarga mereka, majikan mereka tidak menyediakan sarung tangan, penutup mulut, penutup mata dan akibatnya, pekerja-pekerja yang daif, daif pengetahuan, daif kehidupan ini terdedah kepada ancaman.

Jadi, bagaimana agaknya Yang Berhormat bagi Mambong yang bijaksana, kementerian yang berkuasa ataupun yang bertanggungjawab ini harus mengambil

perhatian sekali harung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan racun makhluk perosak ini agar keselamatan itu menjadi keutamaan oleh pihak kementerian. Saya berharap sedikit penjelasan dari Yang Berhormat bagi Mambong. Terima kasih Datuk.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat abang Sri Gading. Memang benar kata Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi bahawa pengguna yang tidak berpengetahuan dalam menggunakan racun-racun makhluk perosak ini amat terdedah kepada bahaya dan ancaman ini. Oleh itu penguatkuasaan haruslah diperketatkan. Memang di dalam pindaan ini penguatkuasaan akan diperketatkan tetapi ada satu saranan daripada saya. Kalau bilangan kakitangan tidak mencukupi, ini memang agak sukar juga untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Yang kedua, walaupun bilangan kakitangan ramai tetapi mereka juga tidak mahir, tidak tahu tentang penggunaan racun, bagaimanakah mereka boleh menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada?

Jadi, oleh itu saya cadangkan bahawa *Human Resource Development* adalah penting walaupun Timbalan Menteri di dalam beliau membentangkan pindaan ini mengatakan tidak ada *financial application* jika ini dilaksanakan tetapi kalau kerajaan tidak memperuntukkan perbelanjaan yang lebih bagi yang pertama, untuk mengambil kakitangan yang lebih ramai, yang kedua untuk latihan mereka, maka ini.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, nanti, saya belum siap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. James Dawos Mamit: Maka memang susah untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Silakan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya tahu Cameron Highlands ini memang banyak racun serangga.

Seorang Ahli: Makhluk perosak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong. Makhluk perosak itu sinonim dengan Cameron Highlands dan saya sekarang ini dipanggil sebagai 'Ahli Parlimen sayur' dan mungkin akan juga dinamakan 'Ahli Parlimen makhluk perosak'. Baik, saya amat setuju dan tertarik dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Saya rasa isu dalam kita meluluskan Rang Undang-undang MakhluK Perosak itu, perkara-perkara lain yang berkaitan dengan keupayaan petani untuk memahami rang undang-undang yang begitu canggih perlu kita kaji semula dan dilihat dan direnung kerana saya rasa yang pertama, petani-petani terlalu *profit driven*, dengan izin.

Dalam konteks itu apa yang terjadi adalah saya dimaklumkan di Cameron Highlands ada petani yang akan gunakan racun-racun yang amat berbahaya yang dibeli dengan harga yang begitu mahal yang diseludup daripada Thailand dan dia gunakan dua minggu sekali. Selepas itu dia gunakan racun yang diluluskan atau yang dibenarkan digunakan. Kalau sekiranya racun serangga itu digunakan daripada apa yang diluluskan yang mempunyai piawaiian keberkesannya terhadap daun-daun sayur tidak begitu ketara. Maka mereka terpaksa menyusuli penggunaannya secara bergiliran dengan racun-racun sebegitu daripada Thailand. Baru keberkesannya nampak cantik daunnya, tomatonya besar, cantik dengan izin *pinkish okay*.

Ini juga sama dengan strawberi dan baru-baru ini saya dengar satu khabar mengatakan bahawa sayur-sayuran yang keluar daripada Indonesia lebih selamat kerana di sana tatacara dan budaya penanaman mereka lebih selamat berbanding dengan apa yang dikeluarkan di Tanah Tinggi Cameron Highland. Ini akan meletakkan satu cabaran mungkin produk-produk kita dengan adanya kesedaran pengguna yang lebih hebat mungkin tidak akan dibeli dan Singapura telah dua tiga kali mengenakan produk sayur-sayuran kita dan sekiranya kita tidak ada alternatif untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada petani daif mengenai kesihatan diri melalui penggunaan racun ini dan mengenai *biodegradation* tanah yang mungkin digunakan tanah yang sama digunakan untuk tanam semula dan semula dan semula. Bayangkan berapa banyak kali tanah itu telah diperkosakan.

Beberapa ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Maafkan saya. Diperkosakan dengan penggunaan racun serangga yang tidak diluluskan dan benda itu pula saya ingat Yang Berhormat Mambong itu akan setuju bahawa kesan-kesan kimia yang tertinggal itu akan diserap semula ke dalam sayur itu setelah digunakan atau ditanam semula dan inilah perkara yang saya rasa cukup penting dan perlu diberi perhatian. Jangan usaha kita ceritakan mengenai soal air itu dicemari. Baru-baru ini ada juga anak-anak Orang Asli yang meninggal dunia dan salah satu sebabnya dikaitkan dengan penggunaan

racun serangga yang begitu berleluasa yang serap masuk ke dalam air sungai dan tiada mekanisme untuk kawalan dan pembaik pulihan keadaan ini.

Seterusnya saya rasa kesihatan pengguna, tidak perlu kita ceritalah, tepuk dada tanya selera. Maka saya rasa Jabatan Pertanian harus juga seiras dengan rang undang-undang ini pelaksanaannya perlu juga memberi perhatian kepada *re-education* dengan izin. *Re-education*, pendidikan semula terhadap petani-petani ini khususnya sekarang sudah wujudnya petani generasi kedua di Cameron Highlands dan generasi ketiga. Di mana mereka mendapat pendidikan daripada Amerika Syarikat. Mereka pergi ke sana di Holland dan ada juga yang pergi membawa teknologi ini ke Vietnam dan membuat pengeluaran dari sana jual ke Jepun dan Taiwan. Bunga-bunga dan sebagainya.

Maka mungkin kita boleh melahirkan satu generasi baru yang boleh memahami tanggungjawab sosial mereka terhadap penanaman dan pertanian sayur-sayuran kerana sayur-sayuran ini cukup rapat dengan hidupan seharian kita dan banyak pasaran di Selayang dan juga di Ipoh dan Johor Baru masih banyak menjual sayur-sayuran Cameron Highland. Betul Yang Berhormat Sri Gading? Seterusnya saya rasa alternatif baru ini perlu juga menyusuli apa yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta penjelasan Mambong, bukan Sri Gading.

Beberapa ahli: [Ketawa]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Bukan, saya menyusul jawapan tadi. Kita seronok sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengesyorkan supaya Jabatan Pertanian benar-benar melihat alternatif kepada R&D kerana sekarang sudah muncul satu jenis pertanian baru iaitu Organic Farming dengan izin yang lebih canggih, lebih teratur dan lebih selamat di mana segala racun kimia itu atau racun serangga itu dicampur baurkan dalam airnya dan akan disembur secara natural melalui saluran-salurannya dengan penggunaan ICT. Kawalan contentnya menggunakan ICT dengan perisian-perisian ICT yang dibeli daripada Amerika Syarikat. Kalau sekiranya Jabatan Pertanian boleh memberi sokongan dari segi penciptaan perisian komputer baru, programming, program-program baru untuk membekalkan kepada petani, program-program ICT yang boleh mengawal secara saintifik jumlah volume racun serangga yang perlu disalurkan kepada tanam-tanaman dan juga jumlah baja yang perlu disalurkan dan ini secara tidak langsung akan membantu memberi kesejahteraan

kepada tanah dan juga produk-produk sayur-sayuran. Apa komen Yang Berhormat Mambong ?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Saya memang amat bersimpati dengan Yang Berhormat Cameron Highlands kerana masalah-masalah penggunaan racun makhluk perosak ini semua tertumpu kepada dia.

Menyentuh tentang komen-komen beliau tadi, yang pertama tentang keupayaan petani untuk memahami perundangan. Ini adalah satu masalah kepada kerajaan kita. Rang undang-undang kita di negara kita adalah dirumuskan oleh siapa, pegawai di kementerian. Jadi adakah mereka ataupun target group ataupun stake holders tahu tentang kewujudan undang-undang ini, tentang rumusan undang-undang ini. Apakah peruntukan yang tertentu yang memberi kesan kepada mereka. Ini adalah penting dari segi rumusan undang-undang. Kerajaan haruslah transparent, jadi rumusan undang-undang ini adalah satu prosedur yang berlainan dan saya haraplah jika dapat kerajaan boleh review prosedur ini agar the target group dengan izin Tuan Yang di-Pertua boleh memahami peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang yang telah pun dirumuskan di dalam Parlimen.

Yang kedua, petani-petani di Cameroth Highlands memanglah profit driven. Memanglah mereka berpengetahuan tinggi, berijazah, mempunyai degree daripada Amerika Syarikat dan Netherlands yang telah pun disebutkan tadi. Tetapi kalau pemikiran mereka lebih lagi *profit driven*, macam manalah mereka untuk meramalkan sebagai contoh *land conservation* ataupun konservasi tanah. Itulah sebabnya tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa tanah ini digunakan setiap hari.

Tetapi bilakah tanah ini akan dibiarkan dahulu untuk di pulih kerana tanah juga kalau kita menggunakannya setiap hari ia tidak boleh pulih maka ia tidak boleh subur lagi. Dia hanyalah satu landasan untuk tanaman sahaja, tidak ada air kerana sudah keras disebabkan oleh penggunaan baja inorganic, baja kimia. Jadi dia sudah tidak ada molekul, sudah tidak ada menyimpan air lagi, tidak ada bahan-bahan neutral.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Itulah sebabnya.... Nanti saya habiskan jawapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong bangun.

Dr. James Dawos Mamit: ...untuk Yang Berhormat bagi Cameron Highlands

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Jadi yang ketiga tentang racun-racun yang diseludup. Racun-racun yang diseludup ini yang kuat kandungannya daripada Thailand tadi dia amat *persistent* walaupun digunakan hanya dua minggu sekali tetapi residunya masih lagi di sayur-sayuran walaupun penggunaan racun-racun yang dibenarkan tadi oleh negara kita.

Kalau racun ini *persistent*, maka ia memang akan berada pada sayur-sayuran, ia memang akan berada di tanah untuk selama-lamanya dan tanam-tanaman yang baru nanti akan menyerap lagi racun tersebut. Itulah sebab banyak sayuran kita yang dieksport di Singapore telah pun ditolak kerana banyak residu racun. Lebih-lebih lagi racun yang diseludup.

Tentang sayur-sayuran dari Indonesia, memang benar mereka ini tahap penggunaan racun agak rendah daripada negara kita di Malaysia. Itu memang benar. Jadi, itu tidak bahaya. Tetapi makanan laut mereka diawetkan dengan formalin. Itu bahaya sebab formalin ini murah. Jadi, ini kita haruslah berjaga-jaga untuk mengawalinya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: Saya beri Yang Berhormat bagi Santubong dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, Yang Berhormat bagi Santubong.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya rasa enak duduk dalam Dewan mendengar hujah-hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Mambong. Hanya satu sahaja, soalan daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tadi, persoalan berhubung kait dengan *profit driven*.

Kalau dipandang dari segi *profit driven*, adakah *profit driven* ini melarang orang daripada menjadi *environmentally friendly* ataupun bolehkah tidak kita *profit driven* juga tetapi dalam masa yang sama kita juga *environmentally friendly*. Jadi, jangan salahkan buat *profit* kepada *the destruction of environment* oleh kerana ini bukan perkara yang boleh di"reconcile"kan, tidak boleh dibuat macam itu. Kalau kita mengatakan oleh

kerana *profit driven*, kita *destroy environment*, sebenarnya adalah *irresponsibility*. Orang yang terlibat membinasakan alam sekitar dan dalam masa yang sama dia boleh bertanggungjawab dan *responsible* dan boleh mendapatkan *profit* yang lebih besar.

Ini dua perkara yang tidak boleh dikatakan, “*You* buat *profit* banyak, *you* akan binasakan alam. Tetapi kalau *you* tidak buat *profit* banyak, baru *you* baik kepada alam.” Ini tidak, saya ingat. Macam mana pandangan Yang Berhormat mengenai soal ini? Ini *business* ini, kita lihat dalam *proper prospective*, soal *profit* dan soal *social responsibility* terutama sekali dalam bidang penjagaan alam sekitar. *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Mambong]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua di depan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pandang ke depan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Santubong, ini tentang *profit driven*. Memang di dalam petani-petani kita memikirkan keuntungan, haruslah juga mereka mengira tentang tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar kerana alam sekitar seharusnya sentiasa bersih dan baik, dan adalah baik untuk semua rakyat Malaysia kita.

Oleh itu, petani-petani di Cameron Highlands umpamanya, haruslah memikirkan, mengadakan dan mewujudkan *environmental etiquette* di kalangan mereka. Haruslah mewujudkan *environmental moral* di kalangan mereka. Jika mereka tidak ada *etiquette* ataupun tidak *ethical*, memang susahlah untuk semua orang menceburi diri dalam bidang-bidang yang tertentu, lebih-lebih lagi bidang-bidang yang dikaitkan dengan *business*...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit:

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada empat yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: ...dengan *profit driven*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri pun kalah ini!

Dr. James Dawos Mamit: Yang pertama, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, yang kedua Ayer Hitam dan yang ketiga Yang Berhormat bagi Bentong. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan dahulu ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Melihat dan mendengar hujah pembahas kita ini, Yang Berhormat bagi Mambong, saya rasa Menteri boleh berehat sedikit, tidak apa. *[Ketawa]* *Backbenchers* kita bukan sahaja pakar dalam alam sekitar, juga pakar dalam bidang pertanian.

Persoalan yang ingin saya kongsi bersama iaitu apakah Yang Berhormat menyedari bahawa kita sendiri pada hari ini bukan lagi sedang diancam, tetapi telah diancam sendiri oleh racun makhluk perosak ini sebab hari-hari kita makan sayur, maka kita tidak tahu di mana. Seperti Yang Berhormat bagi Beluran menyatakan bahawa mungkin juga kementerian tidak ada penilaian sayur-sayur tempatan yang dijual seharian ini dan ini mungkin telah mengakibatkan kita terdedah dengan pelbagai bentuk penyakit sehingga kita melihat rakyat Malaysia jarang yang ada panjang umur.

Kadang-kadang kita lihat, hari ini kita jumpa, esok dia sudah “jalan”. Mungkin juga disebabkan oleh faktor-faktor penyumbang, dia mungkin makan sayur sebab doktor kata makan lebih sayur, lebih sihat badan tetapi dalam keadaan negara kita terdedah dengan pengurusan racun makhluk perosak ini yang tidak menentu, saya rasa ianya perlu diambil satu pendekatan yang lebih serius oleh pihak kementerian iaitu di mana-mana sahaja produk-produk sayur tempatan ini, bukan sahaja dipantau, tetapi diselidik dahulu sejauh mana penggunaan bajanya.

Kadang-kadang kalau di Kota Kinabalu ada rakan-rakan menasihati kita, “Sayur yang nampak cantik, jangan beli”, dia kata, sebab itu lebih dia punya baja disimpan. Jadi, kalau hendak beli sayur, kena pilih yang ada lubang-lubang sedikit dan sebagainya. Pada saya, ianya merupakan satu ancaman yang boleh dikatakan sebagai ancaman *silent killer*, pembunuh yang tidak boleh nampak. Jadi, ini merupakan satu perkara yang perlu ditangani oleh kementerian, tidak kiralah, saya melihat tidak ada alasan seperti tidak cukup penguat kuasa dan sebagainya, sebab

kalau ini menjadi alasan kita, maka rakyat negara kita ini tidak akan boleh hidup dalam keadaan sihat pada masa-masa akan datang.

Jadi, apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada kementerian bahawa perlu ada pendekatan yang lebih serius untuk menangani isu ini sebab racun makhluk perosak ini diguna oleh semua lapisan masyarakat, ada yang tahu, ada yang tidak. Jadi, ini masalahnya. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya memang setuju bahawa kita ini memang diancam setiap *second* di dalam kehidupan kita ini oleh pelbagai jenis racun. Bukan sahaja hanya racun makhluk perosak, tetapi aerosol yang ada juga di dalam kereta kita yang kita anggap *aircond* itu berbau wangi. Ini semua mengancam kehidupan kita.

Itulah sebabnya di dalam laporan Kementerian Kesihatan, saya baca dalam surat khabar bahawa insiden penyakit barah, setiap lima orang, satu yang kena di Malaysia. Itulah sebab-sebabnya kerana ini adalah semua di dalam alam sekitar kita, faktor-faktor pencemaran. Bukan sahaja racun-racun makhluk perosak, tetapi racun-racun yang kita sembur seperti semut dan nyamuk di dalam rumah kita. Itu amat berbahaya. Siapa yang hanya menggunakan *aircond*, tidak buka tingkap atau pintu, tidak ada udara segar masuk, maka bahayalah kesihatan mereka ini. Jadi, banyak lagi racun selain daripada racun-racun makhluk perosak. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya memang dari kawasan Ayer Hitam yang bakal dibangunkan perladangan moden, tetapi masalahnya sekarang saya khuatir, bukan sahaja kawasan itu dalam kawasan tadahan air, malahan keracunan sayur ini akan memudaratkan pengundi saya.

Jadi, saya hendak tanya dan minta penjelasan. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa ada residu racun itu yang dapat dikesan selepas beberapa hari. Pada pendapat Yang Berhormat, adakah pihak kerajaan perlu mengadakan satu tindakan bersepadu, minta kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengadakan tindakan bersepadu. Kita tubuhkan satu pasukan,

kita menyemak dan mewujudkan satu mekanisme untuk kita menilai tahap keracunan sayur itu. Kalau ia berbahaya dan menjejaskan kesihatan, kita harus mengambil tindakan dan menghukum mereka yang terlibat.

Saya rasa selama ini kita membincangkan tentang ancaman tetapi bagaimana kerajaan hendak melawan balik ancaman, seolah-olah kita ini tidak berdaya. Saya rasa saya mintalah Yang Berhormat bagi Mambong supaya memberi sedikit penerangan kepada kami apakah cara tindakan bersepadu yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memantau keadaan ini supaya lanya tidak menjejaskan kesihatan manusia. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Ayer Hitam, ini perladangan moden ini di Ayer Hitam di dalam kawasan tadahan air. Untuk kita memelihara kualiti air kita adalah perlu kita mewujudkan tadahan air bukan untuk membangunkan ladang-ladang komersial di situ, menggunakan racun-racun makhluk perosak dan pelbagai racun. Ini memang tidak boleh sekali, kerana kalaulah tidak ada tadahan air, maka air kita akan tercemar oleh racun.

Memang saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa tindakan bersepadu haruslah diadakan di antara kementerian-kementerian yang berkenaan, tetapi di dalam kita meminda rang undang-undang ataupun akta, kita haruslah juga membuat *reference* kepada undang-undang lain ataupun akta-akta lain yang sedia wujud, agar perkara begini tidak berlaku. Kalau kita tidak membuat *reference* kepada undang-undang lain, maka bagaimanalah kita boleh membuat tindakan bersepadu.

Sebagai contoh pindaan rang undang-undang ini. Pindaan rang undang-undang ini haruslah menyentuh tentang pemeliharaan alam sekitar, ini termasuklah kawasan tadahan air, jika kita tidak membuat *reference* kepada Akta Alam Sekeliling tahun 1974 umpamanya, yang banyak peruntukan menyentuh tentang aktiviti-aktiviti pemeliharaan, maka tindakan bersepadu memang sukar untuk dijalankan.

Kita memang boleh mewujudkan satu jawatankuasa untuk tindakan bersepadu, tetapi kalau jawatankuasa ini tidak berpandu kepada undang-undang, itu agak sukar juga untuk jawatankuasa berfungsi, kerana yang penting adalah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we must plunk the gaps*, terlalu banyak *gaps* di dalam perundangan kita kerana di dalam usaha kita merumuskan undang-undang, kita tidak membuat *cross reference*, itulah sebab *gaps* ini wujud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bentong sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Mambong yang memang telah dapat memberikan kita banyak penjelasan dan pandangan yang bernas. Kita semua amat prihatin tentang pemeliharaan alam sekitar dan juga tanam-tanaman, buah-buahan dan sayur-sayuran yang kita makan setiap hari itu memastikan mempunyai *residue* racun yang kurang. Oleh itu sekiranya timbulnya apa-apa masalah, kita selalu salahkan petani, kita menjadikan petani kita sebagai *punching bag*.

Kita sedia maklum bahawa timbulnya masalah racun ini banyak faktor-faktor yang menyebabkan penggunaan racun yang berleluasa. Makhluk perosak ini ia boleh juga mengalami *genetic evolution*, kawasan saya ada banyak petani, ramai petani beritahu saya, tahun ini mereka gunakan racun dengan *volume* yang ini atau kepekatan yang ini, pada tahun yang satu lagi mereka akan perlukan tambah lagi racun untuk meningkatkan konsentrasi, kepekatannya untuk memastikan makhluk-makhluk perosak ini dapat kita bunuh habis-habisan.

Seterusnya setiap tahun mereka kena tambahkan kekuatan racun itu, itu menunjukkan bahawa kalau kita hanya gunakan racun untuk membunuh makhluk perosak ini, tidak akan habis-habislah akhir sekali manusia yang kena bunuh kerana makhluk perosak setelah menjalani bertahun-tahun punya *genetic evolution*, maka ketahanan terhadap racun itu begitu tinggi sekali, sedangkan kita manusia tidak mempunyai ketahanan yang begitu tinggi. Oleh itu kita tahu bahawa penggunaan racun ini memang berbahaya kalau dari segi perladangan dan juga dari segi tanam-tanaman makanan.

Oleh itu sekarang kita dapat lihat kebanyakan kawasan ataupun negara maju telah pun berbalik *go back to basic*, balik kepada tanaman organik, tanaman yang dahulunya di mana pada suatu ketika ia tidak payah menggunakan racun tetapi menggunakan *humors* dan baja-baja organik yang boleh memastikan bahawa makhluk perosak ini tidak akan merosakkan makanan ataupun tanam-tanaman yang sedia ada. Apakah pandangan Yang Berhormat bahawa tanaman organik di negara kita ini boleh berkembang, adakah kementerian ataupun kita perlu buat cadangan kepada kementerian bahawa satu kempen ataupun satu gerakan besar-besaran perlu kita lancarkan agar tanaman organik ini boleh juga dijadikan sebagai tanaman komersial,

tanaman yang dapat meningkatkan pendapatan petani. Dan petani janganlah selalu disalahkan kerana kita menggunakan racun perosak yang begitu kuat. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Bentong, saya memang juga turut bersimpati dengan petani-petani kita, kerana kita selalu menyalahkan mereka menggunakan racun-racun makhluk perosak. Makhluk perosak ini seperti Kubang Kerian menyebut tadi bahawa haruslah memberi sayur-sayuran di mana daunnya tidak kelihatan segar dan berlubang tetapi makhluk perosak juga memang boleh menjalani *genetic evolution* boleh bertahan dan boleh kebal lagi selepas didedahkan kepada sejenis racun dalam tempoh yang agak panjang. Itulah sebab petani kita kadang-kadang mereka mengurangkan ataupun menambahkan lagi kekuatan racun tersebut bagi menyembur, itu memang kita tahu. Tentang *organic farming*, memang saya mengalu-alukan jika kerajaan menggalakkan *organic farming* dengan besar-besaran, ini memanglah baik. Tetapi *organic farming*, kefahaman kita untuk *organic farming* adalah daripada satu sudut sahaja, sudut itu ialah kegunaan baja. *Organic farming* dinamakan kerana kita menggunakan baja organik iaitu bahan-bahan yang sudah reput seperti daun yang sudah reput *humors*, bahan-bahan makanan yang berlebihan bercampur dengan rumput maka ia menjadi *organic fertilizer* ataupun baja-baja organik. Tetapi daripada segi mengawalkan serangan makhluk perosak apakah yang harus kita buat, banyak petani-petani *organic farming* ini mereka menggunakan satu kelambu yang dibuat daripada wayar *messkah*, *nylon messkah*, itu yang mereka gunakan untuk mengawalkan serangan daripada serangga-serangga di *organic farming*. Tetapi ada satu lagi kaedah untuk mengawal serangan makhluk perosak iaitu menggunakan *biological pest control*.

Di Negara Jepun memang mereka sudah menggunakan kaedah ini *biological pest control*, di mana mereka menggunakan *pheromone*. *Pheromone* ini adalah satu *substance* ataupun satu bahan yang terdapat daripada serangga-serangga betina, *female insect*. Mereka menggunakan *pheromone* ini untuk membiarkan *male insect* datang. Apabila *male insect* datang itu, mereka memang sudah ada bahan-bahan agar-agar serangga-serangga ini boleh melekat di tempat itu dan mereka akan bunuh ataupun bakar serangga-serangga tersebut.

Oleh itu *organic farming* haruslah dilihat pada dua sudut:

- (i) kegunaan baja organik;

(ii) kegunaan kaedah *biological pest control*.

Yang Berhormat bagi Bentong ya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Siapa ini Yang Berhormat Kubang Kerian?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ketereh.

Dr. James Dawos Mamit: Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Mambong selalu bertukar di antara Ketereh dengan Kubang Kerian. Tengok fesyen rambut, [*Ketawa*] fesyen rambut Ketereh berbeza dengan fesyen rambut Kubang Kerian tetapi fesyen rambut saya ini bukanlah kerana racun makhluk perosak [*Ketawa*].

Yang Berhormat bagi Mambong seperti saya perkatikan di awal tadi Yang Berhormat adalah seorang pakar yang telah memberi pengetahuan yang cukup baik kepada kita semua. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian sekiranya ada satu-satu lembaga baru di bawah kementerian ataupun yang lama memerlukan seorang pakar seperti ini saya dengan penuh rendah diri memberikan tempat saya kepada beliau, walaupun keinginan untuk melantik saya.

Yang Berhormat Mambong, saya meminta dua tiga penjelasan, yang pertamanya mengenai *biological pest control* atau *biological cycle*. Allah menjadikan ular itu makan katak, ular itu makan tikus, ular makan katak, katak makan kelekatu, kelekatu makanan ikan dan ikan makanan manusia. *This is biological God's will*. Ini yang dicadangkan tadi dan saya amat bersetuju. Persoalan yang ingin saya timbulkan ialah tadi disebutkan tentang *organic farming*. Apakah benar pandangan ramai petani - saya Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan - yang mengatakan baja yang diberikan oleh kerajaan pada masa ini adalah baja kimia. Sebelum tahun 1940'an dunia menyaksikan baja organik, selepas Perang Dunia Kedua baja kimia menjadi keutamaan dan pilihan. Sehingga di Kelantan sekarang ini pada satu ketika di kawasan saya, di kawasan Parlimen Ketereh kawasan Perairan Kemubu, KADA, satu ketika spesis ikan telah menerima penyakit yang cukup banyak. Ikan haruan ada kudis, ikan keli di Kelantan ada tiga spesis ikan keli, satu ikan keli kayu iaitu ikan keli yang gelap dan hitam, isinya keras dipanggil ikan keli kayu. Satu lagi ikan keli Afrika yang besar, jijik untuk dimakan sebab ianya terlalu hitam dan terlalu besar. Yang ketiga spesis yang paling disukai ialah ikan keli lembut. Ikan keli lembut ini di luar kawasan dipanggil ikan keli bunga atau di kawasan saya dipanggil ikan keli daging

sebab penimbang dacing ini ada bunga dahulu dan bunga kuning itu ada di perut ikan keli ini. Maka dipanggil ikan keli dacing.

Sekarang ini ikan keli dacing ini sudah pupus dan inilah ikan keli yang paling enak dan mempunyai daya ketahanan yang cukup tinggi. Katanya, diceritakan atau diberitahu ikan ini pupus kerana baja yang digunakan oleh petani di kawasan KADA. Saya tidak tahu apakah ini satu kebenaran atau satu persepsi atau hanya satu mitos. Kaulah boleh Yang Berhormat nyatakan kepada kita semua sekiranya penggunaan baja urea campur yang disebut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pagi tadi 2+5 tadi adalah merupakan baja yang memberi bahaya kepada binatang-binatang ataupun makhluk-makhluk yang boleh kita makan, makhluk bukan perosak seperti ikan tadi. Maka apakah tidak ada cadangan daripada kerajaan atau daripada Yang Berhormat untuk menggantikan baja kimia kepada baja organik. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Terima kasih banyak kerana membuat *recommendation* kepada kementerian untuk saya. Tentang *organic farming* memang dahulu sebelum Perang Dunia Kedua *organic farming* memang diamalkan berleluasa di dunia ini, kerana pada masa dahulu pengetahuan kita manusia belum mendalam lagi tentang membuat baja urea ini ataupun baja kimia ini. Baja urea ini diperbuat daripada satu *by-product hydro-carbon*. *Hydro-carbon* ini adalah bahan-bahan minyak, minyak yang kita gunakan di dalam kereta, kenderaan. Bahan kimia *hydro-carbon* dan urea juga adalah satu *by-product* daripada *by-product hydro-carbon*.

Oleh itu ia memang merbahaya juga. Kalau urea ini digunakan dengan berlebihan untuk baja tanah akan lebih keras lagi. Jika tanah akan lebih keras lagi maka memang susah untuk tanah ini menyerap air. Itulah kesan baja urea ke atas tanah. Jika urea ini masuk ke dalam sungai maka ia akan ada kesan terhadap ikan-ikan dan makhluk-makhluk lain di dalam sungai. Di Batang Lupar kawasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini, kita sudah menjumpai ikan-ikan yang *default*, tubuh ikan ini sudah tidak seperti yang biasa lagi tetapi sudah *default* sebagai contoh ekornya mungkin bengkok ke lain dan juga di isi-isinya ada tempat yang keras.

Inilah kesan-kesan baja-baja kimia seperti urea dan juga kesan racun-racun makhluk perosak jika berlebihan di dalam air sungai kita. Ini juga akan menghapuskan ada spesis-spesis ikan yang tidak bertahan di dalam air.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [*Bangun*]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat, Kubang Kerian tadi bangun awal.

Dr. James Dawos Mamit: Siapa yang dahulu? Kubang Kerian dahulu selepas ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila-sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Dr. James Dawos Mamit: Sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Satu lagi persoalan saya tentang rumah-rumah di bandar hari ini mengamalkan *pest control* iaitu syarikat-syarikat seperti Rentokil menawarkan perkhidmatan untuk mengawal rumah-rumah daripada serangan makhluk perosak yang kemungkinan menggunakan racun jenis arsenik. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat berikan pandangan dalam Dewan apakah kesan-kesan jangka pendek dan kesan-kesan jangka panjang daripada penggunaan racun makhluk perosak ini.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, memanglah kita menggunakan racun untuk *pest control*. Di dalam semua racun memang ada bahan arsenik, ingat ini, yang lain itu lebih banyaklah tetapi bahan arsenik memang ada. Kita mesti menjaga agar mereka ini yang menjalani aktiviti *pest control* ataupun *business pest control* ini tidak menggunakan '*pentachlorophinate*' ataupun PCP. Bahan *pentachlorophinate* ini memanglah sangat merbahaya, mengandungi bahan-bahan arsenik yang berlebihan. Ini sudah pun diharamkan dan di dunia ini saya pun tidak tahu di dalam Malaysia sama ada PCP sudah diharamkan. Tetapi haruslah kita melihat bahawa bahan ini adalah di dalam kumpulan *the dirty dozen* yang saya telah sebutkan semalam. Jadi, kita haruslah melihat agar mereka yang membuat *business* ini tidak menggunakan bahan-bahan yang berlebihan. Kesannya memang terhadap kita manusia.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada yang bangun Yang Berhormat, Pontian.

Dr. James Dawos Mamit: Nanti biar saya habis menjawab Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dahulu. Jadi, kesannya memang kepada kita, tanpa kita sedari,

kita ada penyakit barah. Ini kita tidak tahu, kalau kita anggapkan kita sihat sekarang, cuba pergi *complete scan* dengan doktor, apakah yang ada dalam badan kita ini, penyakit yang *the silent killer*. Itulah kesannya. Silakan Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Racun adalah tetap racun. Salah guna, berlebihan penggunaannya memberi kesan kepada tanaman, kepada manusia, kepada sesiapa juga yang terdedah kepada racun. Baru-baru ini, negara kita berjerebu kerana Sumatera, satu kawasan ladang terbakar. Saya pernah teringat kepada saranan matan Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bila kita dikecam oleh negara-negara membangun seperti Amerika. Akhirnya, kita mengambil pendekatan, kalau kita hendak bersaing, kalau kita boleh mempertimbangkan pandangan negara-negara maju, kita mesti berada dengan izin, *on the level playing field*.

Jadi, Yang Berhormat bagi Mambong ada menyebut soal *organic farming* tadi. Saya kira, kita kena fikir semula soal sekiranya kerajaan ingin memberi tumpuan kepada *organic farming* kerana kita tidak mahu akhirnya separuh daripada masyarakat kita tidak mampu hendak beli sayur-sayuran sebagai contoh, kerana baja organik ini tentu lebih mahal daripada baja urea.

Itu satu perkara yang memerlukan kita berkehendakkan supaya jangan kita terperangkap dengan kehendak tuntutan alam sekitar. Bukan saya menggalakkan supaya pekebun-pekebun atau penanam-penanam di negara kita ini supaya sengaja untuk menyalahgunakan kemampuan dan juga kebolehan racun makhluk perosak ini, tetapi sekiranya petani dan pekebun di negara kita dapat kerap ada satu pemantauan dibuat oleh pihak kementerian dalam mendidik petani dan pekebun kita, kaedah terbaik menggunakan racun, misal kata kalau kita pening kepala pun, kalau kita hendak cepat makan Panadol sampai 12 kali kita telan pun, itu bukan jalan penyelesaian. Yang kita minta supaya mengikut peraturan-peraturan.

Jadi, kalau petani dan pekebun kita ditentukan dan dipastikan sama ada melalui pemantauan yang dibuat oleh kementerian ataupun agensi-agensi berkaitan, penggunaan racun itu adalah di bawah ataupun diuruskan oleh tangan-tangan yang benar-benar punya pengetahuan dan tahu akan kesan kepada penggunaan racun-racun tersebut. Jadi, isu menyelesaikan makhluk perosak adalah satu perkara dan isu untuk mengendalikan racun-racun yang dibekalkan di dalam pasaran adalah satu perkara yang berbeza.

Jadi, Yang Berhormat bagi Mambong, saya ingin mendapat pandangan. Adakah perlu pihak kementerian, pertama untuk memberi penekanan yang lebih kepada soal mendedahkan masyarakat petani, pekebun kita kepada isu pendidikan ataupun isu yang sebenarnya menjadi isu. Ini adalah kerana, kalau kita tengok rata-rata ladang di negara kita sebagai contoh, di Pontian Yang Berhormat, kita semua tahu ladang yang paling dapat mengeluarkan hasil yang banyak ialah, kita perlulah beralih daripada perladangan tradisi kepada *mechanized farming technique*, dengan izin, tetapi kawasan di Pontian 80% lebih adalah kawasan *peat soils*. Jadi, kita tidak boleh hendak gunakan *mechanical system* untuk membantu pekebun dan juga petani di sana.

Maka, satu jalan untuk memastikan pengeluaran pertanian mereka itu mendapat pasaran yang baik ialah menggunakan racun-racun makhluk perosak supaya ianya dapat mengeluarkan hasil yang lebih berkualiti, mengetepikan soal sedikit daripada segi soal kesan kepada penggunaan racun tersebut. Jadi, Yang Berhormat bagi Mambong, di mana kita mengimbangkan perkara ini? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Yang Berhormat ada menyebut beberapa perkara termasuk juga jerebu. Yang pertama, saya ingin menyentuh tentang jerebu ini. Jerebu ini adalah sebenarnya asap tetapi, dibawa ke sini oleh angin South West Monsoon, arahannya itu. Itulah sebabnya, kita mendapat jerebu. Jerebu ini mengandungi lebih daripada 1,000 bahan-bahan kimia di dalam jerebu ini. Pada tahun 1998, semasa saya menjadi Pengarah Alam Sekitar di Sarawak, *state department*, kita telah pun membuat analisis. Tetapi, yang paling bahaya di dalam jerebu ini ialah bahan kimia '*creosol*'. Bahan kimia '*creosol*' inilah yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit termasuk juga penyakit barah.

Jadi, tentang *organic farming* ini, tadi Yang Berhormat menyebut bahawa baja organik ini lebih mahal. Saya rasa, ini tidak benar kerana yang penting adalah usaha. Kita boleh usahakannya. Kalau kita rasakan baja organik ini lebih mahal, apa terjadi dengan daun-daun tumbuh-tumbuhan di belakang rumah kita? Apa terjadi apabila kita meluaskan ladang-ladang kita, daun ada di sana, dahan-dahan kayu ada di sana? Inilah bahan-bahan organik yang harus kita gunakan. Hanya yang penting sekarang adalah kaedah untuk mempercepatkan bahan-bahan ini untuk reput supaya menjadi bahan-bahan organik.

Ini dibuatkan menggunakan makhluk yang sedia ada di tanah kita iaitu ulat tanah ataupun *earth worms*. Ini yang mempercepatkan bahan-bahan ini untuk reput dan juga ada bahan bakteria macam sejenis *Baccilus* yang tidak membahayakan. Ia boleh mereputkan daun-daun ini dengan secepat mungkin. Oleh itu, jika ada pihak ingin mengusahakan baja-baja organik, saya rasa ini memang tidak mahal.

Yang Berhormat juga menyebut bahawa kawasan Pontian, kebanyakan *peat soils*. *Peat soils* ini adalah tanah gambut di mana bahan-bahan kayu tidak reput dengan sempurna, tidak reput dengan sepenuhnya. Jadi, bahan-bahan gambut inilah kita boleh menggunakan untuk membuat baja organik ini jika dicampurkan dengan bahan-bahan yang lain supaya ia boleh reput dengan cepat dan sempurna lagi. Ini boleh menjadi bahan organik.

Saya setuju dengan saranan Yang Berhormat agar pihak kementerian haruslah menekankan pendidikan pertanian agar mereka ini tidak menggunakan baja-baja kimia ataupun racun-racun makhluk perosak dengan berleluasa. Itulah sebabnya di dalam pindaan akta ini, saya ada nampak juga garis panduan dan pendidikan ataupun *extension service* di kalangan petani memang diperlukan. Jika ia diperlukan, kakitangan haruslah berpengetahuan untuk melaksanakan program-program pendidikan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong, boleh sambung sebelah petang?

Dr. James Dawos Mamit: Boleh, boleh. Saya akan sambung sebelah petang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi sidang pagi telah selesai. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Ahli Yang Berhormat bagi Mambong sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi sebelum kita menanggungkan perbahasan untuk berehat seketika, saya ada menyebut tentang tanda-tanda keracunan jika terdedah kepada racun-racun makhluk perosak. Ini hanya tanda-tanda sahaja. Oleh yang demikian, adalah perlu jika kementerian ataupun kerajaan membuat satu kajian tentang kesan yang sebenarnya terhadap pekerja-pekerja di ladang di negara kita, termasuk juga pekerja-pekerja wanita.

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga yang bangun. Ada yang bangun Yang Berhormat. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Tiga orang. Mula-mula Sri Aman, lepas itu Sepanggar.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila. Sri Aman.

Dr. James Dawos Mamit: Sri Aman Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang tanda-tanda kerosakan makhluk. Di sekitar kawasan Sungai Batang Lupar sudah ada tanda-tanda kerosakan yang dibawa oleh racun untuk pertanian, kita diberitahu ikan terubuk pun sudah *mutant*, *mutating*, katak pun tidak ada lagi di kawasan rumah dan yang lain-lain pun yang dahulu ikan pun sudah tidak ada dan semua ini kata orang, oleh kerana ada kesan racun yang digunakan untuk menanam padi.

Udang pun diracun juga hinggan buaya-buaya yang dinamakan 'Bujang Senang' di Batang Lupar sekarang sudah mengganas kerana makanan asal mereka tidak ada lagi dan boss mereka sudah lari ke kawasan Santubong. *[Dewan riuh]* Sekarang buaya itu yang diberi gelaran 'Bujang Senang' mereka tidak ada makanan asal lagi jadi mereka memakan manusia.

Ini saya rasa menunjukkan ekosistem ini sudah tidak seimbang lagi. Apakah cadangan Ahli Yang Berhormat yang pakar, yang fasih dalam *environment* ini, apakah saranan ataupun apakah penyelesaian yang harus dibuat supaya kawasan ini cukup baik untuk menanam padi, cukup bagus untuk pengeluaran makanan, cukup sesuai

tetapi apabila faktor racun ini datang, ekosistem sudah tidak seimbang lagi. Saya ingin minta penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya memang amat bersimpati dengan Yang Berhormat bagi Sri Aman tentang kesan-kesan racun makhluk perosak di Sungai Batang Lupar. Pagi tadi saya pun telah menyebut tentang kesan-kesan kepada ikan, udang, ketam dan sebagainya di Batang Lupar kerana daripada pertemuan kita di Batang Lupar, iaitu pihak Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, di mana saya sendiri adalah Timbalan Pengerusi sampai sekarang, dan juga Jabatan Pertanian Bahagian Perikanan, kita telah pun mendapati bahawa memang benar ikan-ikan termasuk ikan terubuk yang kita amat sukai....

Tuan Yang di-Pertua: Di Sungai Batang Lupar itu ada ikan terubuk?

Dr. James Dawos Mamit: Apa dia Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Di Sungai Batang Lupar itu ada ikan terubuk?

Dr. James Dawos Mamit: Batang Lupar itu adalah satu kawasan di mana yang paling banyak ikan terubuk terdapat di Sarawak malah di dunia dan kita ada satu stesen penyelidikan khas untuk ikan terubuk dekat situ, di Batang Lupar. Tetapi ikan di situ sudah pun terkena kesan-kesan yang tidak diingini oleh kerana kegunaan racun-racun makhluk perosak ini dengan berleluasa oleh petani-petani padi dekat situ, di sawah-sawah mereka.

Ini sudah menjadi masalah. Itulah sebabnya sekarang kerajaan negeri mengarahkan agar Jabatan Pertanian Bahagian Perikanan untuk membuat satu penyelidikan dengan mendalam tentang penyakit-penyakit ikan terubuk ini. Bukan sahaja ikan terubuk tetapi ikan-ikan yang lain.

Oleh itu memang saya menyarankan di mana-mana sahaja agar kalaulah kita bersawah, kita membuat ladang, kita haruslah mengamalkan teknik *conservation* ataupun pemeliharaan kerana tanah yang kita guna setiap hari, tanah pun akan kurang keupayaan untuk menambah baik lagi bahan-bahan neutron di dalamnya, maka memang sukar untuk tanaman dan tumbuh-tumbuhan untuk tumbuh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Tangga Batu, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tangga Batu silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Mambang.

Seorang Ahli: Mambang.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Mambang. Maafkan saya. Saya berminat sekali mendengar kesan-kesan ataupun akibat tentang racun makhluk perosak ini yang kita boleh dapati bukan sahaja menjadi racun kepada makhluk perosak dan ia juga kalau hilang kawalan akan menjadi perosak makhluk.

Apa yang menarik perhatian saya, bukan sahaja pendapat-pendapat dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang begitu memberikan penekanan kepada kesan kepada kehidupan-kehidupan seperti tumbuh-tumbuhan, kepada haiwan-haiwan dan juga kepada persekitaran. Saya berpengalaman suatu kisah di mana seorang pekerja tanaman yang berminat kepada pertanian telah didapati menghidapi kanser paru-paru ataupun barah paru-paru, yang mana daripada pemerhatian saya didapati beliau ini meracun tanaman-tanaman pokok mangga '*Malacca Delight*' ini dengan tidak memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan. Antaranya tidak menggunakan topeng mulut, hidung dan mungkin juga mata.

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Mambang tentang kesan racun ini di mana rakan saya tadi telah pun meninggal dunia dalam umur yang begitu muda dan kita dapati sejarah kehidupannya lebih kepada memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada penjagaan tanam-tanaman beliau yang melibatkan racun-racun makhluk perosak ini? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya memang bersimpati jugalah dengan kawan Yang Berhormat yang telah meninggal dunia akibat daripada tidak menggunakan peralatan keselamatan apabila menggunakan racun makhluk perosak ini. Ini hanya satu insiden sahaja yang Yang Berhormat tahu, banyak lagi insiden-insiden lain yang tidak dilaporkan.

Oleh yang demikian, saya mohonlah kepada kerajaan, insiden seperti inilah yang kita harus membawa kepada umum agar masyarakat petani mengetahuinya dan jika mereka mengetahui betapa bahayanya penggunaan racun makhluk perosak tanpa mengikut syarat-syarat tertentu seperti menggunakan peralatan keselamatan dan peralatan penyemburan yang tidak berfungsi dengan baik, maka kita sendiri akan terkena kesan buruknya.

Lebih-lebih lagi kalau kita menyembur racun contohnya kepada pokok mangga kerana kita menyemburnya di atas. Racun ini apabila di sembur ia menjadi seolah-olah molekul air dan terapung di dalam udara. Apabila kita menghidunya sudah tentu ia akan masuk ke dalam badan kita. Itulah sebabnya kita mesti menggunakan peralatan keselamatan yang sesuai semasa menggunakan racun makhluk perosak ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, Kelana Jaya dahulu.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya dari Kelana Jaya, ini kawasan bandar, tidak ada terlibat dengan kawasan pertanian, tetapi saya juga bersimpati tentang apa yang berlaku di kawasan-kawasan pertanian.

Walaupun bukan kawasan pertanian tetapi penduduk-penduduk di kawasan bandar adalah merupakan mangsa yang terakhir, *the end reciever*, dengan izin. Hasil tanaman yang telah dihasilkan, kalau tidak diterima oleh negara-negara jiran kerana standardnya berlainan, maka hasil tanaman itu di hantar ke pasaran tempatan di kawasan-kawasan bandar dan penduduk bandar ini akan membelinya dengan harga yang lebih murah. Oleh itu, saya rasa perkara ini amat penting kepada semua rakyat tidak kira petani ataupun pengguna.

Bagi penduduk bandar, Tuan Yang di-Pertua, biasanya apabila mereka berjumpa dengan doktor mereka dinasihatkan dengan "*an apple a day keeps the doctor away*". Doktor juga menasihatkan supaya penduduk-penduduk bandar ini sepatutnya memakan lebih banyak sayur-sayuran dan kurangkan makanan daging kerana ini untuk menjaga kesihatan. Malangnya apabila kita mendengar ucapan perbincangan daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dan Yang Berhormat bagi Mambong dan sebagainya, nampaknya hasil tanaman ini kurang selamat bagi semua penduduk.

Ini mengakibatkan penduduk-penduduk bandar tidak mengira siapa pun kurang ketahanan badan dan senang dijangkiti penyakit, dengan izin, mereka ini *fragile*, maka apabila mereka hendak menghantar anak-anak mereka ke program Latihan Khidmat Negara dan sebagainya, mereka tidak tahan dan senang jatuh sakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Mambong bahawa apakah kita telah banyak memperkatakan tentang adanya penyeludupan racun-racun makhluk perosak daripada negara-negara jiran ataupun

dari negara-negara maju diimport secara sah? Saya rasa apakah sudah sampai masanya negara kita mencari penyelesaian, janganlah kita selalu bergantung kepada negara luar untuk menyeludup racun-racun makhluk perosak ini kerana racun-racun yang diimport ini adalah hasil dari kajian di negara-negara tertentu mengikut habitat makhluk perosak iaitu dari segi iklim, dari segi tanah dan segi habitat makhluk perosak itu. Apabila diimport masuk ke negara kita, ia tidak sesuai digunakan di negara kita, maka apabila tidak sesuai dan ditambah lagi dengan kepekatan (*concentration*) racun tersebut untuk digunakan di negara kita.

Oleh itu, saya rasa sudah sampai masanya negara kita melabur lebih banyak dari segi penyelidikan untuk menghasilkan racun makhluk perosak ini secara tempatan kerana ada pepatah dalam bahasa Cina berkata, "*Di mana adanya perosak, di situlah ada penawarnya*", di mana ada perosak di situlah kita dapat mencari penawarnya. Maka makhluk perosak di negara kita ini, sepatutnya ada bahan-bahan ataupun tumbuh-tumbuhan yang boleh kita gunakan untuk dijadikan racun makhluk perosak.

Di Amerika Syarikat ada satu tempat dipanggil *Research Triangle Park* di mana ada orang berkata bahawa apabila melontar seketul batu sudah tentu akan terkena pada seorang Ph.D *holder* yang menjadi penyelidik, di negara kita, kita kurang nampak adanya pusat-pusat penyelidikan seperti itu. Saya rasa sudah sampai masanya apabila kerajaan hendak menaiktarafkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, maka harus juga menubuhkan *research triangle park* yang sebegitu di dalam negara kita supaya kita dapat menghasilkan racun-racun makhluk perosak ini daripada bahan mentah ataupun tumbuhan-tumbuhan tempatan yang ada di negara kita. Dengan itu kosnya akan rendah dan kita tidak perlu bergantung pada bahan-bahan yang diimport, maka dengan keadaan itu, kita tidak perlu menyeludup ataupun mengimport racun-racun makhluk perosak yang tidak sesuai digunakan didalam tanah air kita. Dengan itu saya minta penjelasan dan komen daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Memang benar penduduk-penduduk di bandar adalah *receptors* ataupun *end receivers*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tentang kesan-kesan racun makhluk perosak, kerana kita semua ini di dalam Dewan ini, kita makan sayur dan buah-buahan yang diimport di mana racun-racun makhluk perosak telah pun digunakan.

Satu, semasa petani-petani menanam bahan-bahan itu. Yang kedua adalah sebagai bahan awetan agar buah-buahan tidak buruk ataupun tidak reput. Jadi kita di bandarlah yang ramai membeli sayur-sayuran dan buah-buahan yang sudah pun diawet dengan racun-racun.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar juga bahawa kalau kita sakit, kita berjumpa *medical doctor*. Mereka selalu mengatakan, dengan izin, "*an apple a day keeps the doctors away*" tetapi yang pentingnya adalah bagi doktor-doktor mengenal pasti punca sumber penyakit tersebut. Jika ia daripada bahan-bahan makanan, maka ini haruslah dilihat dari segi menghapuskan bahan-bahan makanan yang beracun.

Merujuk kepada penyeludupan racun.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Nanti saya habis jawab soalan dia dahulu. Penyeludupan ini juga ada berkaitan dengan politik perdagangan dan juga politik *pesticide*. Ini memang wujud. Di negara maju, memang banyak mereka mengeluarkan dan mengedarkan racun yang telah pun diharamkan di negara mereka tetapi terdapat juga di pasaran-pasaran di negara yang kurang maju. Kenapa? Kerana ini adalah satu politik perdagangan.

Jika mereka mengharamkan pembuatan racun-racun tersebut, maka rakyat mereka sudah tentu tidak ada kerja. Itulah sebabnya selagi ada *factories* di negara mereka yang mengeluarkan racun-racun walaupun yang sudah diharamkan, maka mereka terus mengeluarkannya dan mereka dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *dumping in Third World Countries*. Ini adalah tindakan negara maju untuk perdagangan lebih-lebih lagi di dalam perkara yang begini. Ya, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Oleh sebab saya bekas Ahli Parlimen bagi Batang Lupa dan saya dahulu memang menjaga terubuk, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya rasa terpanggil apabila soalan terubuk dibangkitkan di Dewan ini. Ini memang dianggap oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebagai satu sumber yang mungkin akan pupus kalau tidak dijaga begitu rupa.

Dari segi sejarahnya, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai lima jenis terubuk tetapi pada masa sekarang hanya dua jenis yang tinggal. Dahulunya tiap-tiap sungai di Sarawak termasuk di Semenanjung Malaysia mempunyai terubuk dan terubuk boleh membiak di sungai-sungai daripada Timur Jauh ini sampai ke Gold Coast di South

Africa, mempunyai tempat pembiakan ataupun *spawning area* untuk terubuk. Jadi apabila pembangunan berkembang di semua negara, terubuk ini pupus oleh sebab terubuk ini boleh membiak kerana memakan satu jenis *plankton* yang wujud dalam sungai. Apabila *plankton* ini pupus atau mati oleh sebab keracunan oleh industri-industri *domestic waste* dan sebagainya, kerana *plankton* ini amat sensitif dengan perkara ini, jadi dalam keadaan sedemikian, *plankton* hilang dan dengan sendirinya terubuk itu juga akan pupus.

Jadi inilah yang berlaku di semua tempat di seluruh Malaysia termasuk di Sarawak. Alhamdulillah, oleh sebab Batang Lupar dahulu memang ia terpencil, jadi orang tidak ada. Tidak ada perladangan, ada penanaman padi dengan cara tradisional, tidak menggunakan racun dan semua ini tidak ada. Jadi dengan itu, selamatlah terubuk kita. Bila saya menjadi Ahli Parlimen di sana pada tahun 1990, saya meminta kerajaan negeri supaya janganlah terokai hutan berdekatan dengan kawasan saya terutama sekali untuk pertanian, untuk ladang dan sebagainya. Alhamdulillah, kerajaan negeri melihat terubuk barangkali saya ingat ada nasihat daripada Yang Berhormat bagi Mambong oleh sebab Yang Berhormatlah pakar penasihat bagi negeri Sarawak dalam soal ini.

Jadi persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu, kerana dahulunya Batang Sadong, Batang Lasa, Batang Rijang dan sebagainya, semua tempat *spawning area* untuk terubuk.

Dr. James Dawos Mamit: Di batang-batang.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Di batang-batanglah, di telaga pun ia masuk juga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terubuk ini biasanya ia tidak ubah macam ikan salmon juga. Ia *spawning* masuk ke Batang Lupar, selepas ia *spawning* bila anaknya sampai satu inci panjang, ia akan mula mengalir ke laut. Bila ia mula mengalir ke laut, sampai ia besar ke laut, selepas satu ketika - satu tahun selepas itu, ia akan balik ke Batang Lupar semula dengan perut yang telah besar. Ia pula boleh bunting sendiri. Ia boleh bunting sendiri terubuk ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hamil, hamil.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, cakap orang Sarawaklah. Bagi tahu orang Sarawak. Jadi dia hamil sendiri, selepas itu bila umurnya setahun, ia

akan balik dengan perut yang dah besar. Bila ia balik dengan perut yang besar, mula-mula ia keluar itu Tuan Yang di-Pertua, ia masih muda, kecil, dipanggil 'imprif' di Sarawak, ia masih jantan. Bila ia jantan keluar, bila ia ke laut itu, ditakdirkan Allah S.W.T. ia bertukar jenis menjadi wanita. [Disampuk] Menjadi perempuan. Terubuk perempuan.

Dr. James Dawos Mamit: *Bisexual, bisexual.*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Disampuk] Betina, betina.

Tuan Yang di-Pertua: Betina. [Ketawa]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bagus cakap hari ini kena gunakan percakapan cantik, cantik itu. Jadi terubuk betina, ia pun bertelur, balik ke Batang Lupar. Masa itulah penangkapan berlaku. Jadi itulah kenapa telur-telur terubuk, terubuk itu masuk hendak *spawning* telurnya di hulu Sungai Batang Lupar, ia tidak boleh masuk ke hulu, ia akan *spawn* di percambahan air masin dan air tawar bertemu di satu kawasan bernama Lingga dan Seduku. Di situlah tempat *spawning* areanya. Jadi kalau kawasan ini kita *control environmentnya*, *control* pencemarannya, *control* semua sekali dan *plankton* itu masih wujud, plankton itu boleh banyak dan kalau *spawning* itu, anak-anak ini akan makan *plankton* itu nanti. Bila sudah membesar, baru ia turun ke laut semula dan balik sebagai ibu di tempat yang sama.

Jadi dalam keadaan sedemikian, persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau kita boleh selamatkan sungai-sungai di seluruh Malaysia ini termasuk Sungai Pahang, Sungai Kinabatangan, banyak lagi sungai-sungai di seluruh Semenanjung, Sabah dan di Sarawak, batang-batang yang besar-besar di Sarawak, boleh kita selamatkan sungai ini, perbaiki keadaannya, dengan sendirinya mungkin *plankton* akan kembali balik ke tempat itu.

Persoalannya, boleh atau tidak terubuk ini bermula ataupun hidup semula oleh sebab terubuk ini daripada *research station* di Batang Lupar, anak terubuk walaupun disimpan dalam plastik, beri oksigen, ia tidak boleh dibawa terbang dengan menggunakan helikopter dihantar ke Saribas - tidak boleh. Bila dah sampai di sini dah mati dah. Sebab airnya itu tidak boleh. *Planktonnya* tidak ada. Bila ia hendak masuk itu ia sudah besar, dah tahan, dah kuat dan boleh makan ikan lain.

Jadi, persoalan saya boleh atau tidak kalau sungai ini jadi bersih nanti, boleh atau tidak kita semai *plankton* ini di satu-satu tempat supaya terubuk itu boleh balik semula dan boleh *spawning* semula di sungai itu supaya sumber ikan terubuk ini

diperbanyak lagi di seluruh Malaysia ini – Sungai Pahang, Sungai Kinabatangan, Sungai Batang Lupar, mungkin Sungai Sarawak pun boleh, dengan syaratnya kalau *plankton* itu ada dan pencemaran itu tidak ada lagi dan semua airnya menjadi bersih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan harapan jenis-jenis terubuk itu boleh kita keluarkan semula menjadi lima, enam jenis. Jadi sekarang ini ada dua sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Mambong, tidakkah boleh kita buat eksperimen tidak menggunakan racun dalam bendang, dalam sawah selama tiga, empat tahun? Nanti kita lihat akibatnya bagaimana.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Soalan tambahankah itu Tuan Yang di-Pertua?

[*Dewan gamat dengan ketawa*]

Dr. James Dawos Mamit: [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas soalan tambahan itu juga dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tentang terubuk ini di Batang Lupar, memang benar kata bekas wakil rakyat Batang Lupar itu tadi yang sekarang wakil rakyat Santubong bahawa ikan terubuk ini juga banyak bergantung kepada *plankton* yang ada di dalam air. Jika ada *plankton* memang

Tuan Yang di-Pertua: *Plankton* itu apa, Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit: *Plankton* itu adalah satu makhluk yang kecil yang ada di dalam air. Ia jenis rumpai tetapi ia macam jenis hidupan serangga juga. Ia ada dua bentuk dalam satu. Ia bukan *bisexual* tetapi dua bentuk dalam satu. [*Ketawa*]

Itulah *plankton*, dan *plankton* ini amat sensitif kepada cahaya. Jika air itu kurang cahaya ataupun tidak jernih, *plankton* ini memang susah untuk membiak dan untuk hidup di kawasan air itu. Di sungai-sungai di negara kita ini sudah terlalu banyak bahan terapung ataupun *sediments* di dalam air kita. *Sediment* inilah ataupun bahan-bahan terapung daripada tanah, bahan-bahan inilah yang menyebabkan air kita tidak jernih lagi. Apabila air kita jernih maka cahaya tidak boleh menembusi ke dalam sungai. Jika ini berlaku *plankton* ini semua mati, pupus. Oleh itu, memanglah betul cadangan Yang Berhormat bagi Santubong tadi bahawa kita haruslah memulihkan sungai kita agar semua sungai kita tidak keruh supaya *plankton* ini boleh hidup lagi. Dan jika hidup maka lebih banyak lagi ikan terubuk dapat membiak dan boleh hidup di sungai-sungai kita.

Sekarang di Sarawak hanya tiga batang sungai lagi yang masih ada ikan terubuk iaitu Sungai Batang Lumar, di mana yang paling banyak populasi ikan terubuk terdapat di situ, selepas itu Sungai Batang Sadong tidak begitu banyak dan juga Sungai Batang Lasa pun ada ikan terubuk. Semua batang di Sarawak, sungai yang besar-besar dinamakan 'batang'. [Ketawa] Itulah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: 'Batang' itu maknanya, 'sungai', Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit: Apakah itu?

Tuan Yang di-Pertua: 'Batang' itu maknanya 'sungai'?

Dr. James Dawos Mamit: 'Batang' itu maknanya 'sungai besar' di Sarawak. [Ketawa] Sungai panjang. 'Batang' adalah sungai yang panjang. Ini biasanya dalam loghat Melayu Sarawak dan Iban. Tetapi kalau mengikut loghat Orang Ulu, 'sungai' ini dinamakan 'long', kebanyakan 'long' – Long Baram, Long Lama, semuanya 'long'. Ini di Sarawak macam-macamlah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, soalan Tuan Yang di-Pertua tadi berkenaan dengan jangan menggunakan racun di sawah. Sekarang agak susahlah sebab bilangan penduduk meningkat, bilangan petani meningkat dan tanah untuk sawah pun sudah berkurangan. Maka amalan konservasi ini tidak diamalkan kerana selepas menuai padi mereka terus membuat aktiviti bersawah lagi. Jadi, tidak ada kesempatan dan masa untuk tanah itu memulih. Itulah sebabnya petani-petani sekarang juga menggunakan banyak baja kimia dan juga racun-racun serangga dan makhluk perosak yang lain. Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai jualan ataupun *trade mark*, di mana kita dapat lihat di mana-mana sahaja penjualan ada sedikit jualan *gimmick* mereka, mereka gunakan nama-nama seperti 'Matikus'lah, menggunakan nama sebagai 'Kuat-kuat'lah, sedangkan itu adalah Paraquat dan menggunakan nama seperti 'Sparkless', ini semua adalah jenis-jenis racun di mana saya rasa dengan penggunaan nama-nama ini tentu bagi petani-petani ini mudah sekali mereka difahami, maka itu sebab mereka senang dan mudah menggunakan nama itu sebagai satu *trade name*, dengan izin, untuk menggunakan penjualan kepada petani-petani kita ini.

Soalan sekarang ialah adakah Yang Berhormat bagi Mambong setuju sekiranya nama-nama *trade name* ini, dengan izin, disekat supaya petani-petani ini dapat tahu apakah kesan-kesannya. Sekian.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar kerana memaklumkan kepada kita nama-nama ataupun *trade name* racun yang dijual di pasaran seperti 'Matikus', 'Kuat-kuat', 'Spark' saya pernah dengar kerana ini ada iklan dalam TV. Sekarang saya tidak nampak lagi iklan itu. Memang saya setuju jika satu garis panduan harus diwujudkan agar nama-nama ini dipertentukan oleh kerajaan, dipertentukan oleh kementerian agar mereka yang mengedarkan racun-racun ini dan menjualkan racun-racun ini tidak sewenang-wenangnya menggunakan nama yang agak *attractive*, dengan izin, yang ada 'ajaib'nya. Ini memang tidak boleh seperti 'Kuat-kuat' kerana ada di dalam satu *instruction* ataupun tulisan yang kecil itu memang ada disebut Paraquat dan sebagainya. Tetapi 'Kuat-kuat' ini yang besar, orang melihat ataupun petani-petani kita di kawasan luar bandar lihat bahawa inilah racun yang paling kuat sekali dan oleh itu, haruslah dibeli dan diguna kerana ia akan menyerang serangga, menyerang makhluk perosak dan boleh mendapat hasil yang lumayan.

Jadi, ini tidak baik Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya memang setuju agar *trade name* ini disekat dan satu garis panduan spesifik diwujudkan. Jika garis panduan ini ada, penguatkuasaan juga haruslah dilakukan oleh kementerian agar nama seperti ini tidak seharusnya digunakan untuk menjual racun ini, kerana tujuan mereka adalah untuk penjualan laris. Ini adalah satu *gimmick*.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Ada unsur tipu. Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat Mambong dan Tuan Yang di-Pertua. Saya membawa kembali kepada pindaan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 ini. Kita sudah ada banyak akta sebenarnya, tetapi soalnya pelaksanaan longgar dan tidak berkesan kerana kawalan terhadap pelaksanaan di peringkat akar umbi begitu tidak stabil. Yang Berhormat bagi Sri Gading kata 'ilek', 'ilek' itu salah sebenarnya – 'yileik' itu dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kembali nanti saya lupa.

Saya rasa mungkin kita sudah pun mengalami satu revolusi dalam pertanian. Saya masih ingat lagi masa zaman bekas Perdana Menteri kita Tun Abdul Razak. Beliau telah melancarkan program Buku Hijau yang telah menjanakan rata-rata orang menanam sayur-sayuran di depan rumah mereka, belakang rumah mereka, tepi rumah mereka, dan selepas itu lebih kurang 15 tahun yang lalu saya pun masih ingat lagi

budaya *hydrophobic* di mana orang ambil ‘ *styrofoam* dan mereka tanam sayur di rumah. Tetapi saya rasa itu hangat-hangat tahi ayam, selepas itu tidak ada apa cerita.

Saya rasa mungkin tabiat dan juga budaya pertanian kita yang sudah begitu lama, begitu sama, perlu diubahsuaikan, direvolusikan. Mungkin perlu dijuruterakan semula melalui simulasi kerajaan, melalui pelbagai kaedah, kerana kalau kita ada banyak akta, akta demi akta tetapi akhirnya pelaksanaan di bawah tidak ada apa, cantik sahaja, dia punya pengantin cantik tetapi tidak ada apa. *[Ketawa]* Saya rasa, yang penting ini, bagaimana kita mengawal dan memastikan supaya segala akta yang kita sedia ada itu benar-benar berkesan di bawah peringkat akar umbi dan dapat dilaksanakan, kerana pegawai di bawah, dia tahu, banyak-banyak akan datanglah, kita pun duduk releks, pergi ke Cameron Highlands, balik ke Cameron Highlands, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, akta sudah ada tetapi sungai masih tercemar, masih ada banyak lagi bahan kimia yang dibiarkan begitu, mengalir ke dalam sungai ini, dan tanah itu sudah kontanglah.

Sekarang ada hotel-hotel di Cameron Highlands yang pakai *air-con*. *[Disampuk]* Sudah ada *air-con* di hotel, mana pernah ada *air-con* di hotel dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Ha! Inilah kepanasannya memang ada. *[Disampuk]* Memang panaslah di sana, boleh rasa panasnya. Ada masa-masanyalah.

Malam-malam memang sejuk, memang sejuk pun. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Kinabatangan memang dia suka sejuk. *[Ketawa]* Saya balik ke sini. Maka, saya rasa kita perlu satu revolusi dalam *agricultural practice* dan *culture*, dengan izin,

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Vanakam!*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *Vanakam!* *[Ketawa]* Saya rasa bila kita katakan revolusi hijau ini, mungkin kita boleh kembali kepada *consumer agro product* seperti sayur tadi. Sayur-sayuran dan buah-buahan yang kita *consume* setiap hari, yang begitu merbahaya kalau benda itu keluar secara tidak betul. Maka, saya rasa mungkin kita boleh menginstitusikan pertanian dan sayuran dan juga buah-buahan seperti di negara-negara maju.

Ini tujuannya adalah untuk bila dia besar, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan boleh memberi bantuan melalui kewangan ataupun bantuan-bantuan lain, di mana mereka boleh mengawal pertumbuhan industri buah-buahan atau sayur-sayuran sebegini. Bila

kecil-kecilkan, satu ekar, setengah ekar, setengah ekar, susah hendak kawal, masing-masing dia punya *style*, petani di Cameron Highlands ini.

Maka, saya punya cadangan adalah supaya bila ada jenis yang macam itu yang dijanakan oleh kerajaan, mungkin kerajaan mulakan, menjadi pelopor dalam hal ini, kita boleh kawal pengurusannya, kita boleh kawal R&Dnya, kita boleh kawal cara dia gunakan baja, cara dia gunakan racun serangganya, dengan cara ini, mungkin kita boleh mengeluarkan produk-produk yang lebih berkualiti demi rakyat kita.

Ha! Ini, maka saya rasa akta-akta seperti ini boleh diamalkan secara berkesan sekiranya benda ini dibuat. Kelapa sawit kita buat secara besar-besaran, getah, tetapi kelapa sawit dan getah mana ada racun serangga. Ada?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Banyak ya? Tidak banyak seperti sayur.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Kawallah. Okay. Saya rasa undang-undang, akta ini akan lebih berkesan. Usahawan tani

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Eh! Bukan dia yang berucap. [*Ketawa*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya bukan berucap, saya akan nanti akhirnya tanya, apa pandangan Yang Berhormat bagi Mambong. [*Ketawa*] Saya belum tanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Dia yang memberi penjelasan kepada Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, dia hendak masuk sahaja, celah-celah masuk, itulah *problemnya*. [*Ketawa*] Tidak apa, dia *vanakam* tadi, itulah *problemnya*. Kita balik sini, maka saya rasa usahawan tani itu perlu di bawa ke peringkat profesional supaya mereka lebih bertanggungjawab.

Maka, kita perlukan perubahan *mindset* dan perubahan *mindset* ini hanya boleh berlaku sekiranya kita membawa satu revolusi pertanian hijau, mengembalikan hasrat bekas Perdana Menteri Tun Abdul Razak kita, dalam wajah baru, muka baru, lebih cantik dengan cara begini. Kita tengok hari itu, kita dibentangkan satu Bajet yang begitu besar oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, kita kembali, kita *try* dahulu, kita peloporkan di mana-mana, mungkin ini boleh ubahsuaikan. Akta akan diluluskan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bawah sana, pi mai, pi mai tang tu juga. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Betul.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini untuk Yang Berhormat bagi Jerailah dan saya rasa itulah. Maka, saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat bagi Mambong bersetuju dengan pandangan saya tadi.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands memanglah bijaksana tetapi masalahnya besar tentang penggunaan racun makhluk perosak ini, itulah sebabnya saya rasa dia dipilih sebagai wakil rakyat Cameron Hinghlands, sebab dia prihatin tentang petani-petani di Cameron Hinghlands.

Yang Berhormat bagi Cameron Highlands menyentuh tiga perkara:-

- (i) akta dan soal penguatkuasaan;
- (ii) teknologi hidroponik;
- (iii) institusi dan revolusi pertanian.

Saya akan jawab ketiga-tiganya ini, tetapi saya akan memberi pandangan tentang hidroponik ini.

Yang Berhormat, hidroponik ini, kalau Yang Berhormat melihat hidro, apa dia hidro. Hidro adalah air Yang Berhormat. Jadi, air menjadi satu bahan media di mana tanaman boleh tumbuh, macam mana tanaman boleh tumbuh di dalam air? Sebab kalau air bersih, tanaman tidak boleh tumbuh di air bersih kerana tidak ada bahan-bahan *nutrient*, kerana tidak ada bahan-bahan baja.

Oleh yang demikian, macam manalah tanaman boleh tumbuh mengikut teknologi hidroponik di air yang digunakan di campur dengan bahan-bahan baja. Kalau ia bahan baja *organic*, ini okeylah, tiada masalah, tetapi kalau bahan baja *inorganic* ataupun bahan baja kimia seperti *nitrate*, *phosphate* dan sebagainya, maka timbul lagi masalah, sebab tanaman ini kalau ia tumbuh, dia mengambil baja-baja *inorganic* ini di dalam batangnya, maka batangnya boleh lebih besar lagi, kerana

banyak air, kerana baja ini *[Ketawa]* daunnya boleh jadi tebal lagi, boleh jadi besar lagi, kerana sudah banyak air, bahan hidro ini sudah banyak air.

Maka, *we go back to square one*, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong hentam saya, tengok Tuan Yang di-Pertualah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. James Dawos Mamit: Bukannya menghentam, tetapi saya memberitahu maklumat tentang hidroponik ini juga. Jadi, *we come back to square one*, Yang Berhormat, macam itu.

Oleh itu, perlulah revolusi pertanian yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Revolusi pertanian ini penting untuk negara kita kerana di dalam revolusi pertanian ini banyak perkara seperti perkara penggunaan racun-racun makhluk perosak ini, boleh kita selesaikan. Kita juga boleh mengawal R&D, boleh mengawal penggunaan racun atau mengubah *mindset*, tetapi yang penting adalah institusinya.

Saya mengalu-alukan kementerian ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini, kerana ada asas taninya. Jika ada asas taninya, maka timbullah revolusi pertanian. Polisi baru haruslah di rumuskan dan direka bentuk, agar jelas untuk melihat dan meneliti revolusi pertanian ini yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Kerana saya tahu, di Cameron Highlands, Yang Berhormat, ini adalah satu masalah yang besar, penggunaan racun makhluk perosak.

Menyentuh tentang akta dan soal penguatkuasaan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Belum habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini mambokah, rambo?

Dr. James Dawos Mamit: Mambong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Aaa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya nak tanya sikit fasal revolusi pertanian.

Dr. James Dawos Mamit: Boleh, boleh, boleh. Nanti dia jawab, saya jawab dia lagi satu kali. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tadi saya hendak bawa keluar juga *Point of Order* tetapi dok fikir-fikir fasal mambo, jadi kesian. Yang kita tahu mambo dan rambong saja ada di sebelah Kedah nun. *[Ketawa]* Cuma yang ini Menteri jawabkah atau Ahli Parlimen yang dok jawab? Itu yang saya tak berapa faham. *[Ketawa]*

Saya hendak tanya sikit mengenai revolusi pertanian. Kita bercakap fasal baja, fasal racun makhluk perosak dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi revolusi mental kepada orang-orang yang menggunakan baja-baja, pak tani-pak tani ini, ini juga perlu kita lakukan supaya mereka memahami sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Guna baja ini untuk apa? Baja ini untuk apa? Macam kitalah masa kita muda, Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah makan vitamin pun tak apa tetapi bila umur meningkat macam saya ini, Tuan Yang di-Pertua, dia kena *top-up* sikit dengan vitamin itu dan vitamin ini, *[Ketawa]* segala Tongkat Ali tak Tongkat Ali *top-up*. Kalau tidak dia tak boleh *top-out*. Jadi ini yang masalah. *[Ketawa]*

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, pak tani-pak tani, orang yang menggunakan baja-baja ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, depa sendiri kena faham, misal kata waktu bila hendak sembur, waktu bila? Yang tadi kata hidroponik itu, kadang-kadang bila orang pergi beli sayur di *market*, Tuan Yang di-Pertua, sayur yang dimakan ulat depa tak mau, depa kata sayur ni tak bagus. Tapi sayur itulah yang bagus. Fasal apa? Dia tak pakai racun makhluk perosak, dia tak pakai, dia *original*, dia *original* naik punya. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Pagi tadi Tuan Speaker lain, hak ni ... *[Ketawa]* Pagi tadi Datuk Speaker, ni Tun Speaker, Yang Berhormat sekalian kena fahamlah. *[Ketawa]*

Jadi saya berharap kepada kementerian *educatekan* pak tani-pak tani ini. Tadi Setiausaha Parlimen menjawab kepada kita dengan suara yang cukup lunak dan merdu, kan? Yalah, kalau kita tak tengok muka kita boleh lena kerana punya merdu. Subsidi itu subsidi ini, kita bagi berbilion-bilion subsidi kepada rakyat kita. Malah kalau kita lupa setiap pagi, Tuan Yang di-Pertua, kita bancuh kopi, kita bubuh susu, kita bubuh gula, kita dah menikmati subsidi daripada kerajaan kerana kerajaan *subsidise* harga gula, *subsidise* harga susu dan sebagainya.

Jadi, kita bagi kesemua ini tetapi kita tidak ubahkan *mindset* dia orang ini. Pak tani ni dok macam fesyen lamalah – lepas depa pi ke bendang, Tuan Yang di-Pertua,

depa balik mai pi masuk mini Parlimen di kampung, kedai kopi, bersebang sampai waktu 12.30, pukul satu pi ambil anak sekolah. Kemudian balik sat, makan nasi tengah hari, dia buka singlet dia, dia pakai kain sampai ke lutut dia lena. Waktu lena usah kiralah kaki ke mana, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Dia lena petang satni keluar, itu kerja dia. Kerja dia bukan banyak.

Jadi macam pak tani di Kedah ni pun kita kena fikir. Masa lapang mereka ni cukup banyak kalau nak dibandingkan dengan masa bekerja. Dalam setahun depa kerja berapa hari saja. Jadi di sini juga *mindset* ini kita kena ubah. Begitu jugalah dengan kita hendak ubahkan, hendak gunakan segala bahan-bahan makhluk perosak dan sebagainya ini untuk kebaikan orang yang menggunakan dan kebaikan pengguna. Kita tak mahu negara kita satu hari nanti bila kita eksport buah-buahan, Tuan Yang di-Pertua, orang tak mahu makan - dia kata buah-buahan mai daripada Malaysia ini mengandungi racun, racun makhluk perosak. Sebenarnya yang merosak makhluk tu makhluk sendiri, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Makhluk sendiri yang merosak makhluk, sebab itu dunia jadi kelam-kabut kerana makhluk.

Jadi kita berharap supaya standard kita, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kena kawal standard, mutu itu *[Menujukan cakapan kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands]* Yang Berhormat Cameron Highlands kena kawal standard dan mutu ... Cameron Highlands ni tak pa, dia tinggi dah, dia duduk atas bukit, dia lain macam, sebab tu bila dia turun bawah dia kena dok dalam bilik sejuk jugak, kalau dia dok di luar dia kelam kabut fasal panas.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya pengguna-pengguna racun makhluk perosak ini diberikan satu bimbingan, *guideline* yang memuaskan supaya bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Malaysia ini *number one, world-class*. Kalau kita kata cabai Melaka, *world-class* cabai Melaka *from* Malaysia, kalau kita kata buah Keriang Dot, minta maaf pada lain-lain, kita kata buah Keriang Dot, *the best* buah Keriang Dot *in the world, world-class* from Malaysia. Jadi semua ini, Tuan Yang di-Pertua ... *[Disampuk]* ya?

Seorang Ahli: Buah apa tu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Buah Keriang Dot, Tuan Yang di-Pertua, tau buah Keriang Dot,

Tuan Yang di-Pertua: Dia tahu, dia tahu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, dia tanya Menterikah atau tanya kepada Yang Berhormat Mambong, dia cakap ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Mambong. Yang Berhormat Mambong, apa itu buah Keriang Dot? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Orang Johor tak tahu tu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak tahu. Buah Keriang Dot ini dia macam buah *grape*, Tuanku eh, Tuanku pulak! *[Ketawa]* Sebab biasa dengan Istana, Tuan Yang di-Pertua, semasa jadi Speaker Kedah duduk dekat dengan Raja, dok cakap begitu 'Tuanku'. Jadi, buah Keriang Dot ni dia buah macam *grape*.

Tuan Yang di-Pertua: Anggur, anggur yang hitam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Buah anggur, anggur *[Menggunakan isyarat tangan untuk menggambarkan bentuk buah]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tapi dia keredot-keredot sikit, warna dia kehitam-hitaman macam Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. *[Ketawa]* Tapi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dia hitam manis..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tak ada buah macam itu di Cameron Highlands, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila, teruskan.

Seorang Ahli: Dah banyak keredot dah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kat dia ada juga dua biji, Tuan Yang di-Pertua, dalam poket dia. *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat Mambong bersetuju dengan saya atau tidak? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat bagi Jerai memberi komen ini, saya memang tahulah komen beliau amat baik, lebih-lebih lagi sekarang tentang revolusi pertanian dan pengguna racun makhluk perosak. Tetapi saya tidak tahu buah apakah yang dimaksudkan oleh beliau itu ... macam buah anggur, mungkin *passion fruit*, mungkin, yang kecil itu yang macam buah anggur. Saya pun kurang pasti sebelum melihatnya. Tetapi memang benarlah, pagi tadi pun kita sudah menyebut bahawa kalau ada revolusi pertanian di negara kita maka garis panduan-garis panduan yang tertentu termasuk garis panduan untuk mengguna racun makhluk perosak dan bimbingan kepada petani haruslah diwujudkan. Jika ini tidak berlaku maka revolusi ini tidak boleh terjadi.

Ini memang benar sebagaimana kata Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dan juga kata Yang Berhormat bagi Jerai. Kita memang tahu bahawa petani di Kedah mereka tidak menumpu perhatian yang panjang kepada bidang mereka kerana Kedah adalah *Rice Bowl of Malaysia*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan kebanyakan aktiviti ini dilakukan menggunakan traktor dan sebagainya. Jadi itulah sebab masa mereka banyak untuk bersembang di kedai. Tapi itu bagus, itu pun bagus juga kerana mereka pun boleh buat kerja lain supaya pendapatan lebih banyak lagi, bukan sahaja daripada sawah mereka tetapi daripada sumber-sumber yang lain.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: Jadi menyentuh tentang perundangan tadi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, soal penguatkuasaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap lagi. Yang Berhormat duduk dulu, ya.

Dr. James Dawos Mamit:keberkesanan perundangan memang bergantung kepada penguatkuasaan. Ya, saya nampak, saya jawab ini dulu.
[Memandang ke arah Yang Berhormat Tangga Batu]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. James Dawos Mamit: Jika ini tidak berkesan maka pelbagai undang-undang, walau bagaimana pun ia dirumus dan direka bentuk tidak ada guna juga. Oleh itu seperti mana yang telah saya sebut pagi tadi bahawa *cross reference* adalah penting jika kita hendak merumus undang-undang untuk sesuatu, untuk mengawal apa sahaja isu. Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Saya ingin merujuk kepada soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi yang mengatakan, yang bertanyakan sama ada adakah atau tidak kaedah yang kita dapati untuk menggantikan tempat racun makhluk perosak ini.

Yang Berhormat bagi Mambong, saya ini berasal daripada Kampung Relau, Asahan, Johor, kawasan Parlimen Ledang. Di sana terdapat ramai Orang Asli, ataupun di kampung saya kita panggil mereka Orang Bukit, dan Orang Bukit ini, Orang Asli ini, antara produk utama mereka ialah bahan-bahan hasil-hasil pertanian. Dan apa yang kita dapati Orang-orang Asli ini mereka tidak menggunakan racun makhluk perosak tetapi sayurnya gemuk-gemuk, besar-besar, batangnya besar-besar seperti sayuran yang menggunakan racun-racun makhluk perosak ini.

Adakah pada pendapat Yang Berhormat Mambong Orang Asli ini mempunyai kaedah tersendiri, menggunakan bahan-bahan yang sememangnya asli yang tidak menjejaskan perkara-perkara lain atau faktor-faktor lain yang kita perbincangkan pada hari ini ataupun adakah pihak yang terbabit, pihak kementerian mengadakan *research and development*, satu penyelidikan dan pembangunan bagaimana Orang-orang Asli ini menghasilkan tanam-tanaman, hasil-hasil pertanian tanpa menghadapi masalah dengan gejala makhluk perosak ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) mempengerusikan Mesyuarat]

Seperkara lagi Yang Berhormat Mambong kalau kita lihat hasil-hasil keluaran Orang Asli ini mempunyai satu kesan ke dalam diri kita, apabila kita menggunakannya lebih-lebih lagi perkara-perkara yang melibatkan produk pertanian ini. Terutamanya hubungan suami isteri, bila kita amalkan pemakanan dua atau tiga minggu kita dapati berubah, selalunya bertambah baik keberkesanan dan kecekapan hubungan itulah. Jadi apakah komen Yang Berhormat Mambong tentang perkara ini dan saya minta penjelasan yang terperinci kalau boleh. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Tangga Batu, terima kasihlah kerana *remind* saya tadi tentang soalan Tuan Yang di-Pertua, tentang kaedah-kaedah lain bagi mengelakkan penggunaan racun serangga perosak yang berlebihan. Betul juga kata Yang Berhormat Jerai tadi, dia kata pagi Tuan Yang di-Pertua lain dan baru lepas ini adalah Tun, jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah tujuan Yang Berhormat sebut perkara ini.

Dr. James Dawos Mamit: Tidak, tidak sebab Tuan Yang di-Pertua, Jerai menyentuh tentang soalan yang sama, yang juga sudah disentuh pagi tadi, jadi dia mengatakan bahawa pagi tadi Speaker lain dan tengah hari ini pun Speaker lain itulah sebabnya dia menyentuh perkara sama. Walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, kaedah lain memang ada, ini sudah pun diterangkan oleh Yang Berhormat daripada Tangga Batu, kenapa Orang Asli ini tidak menggunakan racun serangga, tetapi tanaman mereka memang subur.

Yang pertama, tanah di mana mereka menanam semua tanaman ini adalah subur dan masih banyak lagi bahan-bahan *natural* di dalam tanah yang digunakan oleh tanaman untuk tumbuh dan membesar.

Yang kedua, Orang Asli ini mengamalkan *biological pest control*, mereka ini tahu, itulah sebabnya kalau kita mengamalkan *mono-culture*,, iaitu kita menanam hanya satu sahaja tanaman di situ, maka itu akan mengundang serangga dan makhluk perosak untuk datang dan merosakkan tanaman-tanaman tersebut. Itulah sebabnya *mono-culture* ini yang diamalkan oleh negara maju dahulu memang tidak sesuai di negara kita, kerana di negara kita lebih daripada 20 ribu spesies serangga dan makhluk-makhluk perosak yang lain lebih daripada 2 ribu spesies, di negara mereka mungkin ada 6, ada 10 di negara yang maju....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jawab semuanya nanti, menteri tidak payah jawab. *[Ketawa]*.

Dr. James Dawos Mamit: Saya bukan jawab, saya beri pandangan dia minta pandangan Yang Berhormat, jadi saya beri jugalah pandangan. Kalau Yang Berhormat Speaker minta pandangan saya, saya akan beri pandangan insya-Allah, *[Ketawa]* boleh tidak Yang Berhormat?. Macam tadi, jadi inilah *biological pest control* yang diamalkan oleh Orang-orang Asli, bukan sahaja Orang-orang Asli, nenek moyang kita dulu buat demikian, itulah sebabnya mereka sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti pembiakan baka, aktiviti pembiakan baka ini kadang-kadang tidak dilihat oleh kita di sini. Tetapi petani-petani di kawasan pedalaman jauh di kawasan saya umpamanya, kita kena berjalan enam jam baru sampai kampung yang dekat sempadan. Jadi mereka ini macam manalah hendak menggunakan baja, jadi mereka menjalankan juga aktiviti pembiakan baka supaya mereka dapat satu baka yang tahan kerosakan dan serangan daripada serangga-serangga.

Itulah amalan mereka di kawasan luar bandar, orang tani dan orang pribumi di Sarawak dan Sabah yang jauh daripada kawasan bandar, yang memang susah untuk mendapat baja-baja kimia.

Dr. James Dawos Mamit: Tangga Batu lagi.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang kedua itu bagaimanakah ia boleh mendatangkan kesan kepada keinginan, ketahanan, *durability*, tenaga dalaman orang lelakilah lebih kurang macam itu.

Dr. James Dawos Mamit: Ini memang susah saya hendak menjawab ini kerana bahan-bahan kimia di dalam tanaman itu memang kemungkinan ada seperti bahan di dalam tongkat Ali, tetapi tongkat Ali sekarang juga di Pusat Penyelidikan Perhutanan ataupun FRIM, mereka juga sedang membuat kajian bioteknologi ke atas pembiak baka tongkat Ali, agar benih tongkat Ali ini senang didapati dan senang ditanam.

Tetapi Yang Berhormat setiap yang senang ditanam senang diperolehi tidak semestinya mujarab, sebatian di dalam tanaman itu ataupun tumbuhan itu tidak semestinya lebih mujarab lagi dari yang terdapat di kawasan liar ataupun di kawasan lapang. Inilah masalah yang harus kita memikirkan yang boleh dihadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: **Yang Berhormat Sabak Bernam.**

Dr. James Dawos Mamit: Sabak Bernam, ya Sabak Bernam.

Dato' Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Mambong, saya hendak menyambung sahabat saya daripada Tangga Batu dari segi projek contoh. Saya berpendapat bahawa apa juga yang kita buat harus antara lain melakukan satu bentuk R&D dari segi projek contoh yang ada.

Dari segi pertanian saya berpendapat bahawa pihak kementerian harus membuat kajian mengenai *the little China* dari segi pertanian di Selangor iaitu di Sekincan. Jadi daerah itu ataupun kawasan itu sebenarnya dari segi tanaman padi sejak 10 tahun yang lalu telah pun menghasilkan hasil padi satu hektar 10 tan, kita baru dalam dua, tiga tahun. Begitu juga dalam pertanian yang lain seperti longan, mangga dan sebagainya. Saya dapati bahawa kawasan itu boleh dijadikan contoh mungkin ini juga boleh dilihat dari segi kemungkinan komponen racun makhluk perosak dan umpamanya. Pertama.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat Mambong dari segi revolusi mental ini. Kita banyak sangat menumpukan kepada isu petani itu sendiri. Saya berpendapat dari segi revolusi mental dia harus ada tiga pihak yang penting selain daripada petani ialah pimpinan sendiri, lepas itu pegawai pelaksanaan daripada pengalamanlah umpamanya kalau saya ingin mengambil dari segi belia umpamanya. Lemahnya belia itu sebenarnya kita tidak boleh tuduh terus kepada belia semata-mata, tetapi ada juga kaitan dengan pemimpin

dan juga pegawai pelaksana. Jadi dalam konteks revolusi mental ini harus juga peringkat ini diberi perhatian. Apakah pandangan Yang Berhormat Mambong. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam, saya pernah baca di dalam *The New Straits Times* tentang *the little China* ini iaitu Sekincan bahawa petani di Sekincan ini boleh memperolehi 10 tan padi setiap satu hektar. Saya memang tertarik dengan artikel itu di dalam *new papers* kita, kerana apa yang mereka buat bukan semestinya mereka menggunakan racun makhluk perosak di situ bukan berleluasa dan berlebihan, tetapi kerana pengurusan mereka lebih baik daripada tempat yang lain.

Memanglah mereka menggunakan baja tetapi bukan juga berlebihan, yang penting pengurusan kerana semasa kita menanam padi, tidak semestinya kita menggunakan baja yang berlebihan, tidak semestinya kita menggunakan racun makhluk perosak yang berlebihan, yang penting adalah pengurusan bekalan air, padi memerlukan bekalan air. Oleh itu pengurusan bekalan air adalah penting agar padi ini boleh tumbuh dan mengeluarkan hasil yang lebih banyak lagi.

Itulah sebabnya saya memang tertarik hati dengan Sekinjang ini yang boleh menghasilkan 10 tan padi setiap hektar dan revolusi *mindset* ini juga penting kerana mereka di situ mulanya hanya dua, tiga orang sahaja petani yang saya terbaca dalam *newspaper* yang menggunakan kaedah pengurusan yang baik dan selepas itu apabila jiran mereka melihat bahawa ini membawa hasil yang lumayan, maka mereka juga terikut-ikut untuk menggunakan kaedah yang sama. Ini adalah satu pertukaran *mindset* di kalangan petani di Sekinjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan dengan perundangan. Di peringkat antarabangsa satu perundangan yang dinamakan *Convention on International Trade In Hazardous Chemicals And Pesticides* telah pun diwujudkan dan dipersetujui oleh 95 buah negara pada 16 Mac tahun ini.

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: Ya, silakan Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pembekalan air dengan pertumbuhan padi tadi. Di Sarawak begitu luas kawasannya di mana tanah itu mempunyai bekalan air yang cukup tetapi pertumbuhan padi pun tidak begitu baik oleh kerana banyak makhluk perosak, tetapi makhluk

perosak ini pun, ada juga makhluk lain yang memakan mereka seperti katak, jikalau nama tempatan ada juga pamak iaitu katak yang besar yang boleh memakan makhluk-makhluk ini. Ada lagi satu jenis makhluk yang boleh memakan perosak ini iaitu yang dinamakan lelitak di Sarawak. Lelitak ini badannya kecil tetapi bila dimakan sedap. Kalau dimakan oleh orang lelaki boleh menjadi lebih kuat, tetapi di akhir-akhir ini kita nampak katak tidak ada, pamak, jenis katak yang lebih besar, satu delegasi yang memang dihargai oleh orang Sarawak pun hampir pupus, lelitak pun sudah habis, sudah pupus.

Jadi mengikut pengalaman Yang Berhormat bagi Mambong, apakah status penemuan ataupun penyelidikan di mana makhluk-makhluk seperti ini digunakan untuk menghapuskan makhluk perosak supaya di Sarawak ataupun di tempat-tempat di mana takungan air cukup untuk penumbuhan padi yang baik supaya kita tidak usah menggunakan racun-racun yang menghapuskan semua makhluk yang ada di bumi Sarawak ini.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya memang mahu menyentuh tentang itu tetapi belum sampai lagi, walaupun demikian, biarlah saya menyentuhnya sekarang.

Bekalan air adalah penting dari segi pengurusan penanaman padi, itu memang betul, tetapi bagaimanakah kita boleh mengawal makhluk-makhluk perosak yang lain juga serangga. Di kawasan saya sendiri, di Kampung Sekuduk, ada satu projek Jabatan Pengairan dan Saliran di mana petani-petani memang menanam padi secara *convention* hinggalah boleh menuai dua kali dalam setahun. Tetapi ini belum memuaskan disebabkan oleh makhluk-makhluk perosak ini. Oleh itu saya menjemput seorang penyelidik daripada Jabatan Pertanian di Semenggong untuk membuat satu kajian tentang mengawal makhluk perosak dan juga supaya padi ini boleh berbuah dengan lebih baik lagi. Selepas satu tahun, tahun 2002 hingga 2003, saya nampak ada banyak *improvement* kerana yang pertama, *spacing* untuk menanam padi ini dirapatkan, itu yang pertama.

Jika *spacing* dirapatkan maka padi tumbuh dengan tinggi, ia tidak tumbang ataupun rebah di kiri, kanan atau hadapan. Yang kedua, memasukkan itik di dalam kawasan padi itu termasuk menternak itik di dalam kawasan padi itu. Itik ini akan memakan serangga, katak, pamak dan sebagainya. Ini satu kaedah yang sudah berjaya, *integrated mass management* yang sudah berjaya untuk padi. Saya tidak

tahu untuk tanaman lain ataupun untuk buah-buahan. Tetapi untuk padi ini sudah pun berjaya dan projek ini dibiayai oleh UNDP. Projek ini tidak besar untuk kajian tetapi saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada UNDP kerana memberi peruntukan untuk projek seperti ini, dan dalam bidang penanaman padi, saya rasa ini adalah satu projek yang memberi manfaat kepada petani-petani kecil yang menanam padi di Sarawak, bukan sahaja di Sarawak mungkin di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi tentang perundangan antarabangsa yang dinamakan *Convention on International Trade in Hazardous Chemicals and Pesticides* yang telah pun dipersetujui oleh 95 buah negara pada 16 Mac tahun ini. Konvensyen ini mengawal dan mengawasi racun-racun makhluk yang telah pun diharamkan atau yang telah pun dihadkan penggunaannya di negara-negara maju, agar tidak dieksport ke negara-negara yang kurang maju. Dengan demikian satu lagi konvensyen yang dinamakan *The Rotterdam Convention on the Prior Informed Consent Procedure for Certain Hazardous Chemical and Pesticides International Trade* pun sudah diwujudkan oleh masyarakat antarabangsa.

Kedua-dua konvensyen tersebut bertujuan untuk memberi pilihan kepada negara-negara yang mengimport racun agar boleh menentukan sama ada racun-racun yang diharamkan di negara lain harus diimport atau sebaliknya. Ini adalah satu kawalan antarabangsa. Di negara kita memang ada racun makhluk perosak sejak tahun 1974 tetapi adakah peraturan-peraturan di dalam akta ini mencukupi dan berkesan lebih-lebih lagi untuk penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang tertentu.

Kita meminda akta di dalam Dewan yang mulia ini, pada mesyuarat kali ini seharusnya bertujuan untuk meminda agar ia lebih berkesan untuk melindungi pengguna-pengguna kerana pengguna-pengguna dan *consumer* yang menggunakan hasil pertanian ini juga penting agar kesihatan kita semua haruslah terkawal.

Tuan Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Kuala Terengganu, ya, Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong. Disebut tadi dua konvensyen yang begitu penting untuk mengawal racun makhluk perosak tetapi meskipun kadang-kadang negara itu terlibat dengan konvensyen-konvensyen yang telah disebutkan itu tetapi masih ada sikap dan

semangat untuk menyebarkan ataupun memperluaskan jualan bahan-bahan racun makhluk perosak itu.

Malah bukan itu sahaja di negara kita di Asia ini ataupun di Asian ini dikenali sebagai satu kawasan di mana tadi disebut juga oleh Yang Berhormat Mambong sebagai *the dumping ground of* sisa-sisa toksik itu meskipun ada negara-negara itu sudah pun menganggotai konvensyen yang telah disebut itu dan kita juga negara Malaysia juga menyertai Konvensyen Basel yang juga memainkan peranan yang penting untuk mencegah dari segi sisa toksik dan juga racun makhluk perosak itu.

Namun sekarang ini kita dapati bahawa negara-negara yang meskipun berada dalam kelompok itu tetapi masih juga tidak mematuhi dan tidak berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang telah disepakati dalam konvensyen tersebut. Saya melihat di sini mentaliti jenayah alam sekitar adalah merupakan satu masalah yang besar *its all in the mind* sama juga seperti mana di kalangan pengusaha-pengusaha pertanian kita yang di negara kita ini sudah ada lebih kurang 146 pemilik ataupun pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan racun makhluk perosak.

Selain daripada itu, terdapat pula melakukan kerja-kerja peniruan iaitu *artificial* racun tadi selain daripada menyeludupnya. Jadi, di sini satu perkara yang paling penting ialah untuk kita memupuk di kalangan rakyat kita itu kesedaran kepada kepekaan kita supaya mesra alam dan ini rasa saya perlu dicapai seperti mana yang telah disebut oleh beberapa orang rakan kita iaitu dari segi pendidikan, dari segi *awareness*, dari segi *knowledge*, dari segi asas-asas penting supaya rakyat kita dan juga petani kita faham dalam usaha kita untuk hidup dan mesra dengan alam.

Saya kira negara-negara yang maju pun, Amerika dan negara-negara yang lain yang dulunya pun saya kira menghadapi masalah yang sama dalam usaha mereka untuk menghasilkan produk-produk pertanian mereka dan kita juga harus belajar daripada pengalaman silam mereka betapa mereka terancam dengan permasalahan racun makhluk perosak ini. Sekarang kita seolah-olah meniru pula kesilapan yang telah dialami oleh mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Razali bin Ismail: Ya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang siapakah yang berucap?

Tuan Razali bin Ismail: *[Ketawa]* Soalan tidak sampai lagi. Yang menjadi masalah saya sekarang ini ialah Yang Berhormat Mambong, meskipun ada konvensyen-konvensyen yang disebut itu, perkara yang paling penting ialah kepatuhan kepada konvensyen-konvensyen itu. Malah kita saksikan sendiri bahawa Taiwan sendiri telah mengimport sisa racun atau sisa toksik ke negara kita yang tiba melalui pelabuhan di Johor Bahru kira-kira 12,500 tan yang cukup berbahaya meskipun mereka berada dalam kelompok kalau tidak silap saya konvensyen yang telah disepakati. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, kedua konvensyen antarabangsa ini yang mengawal perdagangan racun-racun makhluk perosak adalah bertujuan supaya negara-negara yang menjadi *contracting parties* ini di dalam konvensyen yang dua ini boleh memperuntukkan di dalam rang undang-undang mereka sendiri agar mengawal import dan eksport racun-racun makhluk perosak, itulah tujuannya.

Di dalam kita meminda akta kita ini tidak ada sentuhan ataupun tidak ada menyentuh tentang konvensyen antarabangsa ini agar peruntukan di dalam konvensyen kita haruslah juga membuat *cross reference* kepada kedua-dua konvensyen antarabangsa ini. Jadi, kalau tidak ada *cross reference* maka memang susahlah nanti untuk kita mengawal import daripada negara-negara yang lain. Oleh itu, konvensyen ini masih lagi diperbincangkan dan konvensyen yang satu tadi iaitu *International Convention On Trade And Hazardous Product* belum lagi *legally binding*. Oleh itu perbincangan masih lagi dijalankan agar ia *legally binding* untuk negara-negara yang menjadi *contracting parties* ataupun yang menandatangani dan mengesahkan konvensyen itu.

Tuan Yang di-Petua, di dalam akta kita saya melihat pindaan ini menekankan terhadap melabel racun-racun. Perkara-perkara lain seperti penyerahan, contoh racun, garis panduan dan mengenai kelas racun menjurus kepada melabel, tidak ada peruntukan dalam akta mengenai penggunaan yang selamat dan juga tadi *public education program*. Oleh itu saya mencadangkan bahawa garis panduan-garis panduan untuk penguatkuasaan dan pendidikan umum adalah penting agar pengguna racun makhluk perosak lebih tahu lagi tentang kaedah menggunakan racun dengan betul.

Di dalam konvensyen antarabangsa yang saya sebut tadi ada 22 jenis racun makhluk yang diharamkan di negara-negara maju disenaraikan. Senarai ini panjang, 22 jenis racun. Oleh itu saya ingin menyarankan agar kementerian membuat *cross reference* kepada senarai ini supaya kita tahu apakah racun-racun yang sudah disenaraikan selain daripada *the dirty dozen* yang saya sebut semalam. Ini adalah penting agar kita melihat dan tahu apakah jenis racun yang harus diharamkan di negara kita.

Di dalam konvensyen ini juga negara yang menjadi *contracting parties* yang saya sebut tadi haruslah merumus dan mewujudkan mekanisme penguatkuasaan bagi mengawal pengeksporan dan mereka yang mengeksport racun ke negara import haruslah juga dikawal. Ada kalanya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi mereka sendiri yang mencampur racun ini dan jika begini maka racun ini akan lebih tinggi lagi dan ini amat berbahaya.

Oleh itu adalah penting jika kita di Malaysia ini dan kerajaan merumuskan garis panduan yang tertentu dan membuat *cross reference* kepada racun-racun yang saya sebutkan tadi. Peruntukan di dalam konvensyen inilah yang perlu dimasukkan ke dalam pindaan akta kita ini. Walaupun demikian saya amat berpuas hati dengan kerajaan tentang kemasukan dalam pindaan kali ini mengenai penilaian racun makhluk baru dan kegunaannya. Ini adalah penting kerana racun makhluk baru ini kalau belum diuji dan kajian belum dibuat maka ia akan lebih berbahaya lagi.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas pindaan ini. Saya menyarankan kepada kementerian untuk program kesedaran masyarakat ataupun *public awareness* mencadangkan satu sistem penerangan kegunaan racun makhluk ataupun *Pesticide Information System* diwujudkan menggunakan kaedah ICT agar lebih ramai lagi rakyat dapat meneliti jenis-jenis racun dan sifat-sifatnya.

Tidak ramai petani kita di luar bandar mengetahui tentang sifat-sifat racun yang mereka gunakan. Oleh itu, mereka tidak tahu tentang kaedah-kaedah yang sesuai dan betul bagi penggunaannya. Jika diwujudkan *Pesticide Information System* menerusi ICT, maka sudah tentu ada di kalangan mereka yang cerdik menggunakan komputer dapat melihat dan meneliti sifat-sifat racun dan seterusnya menyebarkan kepada jiran-jiran mereka dan kepada petani-petani yang lain. Tambah lagi jika anak-anak mereka yang pandai, yang berpelajaran tinggi melihat sifat-sifat ini, sudah tentu anak-anak mereka boleh memberitahu kepada mereka tentang racun-racun yang berbahaya dan juga

yang berkesan untuk mengawal makhluk-makhluk perosak. Dengan yang demikian, penyebaran maklumat-maklumat mengenai racun-racun makhluk perosak lebih berkesan dengan lebih luas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah mengamalkan kaedah *biological pest control* yang saya selalu sebut-sebutkan tadi yang membabitkan pengawalan makhluk-makhluk perosak atau serangga-serangga perosak, di mana kita menggunakan makhluk-makhluk yang lain atau serangga-serangga lain untuk memusnahkan makhluk-makhluk perosak yang sedia ada di kawasan sawah ataupun di kawasan ladang.

Kaedah ini jika digandingkan dengan pengurusan ladang yang baik, maka *integrated pest control*, dengan izin, boleh dicapai.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri.

Dr. James Dawos Mamit: Timbalan Menteri. Silakan Timbalan Menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya tahu Yang Berhormat adalah ahli atau pakar dalam bidang *environment* atau alam sekitar. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat oleh kerana Yang Berhormat telah membuat cadangan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang bahayanya racun-racun tadi. Kalau kita senaraikan mengenai racun-racun ini, orang boleh tahu, tetapi bagaimana pula kesedaran di kalangan generasi muda kita.

Umpamanya macam hari ini, kita lihat terdapat rata-rata padang golf menggunakan banyak baja yang mempunyai racun dan air yang turun ke dalam parit ini akan merosakkan segala macam ekosistem di dalam air itu. Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat secara konkrit untuk mewujudkan satu kesedaran di kalangan masyarakat mengenai dengan bahayanya *pesticide* dan juga baja-baja yang penuh dengan racun? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kerana berminat juga di dalam pengawalan kualiti alam sekitar. Ini adalah usaha yang baik, kerana jika ramai lagi di kalangan kita yang berminat di dalam pengawalan kualiti alam sekitar dan ada *etiquette* untuk mengawal alam sekitar, maka alam sekitar kita akan terselamat.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran ini adalah penting di kalangan masyarakat. Ini memang penting. Itulah sebabnya tadi saya pun menyebut tentang *Pesticide Information System*. Saya juga telah menyarankan kepada kementerian agar mewujudkan garis panduan dan juga agar pegawai-pegawai di kementerian turun padang untuk menyebarkan garis panduan bagi menggunakan racun-racun makhluk perosak ini dengan cara yang betul dan dengan cara yang baik. Namun yang penting adalah latihan untuk pegawai-pegawai, juga tentang hal-hal kawalan racun makhluk perosak.

Oleh itu jika diwujudkan *Pesticide Information System* ini, maka generasi muda kita akan tahu tentang bagaimana bahayanya racun makhluk perosak, sifat-sifat racun makhluk perosak dan cara-cara untuk menggunakan racun-racun makhluk perosak. Kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri, di dalam rumah kita juga kita menggunakan racun makhluk perosak, tetapi kita tidak sedar bahawa di dalam rumah kita kalau ekosistem itu seimbang, tidak perlulah kita menggunakan racun-racun makhluk perosak seperti racun semut untuk membunuh semut atau racun untuk menyembur nyamuk di dalam rumah kerana sudah ada cicak ataupun *lizard* yang berkeliaran dalam rumah kita. Mereka memakan serangga ini.

Jika tidak ada makanan untuk mereka, maka mereka akan keluar juga dari rumah kita dan makan nyamuk ataupun serangga di tempat lain. Kalau mereka lari, nyamuk dan serangga sudah tentu akan datang dengan lebih banyak lagi. Oleh itu kita menggunakan racun sembur yang kita beli dari *supermarket* ataupun kedai. Jadi, ini bermasalah kerana walaupun pada mulanya kita menggunakan sedikit sahaja, lama-kelamaan dalam tempoh jangka masa yang panjang, residu racun tersebut ada di dalam rumah kita.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, Arau.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong. Berkenaan dengan racun serangga yang kita guna di rumah itu, memang betul kita gunakan di rumah dan kita mengharapkan cicak-cicak ini makan makhluk-makhluk yang mengganggu kita. Malangnya

nyamuk itu tidak boleh tunggu cicak. Jadi, kadang-kadang nyamuk di batang hidung kita pun, kita geli hendak tunggu cicak mai.

Walau bagaimanapun, masalahnya ialah salah guna juga iaitu dengan Ridsect atau jenama-jenama macam itu yang kita ada di pasaran, sebenarnya kita patut guna sedikit sahaja, tidak payah guna banyak. Tetapi kita ini, manusia ini kita tengok lipas, kita ligan lipas itu, kita *spray* dia sampai dia bukan mati oleh kerana dengan racun serangga itu, dia mati oleh kerana dia lemas, terlalu banyak.

Berkenaan dengan tanaman padi, kita balik kepada tanaman padi di Sekinchan. Untuk mengurangkan serangga makhluk perosak ini dalam kawasan padi ialah pengurusan air sebenarnya. Tidak cukup air pada masa yang kita perlu, ia banyak rumput-rumpai. Jadi, kita guna racun rumput-rumpai pula. Bila terlalu banyak air pula, kadang-kadang musim makhluk perosak itu mai, kita tidak mahu air, tetapi air itu ada. Jadi, kadang-kadang di antara satu jabatan ke satu jabatan pun, susah. Misalnya di Perlis dan Kedah, jadi macam itu.

Bila saya pergi ke kawasan padi itu, saya boleh tengok lebih banyak rumput-rumpai daripada padi sampai tidak nampak buah-buah padi itu. Saya harap kementerian untuk menggalakkan pertumbuhan pesat yang kita hendak dalam tanaman padi ataupun tanaman apa pun, kita patutlah kurangkan kegunaan kimia-kimia oleh kerana ini akan boleh menjahanamkan kesihatan kita.

Saya harap Yang Berhormat bagi Mambong boleh bawa satu cadangan di mana kementerian boleh menggalakkan kegunaan *organic fertilizer* ataupun baja organik. Bukan maksud saya kompos. Kompos adalah asas pertanian juga, organik juga, tetapi kita tidak boleh kata baja oleh kerana NPKnya berlainan pada tiap-tiap hari. Bila kita namakan baja organik, maknanya NPKnya tertentu. Kalau 5-5-5 pada hari ini, bulan depan pun 5-5-5. Tetapi kompos yang kita ada yang kita buat di belakang rumah kita, itu dinamakan kompos. Itu boleh juga digunakan.

Saya mengharapkan di mana Yang Berhormat bagi Mambong boleh syorkan kementerian menggalakkan untuk menggunakan baja-baja organik yang bermutu tinggi juga bersih yang asas daripada pertanian. Oleh kerana kegunaan baja kimia ini terlalu banyak akan membuat tanah kita asid dan masam, itu sebab sebagaimana Yang Berhormat bagi Mambong kata tanah itu akan keras dan apabila kita terlalu banyak guna baja kimia serapan *nutrient* itu akan kekurangan tetapi oleh kerana kita hendak pertumbuhan pesat kita bubuh lagi banyak baja lagi. Apabila kita bubuh banyak

sangat baja walaupun asid ada di dalam tanah dia hidup juga, dia hidup cepat tetapi ia tidak ada ketahanan untuk dia sendiri. Jadi kalau dari segi padi batangnya akan, lembut, lembik, batangnya akan lembik kalau banyak guna baja kimia. Ya, ya lembik, apabila batangnya lembik, Tuan Yang di-Pertua, maka dia pun tahu berapa banyak biji-biji akan dikeluarkan. Saya pun orang pertanian, tapi apabila kita guna baja organik maka batangnya akan keras dengan sendirinya. *[Ketawa]* Apabila batang itu keras Tuan Yang di-Pertua, dengan sendirinya pengeluaran biji-bijian akan lebih sebab itu daripada tiap-tiap satu ekar itu kita boleh dapat keluaran benih padi itu lebih banyak daripada kalau kita guna baja *organic*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sama Mambong macam pakarlah, dua-dua pun pakarlah. *[Ketawa]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Dia lagi pakarlah, saya yang batang padi itu, saya bolehlah. Maksud saya batang itu adalah batang padi, yang Mambong itu maksudkan adalah batang sungai.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran ialah bukan hanya melalui *extension education* tapi boleh juga melalui ekspo dan pertunjukan-pertunjukan gambar yang menakutkan orang daripada akibat menggunakan begitu banyak sangat racun-racun serangga ini dan juga boleh diserapkan di dalam sekolah-sekolah dan di dalam pelajaran mereka, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Mambong?

Dr. James Dawos Mamit: Saya memang setuju dengan Yang Berhormat bagi Arau lebih-lebih lagi daripada mengelakkan batang-batang untuk menjadi lembik.

Racun serangga di rumah, memang benar kata Yang Berhormat Arau itu tadi janganlah kita menggunakan dengan berlebihan dan jika selepas kita menggunakan nanti pada waktu siang hari kita bukalah tingkap dan pintu, agar udara segar boleh masuk dan membawa *residue* racun keluar. Tetapi Orang Asli, mereka tidak menggunakan racun serangga tetapi di rumah mereka pun tidak ada nyamuk. Orang Peribumi di Sarawak pun begitu, apakah yang digunakan mereka?

Kebetulan saya dahulu saya adalah seorang penyelidik di dalam bidang *biodiversity* dan menyelidik tentang kegunaan-kegunaan tumbuhan untuk pelbagai perubatan yang digunakan oleh orang bumiputera di Sarawak. Saya telah pun

menyenaraikan 1,500 spesies tumbuh-tumbuhan di Sarawak yang cukup ada guna. Daripada itu kulit kayu hujan panas, tetapi orang di sini kalau mendengar kayu hujan panas disebutkan sebagai *kayu tas*. Orang di sini memang cukup kalau ada kayu tas memang memberi nilai yang tinggi. Kulit kayu hujan panas adalah satu daripada yang saya tahu dan dapati dahulu bahawa ia boleh mengeluarkan nyamuk daripada rumah kita kerana bau yang harum, nyamuk mungkin tidak suka.

Jadi kulit kayu tas ini mungkin tidak ada di kalangan Orang Asli kerana tidak ada kayu tas di sini. Itulah sebabnya di sini banyak harimau, sebab harimau saya tahu takut dengan kayu tas, kerana kayu tas ini saya pun tidak tahu mungkin dia ada kuasa yang berlebihan. Kalau kita berjalan di satu tempat kita tidak melihatkannya di jalan kita. Tiba-tiba kalau kita balik nanti patah balik, dia ada dekat situ dan apabila kita hendak cabut begini memang susah. Sebab kita kena cabut menggunakan belakang dan ada juga di antara mereka mengatakan cabut kayu tas ini kita mesti buka semua seluar, baju, mesti buka, baru dia lebih mujarab lagi, ini kayu tas. Tetapi kulitnya daripada segi penemuan kajian saya dahulu memang baik untuk mengawalkan serangan nyamuk. Kita boleh bakarkannya dan seperti *mosquito coil* juga kita boleh bakar.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dr. James Dawos Mamit: Rantau Panjang okey.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tertarik dengan kayu tas yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat ada mengatakan kayu tas ini kalau ada pokok kayu tas maka harimau tidak ada. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya meminta supaya kerajaan mengambil kayu tas yang berada di Sarawak dan Sabah dan ditanam di Jeli kerana di Jeli ini boleh dikatakan setiap tahun harimau mengganas dan memakan manusia. Boleh Yang Berhormat berunding dengan Ahli Parlimen Jeli untuk mengelakkan daripada harimau mengganas?

Seorang Ahli: Boleh! Boleh!

Dr. James Dawos Mamit: Ini tentu boleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tetapi saya tidak dapat pastikan sama ada kayu tas ini boleh tumbuh di Jeli ataupun di Semenanjung Malaysia. Itulah sebabnya dia tidak ada dan tidak terdapat di Semenanjung Malaysia tetapi kayu tas ini mungkin kepercayaan agaknya, rakyat di sini

bahawa ia mujarab ataupun boleh mengawalkan sesuatu yang *supernatural*, itu saya tidak dapat pastikan, tetapi yang saya boleh pastikan kulitnya boleh mengawal kehadiran nyamuk ke rumah kita.

Balik dengan pengurusan air seperti penanaman petani-petani yang menanam padi di Sekinchan. Ini memang betul Yang Berhormat bagi Arau, pengurusan air adalah penting dan menyentuh tentang baja organik ini. Kalau ada N, ada P, ada K maka baja itu tidak lagi organik, kalau kita *manufacture* ataupun membuat baja itu daripada bahan NPK tetapi N ini Nitrate ataupun nitrogen boleh didapati di dalam tanah, kalau tumbuh-tumbuhan itu ada yang dinamakan *nodules* di akarnya. Kerana *nodules* ini diakarnya mengandungi bahan-bahan nitrate. Ini barulah nitrate ini adalah nitrate organik. Untuk *phosphate* ini juga boleh berlaku ataupun boleh timbul daripada air kumbahan yang tidak terawat. Jadi jika kita campur air kumbahan yang tidak dirawat ini dengan bahan-bahan yang kita buat di rumah itu, menjadikan baja organik maka ini amat baik, ini sudah menjadi baja organik. Jika siapa yang ingin untuk menceburkan diri dalam bidang ini saya rasa *potential businessnya* memang besar.

Berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang padang golf yang menggunakan baja dan racun. Pagi tadi kita telah pun membincangkannya. Memang air tercemar kerana padang golf ini menggunakan baja dan racun berlebihan. Ini memang merosakkan sistem dan kadang kala memang banyak ikan mati di dalam kolam-kolam di padang golf. Ini tidak baik kerana kadang kala air di dalam kolam padang golf itu tidak mengalir. Jika ia tidak mengalir maka ini mengurangkan kandungan oksigen di dalam air itu dan ikan pun boleh mati di dalam kolam itu jika kekurangan oksigen.

Tuan Yang di-Pertua, memang penggunaan racun makhluk-makhluk perosak dan juga baja-baja organik berleluasa di negara kita sekarang. Oleh itu saya bercadang agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang tertentu:-

- (i) menilai racun makhluk perosak baru dan memastikan kegunaannya dikawal dan diurus. Saya memang mengalu-alukan pindaan di dalam akta ini kerana ada peruntukan untuk menilai racun perosak baru dan memastikan bahawa sifat-sifatnya yang tertentu diketahui umum;

- (ii) menyediakan langkah-langkah kecemasan, jika ada di antara orang-orang petani yang tersalah guna racun ini dan diracuni oleh racun makhluk perosak maka kalau ada langkah-langkah kecemasan mereka boleh sampai ke hospital dan klinik-klinik dengan cepat;
- (iii) mendaftar semua syarikat yang mengeluarkan dan mengedar racun-racun supaya diketahui umum. Ini adalah penting untuk mengawal mereka yang membuat *business* racun ini supaya kita tahu stok-stok yang ada di tempat ataupun di kedai-kedai mereka. Jika kita tidak tahu, susah kita hendak membuat *inventory*, manakah racun yang diseludup, manakah racun yang diimport mengikut saluran yang betul. Ini adalah penting; dan
- (iv) penguatkuasaan peruntukan-peruntukan akta ini haruslah berkesan. Dengan ini saya menyarankan agar pegawai-pegawai haruslah dilatih dan diberikan latihan yang mencukupi serta mendalam tentang sifat-sifat semua racun.. ...

Tuan Ismail bin Abd. Mutalib: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran.

Dr. James Dawos Mamit:.. yang digunakan di negara kita. Ya, Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Ismail bin Abd. Mutalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Parlimen Mambong. Saya mengucapkan terima kasih dan Tuan Yang di-Pertua saya kira hari ini kita telah mendapat banyak ilmu dan pengetahuan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, ini khususnya tentang akta yang kita bincang sekarang. Menyentuh tentang peranan dan kesedaran kepada masyarakat saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Mambong, saya pernah melaksanakan sistem tanaman sayur hidroponik ini dan kita pernah menggalakkan pegawai-pegawai di jabatan kita sendiri membeli, bahkan saya pernah membeli 20 tong hidroponik ini dan kita tanam sayur hidroponik ini cukup cantik.

Mengikut maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi bahawa sayur tidak akan tumbuh dalam air yang terlalu bersih, mesti ada benda di dalamnya. Pada saya, saya lihat dalam melaksanakan sistem hidroponik ini ada satu bahan kimia yang dimasukkan ke dalamnya dan apakah bahan kimia tersebut merupakan racun ataupun baja yang memang memberikan kesan sampingan kepada pengguna, itu yang pertama. Yang menjadi dukacitanya kepada kita ialah sayur yang tumbuh daripada sistem hidroponik ini memang cantik, memang hijau berbanding dengan sayur-sayur yang ditanam di tanah-tanah biasa. Satu sifat yang saya perhatikan bahawa apabila sayur daripada hidroponik ini kita kena makan terus, tidak boleh disimpan lama, sebab dia akan lembik, dia tidak keras macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi.

Mungkin ada bahan-bahan kimia yang telah memberikan kesan kepada sayur berkenaan, tetapi yang mendukacitakan dan kadang-kadang mungkin merisaukan saya dan kita semua adalah apabila kita meminta pandangan daripada pegawai-pegawai pertanian ataupun mereka yang terlibat melaksanakan sistem ini mereka akan mengatakan tidak ada kesan sampingan kepada kita apabila kita memakan sayur hasil daripada sistem hidroponik ini.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Mambong dan saya bersetuju dengan beliau mencadangkan supaya pegawai-pegawai pertanian yang turun ke kawasan-kawasan luar bandar dengan petani-petani perlu diberikan latihan dan soalnya apakah mereka ini sebenarnya tidak mempunyai pengalaman ataupun pengetahuan yang cukup sehingga mereka sanggup mengatakan bahawa tidak ada kesan sampingan daripada racun-racun yang mungkin tidak besar kesannya dan juga baja-baja yang kita gunakan dan kita makan daripada hasil pertanian yang agak segar itu.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat bagi Mambong kerana telah memberikan kesedaran kepada kita semua dan pihak kerajaan dan saya berharap supaya pihak kerajaan mengambil perhatian kepada perkara sebegini supaya kesan-kesan sampingan daripada racun dan juga baja-baja yang mempunyai nilai kimia yang tinggi ini tidak akan memberikan kesan yang besar kepada khususnya masyarakat luar bandar yang kurang arif tentang perkara ini. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Yang Berhormat bagi Maran saya tidak tahu telah pun menceburkan diri dalam bidang

sistem hidroponik. Memanglah seperti yang saya telah jelaskan pagi tadi bahawa kalau air bersih memang susah untuk tanaman tumbuh di dalam air bersih tetapi kalau air itu mengandungi baja, bahan-bahan baja seperti *nitrite*, *phosphate*, *potassium* dan sebagainya ataupun zat-zat, maka sudah tentunya ia akan tumbuh. Inilah sistem hidroponik yang menggunakan air sebagai bahan media baja-baja yang sedia ada.

Jadi, dari segi perdagangan ataupun *business* memang pelbagai teknologi sedia ada untuk menanam apa sahaja. Memang di dalam sistem hidroponik, sayur-sayur memang cantik dan jika kita simpan agak lama ia akan lebih lembik lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Dr. James Dawos Mamit: Ini disebabkan ia mengandungi banyak air dan baja itu sudah dalam bentuk air. Jika bahan zat ini *nitrite* masih ada di situ bahayanya memang kurangnya, tetapi kepada budak-budak kecil ini akan membantutkan perkembangan mental mereka. Jadi, inilah bahayanya, kepada kita orang dewasa ini memang banyak racun-racun yang sudah masuk ke dalam badan kita, *residue* memang sudah ada tetapi seperti mana yang saya telah jelaskan pagi tadi juga belum sampai harinya lagi, jika harinya sudah sampai baru kita tahu, bahawa kita telah pun diracuni. Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong. Di akhir ulasan Yang Berhormat kata orang, orang dulu-dulu dia mempunyai ketahanan, mempunyai ketahanan dari segi pelbagai perkara, umurnya panjang, sudahlah umur panjang, kekuatan, kegagahannya terus berpanjangan, gigi tidak rosak, telinga tidak rosak, rambut tidak rosak, apa lagi? 'anu' itu pun tidak rosak [*Ketawa*].

Macam Arau kata tadilah kan? Semuanya baik kerana dikatakan bahan makanannya, bahan minumannya, bahan pakaiannya, alam sekitarnya, rumah tangganya semuanya dalam keadaan yang begitu baik. Tidak ada racun. Tidak ada campuran racun. Penyakit-penyakit ganjil pun bagi mereka tidak ada. Darah tinggi tak ada. Lemah jantung tak ada. Kencing manis tak ada. Kolesterol tinggi tak ada. Apa lagi? Lemah lutut tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua itu tak pentinglah. Apakah soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan akan sampailah Tuan Yang di-Pertua. Dia, Mambong ini dia suka kita membuat penjelasan dahulu kerana dia pun mempunyai kepakaran untuk menjawab apa sahaja yang kita musykilkan kerana dia punya kepakaran itu.

Apakah Yang Berhormat bagi Mambong, kebimbangan masyarakat yang dikatakan kita hari ini semuanya menjadi rapuh, jadi lemah, lemah gemalai, lemah longlai, lemah apa lemah lagi, lemah lemah lembut, lemah gemalai. Gigi tak tahan, telinga tak tahan, rambut tak tahan. Itu tak tahan, ini tak tahan. Apakah kerana kita telah dikuasai oleh perbuatan kita sendiri kerana mencari ringgit dan sen sehingga membunuh masa depan kita sendiri.

Dengan sebab itu makanan kita mempunyai racun, minuman kita mempunyai racun, di rumah tangga kita mempunyai racun, udara kita mempunyai racun, pakaian kita mempunyai racun dan semuanya racun. Angin, udara saya ada seorang sahabat sudah meninggal. Pagi-pagi dia *exercise* di Causeway, pagi-pagi kerana dia inginkan udara segar di Selat Tebrau.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dia jogging pagi-pagi menyeberang dari Johor Bahru sampailah sebelum masuk ke Singapura dia berulang alik dengan berjogging di waktu subuh yang mempunyai udara Selat Tebrau, udara subuh selama dua tahun, kena kanser – *gone* (jalan). Orang terperanjat. Rupanya dalam dia menyedut udara bersih Selat Tebrau dia tersedut 26,000 motosikal punya asap, lori, kereta yang menyeberang di antara Singapura dan Johor Bahru, tersedut selama dua tahun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, asap bukan racun serangga Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soal udara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soal udara ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagaimana sudah tercemar. Dalam waktu awal hendak mencari kebaikan akhirnya mendapat kecelakaan. Macam mana

Yang Berhormat dunia kita ini agaknya boleh dijamin keselamatannya sekurang-kurangnya untuk negara ini, untuk negara kita.

Di Parlimen inilah sebenarnya tempat membuat undang-undang bagaimana harapan rakyat kita pada masa yang akan datang terlindung daripada perbuatan-perbuatan yang boleh menjahanamkan masa depan kita dan generasi yang akan datang.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani umpamanya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar umpamanya, sedar atau tidak bagaimana natijah-natijah, penggunaan-penggunaan yang kita halalkan, tetapi sebenarnya memberikan kesan akibat yang begitu buruk kepada masa depan kita dan generasi yang akan datang.

Saya minta sedikit komen dari Yang Berhormat bagi Mambong dari segi pelbagai perkara yang saya nyatakan tadi supaya Parlimen kita ini menjadi penyelamat kepada bangsa dan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Mambong. Mambong ini saya ingat kena jugalah. Kita kena iktiraf dia, kepakaran, kepakaran. Mambong ini patut..... inilah jenis orang yang patut diberikan gelaran Dato'..... pakar ada faedah beri dia Dato'. Ada peluang dia jadi Dato' [Disampuk] Sarawak tak dapat, KLlah. Dia di KL, KLlah. Kita mengiktiraf seorang yang profesional seperti ini. Ini kalau jadi menteri, anak buah, pegawai dia, kau jangan hendak kenenlah menteri yang betul-betul pandai. [Ketawa] [Dewan riuh] Menteri yang betul-betul pandailah. Pegawai di bawah tak boleh main-main. Orang macam ini memang patut jadi menteri. Tunggu saya jadi Perdana Menteri tahun 2050 agaknya. [Dewan riuh] Tuan-tuan dah tak adalah. Saya masih ada lagilah. [Disampuk]

Itu kena rundinglah dengan saya dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Wah! Terima kasih Yang Berhormat saudara saya daripada Sri Gading. Terima kasih banyak untuk *recommendation* itu, tetapi malangnya Yang Berhormat kalau tahun 2050 memang susahlah agaknya.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, memang benar orang-orang dahulu mempunyai ketahanan. Umur mereka panjang. Ini disebabkan kualiti alam sekitar dahulu memang tidak tercemar. Mereka tidak menggunakan kenderaan, mereka tidak membuang bahan-bahan kimia ke dalam air. Memang tidak ada masa itu, bahan-

bahan kimia. Mereka tidak buang bahan-bahan kimia ke dalam air. Maka air mereka pun bersih.

Ikan yang mereka makan, udang yang mereka makan tidak mengandung bahan-bahan kimia. Inilah sebabnya. Yang kedua, udara mereka bersih. Mereka tidak menggunakan kenderaan yang mengeluarkan karbon monoksida. Mereka tidak ada karbon dioksida di dalam udara. Inilah yang membunuh kita pada hari ini dan tidak ada bahan-bahan terampai di dalam udara. Yang terdapat sekarang di udara kita adalah semua bahan beracun. Oleh itu walaupun kita berjogging, itu hanya untuk peluh tetapi apa yang kita hidu adalah udara bukannya bersih, tetapi udara yang sudah tercemar.

Air yang kita minum pun sudah tercemar bukan sahaja daripada segi bahan-bahan baja dan kimia yang terbang itu, jika bahan-bahan kimia yang kita buang masuk ke dalam air, ia akan tenggelam dan bercampur dengan tanah di dalam sungai. Apabila ia bercampur di dalam tanah, di dalam sungai ataupun apa saja di landasan sungai, maka ia akan tinggal di situ untuk selama-lamanya. Seribu tahun pun dia masih ada kerana bahan-bahan kompaun ini dia tidak dapat dilupuskan. Jika ikan-ikan yang lebih-lebih lagi ikan yang hidup di bawah itu, bergerak melalui landasan ini, ia memang makan tanah itu. Apabila ia makan tanah maka bahan-bahan toksik ini masuklah ke dalam isi-isi ikan ini. Jika kita makan isi ikan ini, sudah tentu badan kita juga tercemar. Kita tidak mati serta-merta. Tetapi *residue* yang terkumpul di dalam badan kita ini boleh membunuh sel-sel dalam badan kita. Jika sel-sel badan kita ini semua mati, maka matilah kita.

Itulah sebabnya

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan bangun Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saudara saya Yang Berhormat bagi Mambong. Tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading mengatakan bahawa udara kita ini pun tercemar dengan racun-racun yang ada. Jadi, saya panjangkan sedikit lagi. Selain daripada bumi ataupun di daratan ini kita terus pula ke lautan di mana rumput rampai yang kita

hasilkan daripada pertanian dan sebagainya dan juga semua karang-karangan dan udang-udang yang dipelihara di dasar lautan dan sebagainya.

Saudara dan saudari sekalian, insiden-insiden keracunan bertambah dan berleluasa. Di Amerika Syarikat sahaja setiap 6 orang, satu orang itu akan menerima keracunan apabila memakan makanan seperti udang dan karangan laut dan sebagainya dan ini mungkin tidak mustahil terjadi di negara kita.

Sebilangan besar ini disebabkan ejen *ethologic* termasuk toksin marin ataupun *marine toxin*, dengan izin. Di antara toksin yang berbisa dan kesannya yang amat buruk sekali ialah dengan izin, *paralytic shellfish poisoning* (PSP) dan juga *neurotoxic shellfish poisoning* (NSP). Target pertama *marine toxin* ini ialah *neurologic system* termasuk dalam *gaestro intestinal track* yang akan memberi kesan terhadap *neuro system* kita. Jadi, budiman Yang Berhormat bagi Mambong ini memang pakar dalam soal ini, saya pasti dia akan memberi penerangan yang amat berkesan hasil kajian yang disebabkan ikan-ikan dan penghuni-penghuni laut ini tercemar dengan pelbagai *marine toxin*.

Saya ingin mendapat penjelasan mengenai *marine toxin* ini dan apakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membuat pemantauan mengenai dengan pemakanan-pemakanan laut agar ia selamat dimakan. Selain daripada itu Yang Berhormat bagi Mambong mungkin dapat menjelaskan bagaimana *marine toxin* ini membiak di dasar laut dan bagaimana kita menangkisp perkara seumpama ini supaya kita tidak akan terjejas bukan sahaja kepada kita tetapi juga negara dan generasi yang akan datang. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Pensiangan. Pencemaran marin ataupun pencemaran laut adalah satu isu yang paling besar sekarang. Sebanyak 80% pencemaran marin adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti kita di tanah iaitu termasuk aktiviti industri, pertanian dan pembesaran bandar-bandar kita seperti air kumbahan. Ini ditambah lagi dengan pembuangan. *Polychlorinated Biphenyls* (PCB). *Polychlorinated Biphenyls* adalah satu produk yang timbul apabila kita membuat plastik dan *styrofoam* yang mana plastik dan *styrofoam* ini kita gunakan untuk membungkus makanan.

Jadi, tidakkah kita ketahui bahawa *styrofoam* ini – saya lihat ramai yang membawa makanan yang dibungkus dalam *syrofoam*. Ini adalah bahan PCB

(*Polychlorinated Biphenyls*) yang amat berbahaya. PCB ini sudah banyak dibuang ke dalam laut. Saya sudah memberitahu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh bagi peluang kepada Kudat?

Dr. James Dawos Mamit: Sekejap, Sekejap Yang Berhormat bagi Kudat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dahulu.

Dr. James Dawos Mamit: Saya akan menjawab soalan Yang Berhormat bagi Pensiangan ini, panjang ini. Ini sudah dibuang ke dalam laut dan inilah yang paling berbahaya dalam pencemaran marin. Oleh itu, *shellfood poisoning* tadi yang menyebabkan *neurologic poisoning* memang benar kerana PCB ini sudah ada di dalam laut.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran marin ini memang banyak puncanya iaitu:

- i) minyak yang dibuang ke dalam laut;
- ii) air kumbahan yang tidak dirawat;
- iii) *garbage* ataupun sisa-sisa pepejal;
- iv) sampah dan bahan kimia; dan
- v) bahan-bahan radioaktif.

Semuanya ini dibuang ke dalam laut. Oleh itu pelbagai masalah berlaku seperti *eutrofication*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pendang bangun Yang Berhormat. Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, nanti, nanti, sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri jalan lagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dr. James Dawos Mamit: Inilah yang menyebabkan makhluk-makhluk di dalam laut seperti ikan yang memakan PCB ini, jika kita memakan ikan kita terkena *food poisoning* dan seterusnya *neurologic poisoning* iaitu yang terkena pada otaklah. Itulah yang disebutkan oleh rakan kita daripada Pensiangan. Ya, Kudat, silakan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Mambong. Berkaitan dengan pindaan Akta Racun Makhluk Perosak ini, sebagaimana yang kita ketahui bahawa sebenarnya racun makhluk perosak ini adalah merupakan suatu komponen yang penting di dalam membangunkan sektor pertanian kita. Tetapi di dalam masa yang sama juga timbul

masalah penyalahgunaan di dalam racun makhluk perosak ini sehingga menyebabkan masalah-masalah kesihatan yang dihadapi oleh masyarakat yang boleh menyebabkan juga pelbagai penyakit misteri yang timbul seperti kanser, penyakit-penyakit yang serius dan penyakit-penyakit yang bertambah dari masa ke semasa.

Sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan supaya pengawalan racun makhluk perosak ini diberikan perhatian yang serius. Oleh sebab itu, di dalam penggubalan akta yang kita telah kemukakan pada hari ini sepatutnya mengambil kira keseriusan masalah penyalahgunaan racun makhluk perosak ini.

Oleh itu, adakah Yang Berhormat bagi Mambong ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat masalah penyalahgunaan racun makhluk perosak ini sebagai suatu masalah yang boleh kita samakan dengan masalah penyalahgunaan dadah?

Kalau kita lihat bahawa implikasi dan kesan yang kita akan terima daripada penyalahgunaan dadah itu juga adalah merupakan sesuatu yang serius yang boleh menyebabkan masalah kesihatan dan masalah sosial yang serius dan kita telah menggubal undang-undang yang begitu keras mengenai penyalahgunaan dadah sehingga menyebabkan seseorang yang mengedar dadah itu boleh dihukum mati mandatori.

Dengan sebab graviti keseriusan masalah ataupun penyalahgunaan ini juga adalah sama, adakah Yang Berhormat bagi Mambong mencadangkan kepada kerajaan, kepada mereka yang benar-benar bersalah dan menyalahgunakan racun makhluk perosak ini dengan sengaja semata-mata untuk mengaut keuntungan, mendapat keuntungan daripada hasil jualan pertanian mereka ataupun sebab-sebab yang tertentu, untuk dikenakan hukuman berat iaitu mengenakan *capital punishment* kepada pesalah-pesalah ini.

Saya fikir kita harus mempertimbangkan masalah ini di Dewan yang mulia ini, semoga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat mempertimbangkan cadangan ini kerana jika kita tidak melakukannya mungkin akan timbul lebih banyak lagi penyalahgunaan ini kerana setakat ini kita juga menghadapi masalah penguatkuasaan.

Oleh itu, kalau kita mempunyai masalah penguatkuasaan, maka kita haruslah menyediakan undang-undang yang digeruni kerana pencegahan itu adalah lebih baik daripada mengubat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Kudat, saya memang setuju jika salah guna racun makhluk perosak ini disamakan dengan penyalahgunaan dadah dan jika begitu, maka hukumannya mesti setimpal, mesti sama. Ini adalah penting kerana racun makhluk perosak ini jika disalahgunakan lebih ramai lagi yang akan kena racun dan maut. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kementerian, statistik ini bolehkah bandingkan berapa orang yang salah menggunakan racun ini dan berapa orangkah yang salah menggunakan dadah sudah maut kerana dadah.

Tuan Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Tetapi Yang Berhormat bagi Kudat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pendang bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Sekejap ya, saya jawab dia dahulu. Yang Berhormat bagi Kudat, memang di dalam pindaan akta ini sudah ada bahawa pesalah dihukum RM20,000 atau enam tahun penjara tetapi saya telah pun menyebut tentang *cross reference* akta-akta yang sudah wujud di negara kita. Mengapa orang yang melakukan pembekalan terbuka jika disabit kesalahan kena denda RM500,000 dan penjara lima atau sepuluh tahun, saya sudah lupa. Tetapi di sini, hukumannya RM20,000 jika disabitkan kesalahan dan enam tahun hukuman. Jadi semuanya ini haruslah diseragamkan. Yang penting sekarang adalah kita melihat dari semua akta yang ada di dalam negara kita dan keseragaman adalah penting termasuk juga Akta Penyalahgunaan Dadah. Ini kita haruslah menyeragamkan dengan akta ini. Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

Tuan Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya ada dua persoalan yang hendak ditimbulkan di sini untuk penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Yang pertama tentang tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa saranan untuk menubuhkan *Pesticide Control Center*. Sebenarnya saya rasa kita sudah ada satu yang kita namakan Pusat Racun Negara di USM. Adakah maksud Yang Berhormat ini merupakan satu pusat yang sama antara *Pesticide Control Center* dengan Pusat Racun Negara.

Yang kedua, kalau kita lihat kembali pada empat, lima tahun yang lepas, ada Menteri Pertanian mengatakan bahawa kalau kita hendak membiak ikan ini, kita

gunakan tukun tiruan menggunakan tayar-tayar buruk. Jadi adakah menggunakan tayar-tayar yang buruk yang terdiri daripada hidrokarbon yang lama ini boleh memberi kesan kepada kesihatan kita memakan ikan tersebut? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Pendang, tadi saya tidak menyebut tentang *Pesticide Control Center*. Saya sebut *Pesticide Information System* iaitu satu sistem maklumat bagi menyebarkan tentang penggunaan *pesticide* ataupun penggunaan racun. Di USM, saya rasa memang sudah ada *Poison Control Centre* - memang sudah diwujudkan di sana. Pusat itu membuat kajian-kajian tentang racun-racun dan juga *poison control* di situ. Kadang-kadang ubat juga dianggapkan sebagai satu *poison* ataupun racun. Jadi yang saya sebut ialah *Pesticide Information System* yang harus diwujudkan oleh kementerian juga.

Tentang tukun-tukun tiruan yang dibuat daripada tayar buruk, saya rasa bukan tayar-tayar buruk kerana tayar ini dibuat daripada getah dan juga hidrokarbon maka ia tidak buruk. Ia tidak buruk tetapi ini adalah tayar-tayar yang sudah digunakan dan sudah cacat. Jadi kalau kita masukkan ia ke dalam air, ia pun tidak buruk kerana di dalam air ini tidak ada populasi bakteria yang tertentu untuk makan tayar dan juga tidak ada jenis kulat yang tertentu untuk mereputkan tayar. Itulah sebabnya tayar memang adalah satu bahan yang diperbuat daripada hidrokarbon yang memang susah, tidak dapat buruk dan tidak dapat reput kerana bakteria tidak dapat makan tayar dan juga kulat pun tidak dapat tumbuh di tayar agar ia tidak reput kalau tayar itu kering.

Tuan Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Tuan Eric Enchin Majimbun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendang dengan Sepanggar.

Tuan Mohd. Hayati bin Othman: Yang Berhormat, ia ada besi. Ia gunakan apa....

Dr. James Dawos Mamit: Oh, besi?

Tuan Mohd. Hayati bin Othman: Ya, besi-besi yang dalam tayar tersebut.

Dr. James Dawos Mamit: Besi digunakan di dalam tayar memang berkarat. Memang berkarat. Dan jika besi itu berkarat, tayar itu boleh pecah lagi – *disintegrate*. Ia boleh pecah lagi dan ada kemungkinan ia terapung di mana-mana dan inilah yang

menyebabkan pencemaran marin dan air laut juga sebab ia terapung. Ini sebagai bahan pepejal yang terapung di marin.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Kita haraplah agar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian bangun.

Dr. James Dawos Mamit: ...ikan-ikan yang besar tidak makan tayar yang sudah pecah ini. Ya, saya bagi Sepanggar dahulu selepas itu Yang Berhormat, ya.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong. Sepanjang ini kita telah mendengar mengenai kesan-kesan sampingan atas racun makhluk perosak ini. Adakah Yang Berhormat bagi Mambong setuju sekiranya label-label yang dikenakan dalam racun-racun makhluk perosak ini dapat disenaraikan semua kesan seperti yang kita lihat dalam ubat di mana preskripsi ubat-ubat ini kita dapat maklumat akan semua kesan sampingan. Dan juga adakah Yang Berhormat bagi Mambong setuju sekiranya antidot-antidot mengenai kesan racun ini dapat dicatat dalam preskripsi serta di dalam label-label ini? Sekian.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Sepanggar atas cadangan itu tadi. Memang di dalam pindaan ini, tentang peruntukan untuk label diperjelaskan di seksyen baru 45A dan 45B iaitu label sebagai keterangan bahawa bahan ialah racun makhluk perosak dan juga ada disebut kaedah-kaedah untuk menggunakannya. Ini tentang labelnya. Dan juga orang yang mendaftar hendaklah memberitahu lembaga mengenai kesan buruk racun makhluk perosak. Ini adalah penting. Peruntukan ini di seksyen baru 10A. Itulah sebabnya saya memang mengalu-alukan pindaan ini Yang Berhormat Menteri dan saya harap penguatkuasaannya lagi yang memang diperlukan.

Tentang antidot tadi, antidot memang susah terdapat untuk racun-racun tetapi masyarakat Penan, dia banyak antidot untuk pelbagai racun. Jadi inilah yang perlu kita kaji sekarang. Kita hantar penyelidik kita, kita hantar *scientist* kita kepada kaum dan masyarakat Penan untuk belajar tentang antidot jika mereka terkena racun. Okey, Yang Berhormat di sebelah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong. Mana-mana undang-undang pun yang diluluskan oleh

Dewan ini, saya rasa kita semua bersetuju tentang betapa perlunya penguatkuasaan. Sebagai contoh yang saya ingin kongsi bersama dengan Yang Berhormat bagi Mambong, yang tadi menekankan daripada aspek *enforcement* – penguatkuasaan. Saya rasa kita boleh merujuk kepada negara jiran, Singapura iaitu Jabatan Pengeluaran Utama (PPD) mereka yang menetapkan semua hasil pertanian ini terutama buah-buahan dan sayur-sayuran yang masuk ke republik tersebut bebas dari kesan sembilan bahan aktif iaitu sebagaimana yang disebut iaitu tentang Monocrotophos, Methamidophos dan seumpamanya.

Tidak kurang juga dengan negara kita, Jabatan Kimia sebenarnya setanding dengan Jabatan Kimia di Singapura yang boleh memperolehi keputusan analisis kesan kimia dalam masa empat jam hingga enam jam. Saya rasa ini dari segi kecekapannya sama taraf. Tetapi yang menjadi masalahnya tentang penguatkuasaan. Singapura pernah menolak sayur-sayuran daripada Cameron Highlands sebagai contoh untuk memastikan kesihatan rakyat Republik tersebut terjamin dan bebas daripada kesan racun serangga makhluk perosak ini. Jadi oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Mambong sama ada kita perlu kepada satu jabatan yang mengawal semua hasil pertanian yang masuk daripada negara jiran terutama Thailand ini supaya kita benar-benar bebas daripada kesan racun serangga ini. Kerana telah banyak kali dan bertahun-tahun lamanya kita mengatakan buah longan daripada Thailand ini memang tahap analisis kesan kimianya amat tinggi tetapi masih berada di pasaran, masih lambakan di pasaran yang dibeli oleh rakyat dalam negara kita.

Oleh itu, kita perlu kepada sebuah jabatan sebagai contoh Singapura mempunyai satu jabatan yang khusus untuk membuat analisis terhadap kesan sayur-sayuran dan buah-buahan setiap hari, sedangkan kita hanya satu jabatan yang terpaksa mengendalikan semua perkara berkaitan dengan penggunaan kesan racun makhluk perosak ini. Demikian juga mereka terpaksa dari segi penguatkuasaannya di samping menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak, tetapi mereka terpaksa juga menguatkuasakan Akta Makanan 1983 dan juga Peraturan-peraturan Makanan 1985. Jadi, saya ingin berkongsi idea ini dengan Yang Berhormat bagi Mambong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kerana berkongsi maklumat tentang tindakan Singapura dan apa yang ada di Singapura. Memang benar Jabatan Kimia kita sebuah jabatan yang bertanggungjawab

ke atas pelbagai analisis kimia termasuk forensik. Kerja mereka memang banyak dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain di dalam negara kita juga bergantung kepada khidmat Jabatan Kimia. Itulah sebabnya kadangkala kita menganggapkan mereka tidak cekap. Tetapi kalau kita lihat dari segi *work load*, Jabatan Kimia ini memang berat, kerja memang banyak. Apatah lagi kerja harian seperti membuat penganalisis terhadap sayur-sayuran yang ada di pasaran tempatan.

Di sempadan, saya pun ingin tahu, saya juga ingin bertanya kepada kementerian adakah pegawai-pegawai yang berpengetahuan, yang boleh membuat analisis terhadap sayur-sayuran dan barangan yang lain yang diimport daripada negara-negara jiran. Di negara kita memang sudah ada *The Malaysian Pesticides Board*. Saya tidak tahu berapa ramaikah bilangan kakitangan mereka, dan sama ada mereka ini membuat pemeriksaan dan membuat penganalisis terhadap sayur-sayuran yang di pasaran kita sendiri. Memandangkan bahawa sayur-sayuran yang ditanam oleh petani dan pekebun-pekebun kita, kadang-kadang menggunakan bahan-bahan kimia yang berlebihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak bangun Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ya nanti sekejap. Saya habiskan ini dahulu. Selain daripada itu, ada Jabatan Pertanian, ada Jabatan Haiwan. Pihak berkuasa tempatan juga memainkan peranan. Jadi, siapakah yang betul-betul bertanggungjawab untuk memeriksa sayur-sayuran yang dijual di pasaran tempatan, di pasaran kita sendiri. Ini adalah penting kerana jika ia tidak diperiksakan, maka inilah berlaku, *consumer* di dalam negara kita sendiri akan mengalami kesengsaraan kerana keracunan oleh orang-orang kita sendiri. Jadi, saya setuju jika ada sebuah institusi untuk menjalankan analisis setiap hari ke atas bahan-bahan makanan termasuk sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ikan dan sebagainya agar ia tidak mengandungi bahan-bahan kimia yang berlebihan. Memang sudah ada bahan kimia pun, tetapi biarlah itu terlonggok di dalam badan kita, kemudian kita boleh tahu kesannya terhadap kita sendiri. Ya Yang Berhormat.

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong kerana memberi laluan kepada saya untuk menanyakan soalan.

Soalan saya ialah, adakah Yang Berhormat bagi Mambong bersetuju bahawa tidak terdapat koordinasi yang baik di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mengawal bahan-bahan makanan sayur-sayuran dipuncanya di tempat pertanian dengan agensi-agensinya yang lain. Contohnya, misalnya Kementerian Kesihatan yang melaksanakan Akta Makanan dan juga setengah majlis perbandaran (*local council*) yang juga mempunyai Jabatan Kesihatan yang melaksanakan Akta Makanan. Itu soalan saya.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Saya nampak hari ini saya sudah tunggu lama untuk kawan saya Yang Berhormat bagi Gombak ini bangun. Ini adalah pakar kedokteran manusia yang mempunyai Ph.D dalam kedokteran perubatan. Memang terdapat koordinasi selama ini yang saya lihat tidak berkesan dan tidak baik di antara agensi-agensinya yang ada di negara kita pada hari ini. Ini adalah satu masalah dan menjadi satu isu. Saya pernah bertugas dengan kerajaan dahulu selama 26 tahun. Kadang-kadang apabila kita hendak menjalankan kerja penguatkuasaan dan kita mahukan mereka menemani kita untuk tugas penguatkuasaan, pertama kali mereka bertanya ialah adakah elaun perjalanan, lebih-lebih lagi dari jabatan-jabatan yang lain.

Jadi, jika ini berlaku maka susahlah kita mendapat koordinasi dan *cooperation* untuk membuat kerja yang berkesan. Oleh itu, jika kementerian-kementerian sudah ditambah dan bilangan menteri juga sudah ditambah, apa salahnya jika jabatan baru juga ditubuh bagi memastikan agar perkara yang penting seperti mengawal kualiti makanan di negara kita, supaya memeriksa agar kualiti makanan sentiasa di tahap yang bersih, yang tidak ada racun di dalam makanan-makanan yang tertentu seperti sayur-sayuran, buah-buahan, daging-daging, ikan-ikan dan sebagainya haruslah diperiksa dan dikawal setiap hari, kerana inilah barang-barang yang diperlukan oleh kita untuk hidup setiap hari.

Jika ada agensi baru, maka kita haraplah ia akan lebih berkesan lagi untuk mengawal dan mengawasi bahan-bahan makanan di pasaran tempatan.

Tuan Loh Seng Kok: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Ya, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong, kita pada hari telah membincang panjang lebar tentang racun makhluk perosak ini. Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Mambong juga telah menyebutkan tentang

penyelidikan untuk mengawal mutu makanan dan sebagainya dan saya kluatir tentang penyelidikan yang telah kurang diberi penekanan supaya kita tidak begitu bergantung kepada racun makhluk perosak untuk menghasilkan makanan ataupun tanaman yang lebih baik kualitinya untuk manusia, untuk penduduk kita.

Kerana dari rekod kerajaan menunjukkan bahawa perbelanjaan ataupun peruntukan yang diberikan kepada jabatan seperti Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi, UPM, hanyalah RM5 juta sahaja dan di UPM, penyelidikan diberi peruntukan sebanyak RM36 juta diberikan kepada Fakulti Kejuruteraan untuk membuat penyelidikan. Padahal, di Universiti Malaya, UKM pun ada juga Fakulti Kejuruteraan dan UPM, yang dulunya kita tahu bahawa adalah Universiti Pertanian Malaysia.

Selepas ditukar nama menjadi Universiti Putra Malaysia, saya kluatir penekanan untuk meningkatkan mutu makanan dari segi sains, dari segi penyelidikan sains makanan dan bioteknologi akan berkurangan, akan turunnya kualiti. Adakah Yang Berhormat bagi Mambong bersetuju bahawa seperti mana yang saya telah sebutkan sebentar tadi tentang *Research Triangle Park* di Amerika Syarikat yang telah ditubuhkan untuk mengkaji, kerajaan memberi peruntukan yang paling banyak untuk meningkatkan R&D.

Di sini saya rasa bagi UPM, walaupun telah ditukarkan nama, tetapi saya rasa penyelidikan R&D perlu diberi penekanan supaya kita dapat menghasilkan lebih banyak bahan-bahan ataupun racun makhluk perosak dan di lain-lain segi supaya kita kurangkan kandungan kita ke atas penggunaan baja ataupun penggunaan racun-racun makhluk perosak ini.

Kerana saya rasa di UPM, kedudukannya amat strategik iaitu terletak di Serdang, UPM, dan berdekatan dengan Multimedia Super Corridor (MCS) dan juga Cyberjaya dan juga Technology Park Malaysia. Bukankah kita boleh menyeru kerajaan supaya UPM dijadikan sebagai satu lokasi yang strategik seperti dengan *Research Triangle Park* di Amerika Syarikat, maka penumpuan dan juga peruntukan diberikan kepada UPM untuk menjalankan lebih banyak penyelidikan supaya kita kurangkan kandungan ke atas racun makhluk perosak dan sebagainya, supaya kita tidak perlu kluatir, tidak perlu memberi peruntukan untuk para pegawai untuk menjalani pemeriksaan dan sebagainya, kalau kita dapat menghasilkan bahan-bahan yang lebih bermutu tanpa bergantung kepada racun makhluk perosak ini.

Kita faham bahawa di UPM dahulu, saya masih ingat banyak pendidikan ditekankan dari segi dalam pengurusan yang tertentu termasuklah sains makanan bioteknologi, institusi biosains, penghasilan baja baru, vaksin, pemantauan kesuburan tanah menggunakan satelit, penghasilan makanan haiwan yang lebih baik dan benih pokok yang tahan penyakit dan sebagainya. Inilah kita perlukan lebih banyak penyelidikan kerana kita memang sebuah negara yang sedang membangun, menuju ke arah R&D, menjadikan negara kita sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi di rantau Asia ini. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Mambong. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya juga bimbang tentang penukaran nama UPM daripada Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia kerana sekarang tumpuan penyelidikan di UPM sudah jauh lari daripada sains makanan dan bioteknologi, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Oleh sebab itu saya rasa, kerajaan memperuntukkan wang yang kurang lagi kalau dibandingkan dari dahulu untuk penyelidikan di UPM. Mungkin kerajaan memperuntukkan lebih banyak kepada MARDI tetapi MARDI kemungkinan menekankan penyelidikan di dalam *food production* ataupun hanya dari segi bioteknologi juga dan juga dan tidak dari segi pengurusan pertanian yang lebih baik seperti *Research Triangle Park* di Amerika Syarikat.

Yang kedua, tentang penyelidikan ini adalah pakar-pakar penyelidik ini, kadangkala pakar-pakar ini, mereka terlalu pakar dalam satu bidang yang kecil. Apabila mereka terlalu pakar dalam satu bidang yang kecil, maka tumpuan mereka di dalam satu bidang yang kecil itu dan tidak melihat jauh di luar daripada bidang mereka. Apabila mereka tidak melihat jauh daripada luar bidang mereka, ini sudah jadi satu penemuan yang tidak menyeluruh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak dan Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, tidak menyeluruh. Jadi, itulah masalahnya dan saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat agar kerajaan, jika mementingkan pertanian dan asas tani ini maka berilah peruntukan yang banyak untuk penyelidikan

dan R&D supaya kita tidak amat bergantung kepada racun-racun untuk menyuburkan tanam-tanaman kita. Ya, saya memang tahu sahabat saya dari Jerai, apabila dia masuk, saya memang tahu yang dia akan mencelah. Ya, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Kira-kira Tuan Yang di-Pertua, ke depan-depan ini Yang Berhormat layak menjadi Menteri. Menteri apa, tidak tahulah. Daripada tengah hari sampai ke petang dia dok bercakap, *marathon* ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Cuma saya hendak meminta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat bagi Mambong.

Sekarang ini boleh atau tidak kita bawa balik saintis-saintis kita, ataupun kita ambil saintis-saintis daripada Iraq, bukan bawa balik mereka untuk berperang, tidak. Siantis-saintis ini kita bawa balik kerana saintis di Iraq sekarang ini pun, dia orang tidak ada kerja. Jadi, gaji mereka pun kita boleh beri gaji cukup makan, mereka boleh datang ke Malaysia. Begitu juga saintis-saintis daripada negara China dan sebagainya untuk membantu kita untuk buat racun yang lebih baik. *[Ketawa] [Disampuk]* Mesra alamlah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, negeri Iraq sudah selesai, dia tidak mahu balik sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidaklah lagi teruk Tuan Yang di-Pertua, petang tadi pun bom meletup sebiji lagi. Meletup sudah, merekah habaq, saya tidak tahulah. *[Ketawa]* Saya ada di kantin tadi.

Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Mambong untuk kita mencipta, negara kita mencipta segala racun-racun makhluk perosak ini yang mesra alam. *They call it in English environmental friendly*, dengan izin. Jadi, ini pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saintis ini gaji mereka di sana susah dan saintis-saintis ini dia pergi ke negara-negara lain, ke negara-negara barat. Daripada Palestin dan daripada Iraq, saintis cukup banyak, tetapi kerana masalah negara mereka, mereka terpaksa berhijrah di merata dunia. Jadi, kita gunakan pakar-pakar ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani gunakan pakar-pakar ini mungkin boleh mencipta buah durian yang baunya lebih baik daripada sekarang ataupun wangi macam *perfume* yang menyelerakan ataupun

Seorang Ahli: Kenapa? Sekarang sudah wangi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...ataupun kita cipta buah durian yang tidak berduri. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau dia tidak berduri Yang Berhormat, dia bukan dipanggil durian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bukan durianlah kalau sudah tidak ada duri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita tukar nama 'yan'. *[Ketawa]* Kita buang duri, tinggal 'yan'.

Seorang Ahli: Boleh beri penjelasan, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh, saya yang minta penjelasan. Jadi, kita kena cipta ini semua. Jadi mungkin saintis-saintis yang berlebihan di negara-negara lain, yang mereka mengharapkan peluang pekerjaan di negara kita, sebelum saintis, kita kurang saintis Yang Berhormat bagi Kalabakan. Saya ingat di Kalabakan satu saintis pun tidak ada. *[Ketawa]* Sekurang-kurangnya di Jerai, saya boleh tahan jugalah. Saya memahami juga, kalau hendak dibandingkan dengan Kepong, tempat orang buang sampah dan sebagainya. *[Ketawa]*

Saya berharap kepada Yang Berhormat Mambong untuk memberi penerangan kepada Menteri kita, Timbalan Menteri kita supaya saintis-saintis ini Yang Berhormat kita bawa balik, bawa depa balik, macam kita bawak la ni *pilot* daripada Iraq. Cuma Tok Arab ni dia kasar sikit aja, kalau kita naik kapal terbang bila dia *landing* kita tau - bila dia *landing* kasar tu mesti *pilot* Iraq *[Ketawa]* kalau *soft landing*, ha ini *pilot* Malaysia. Hak tu beza dia. *[Disampuk]* Ya? Hak *landing* lama ni, *[Ketawa]* *[Disampuk]* hak Yang Berhormat Sri Gading. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Larut, Larut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia terlama. *[Ketawa]* Jadi inilah pandangan saya yang saya teringat tadi semasa saya sedang minum air di kantin, bagaimanakah kita hendak mempertingkatkan lagi, pertamanya menjaga racun makhluk perosak ini supaya benar-benar tidak memudaratkan negara kita dan kita

kena cipta, kalau buah kita, bagaimana buah daripada Thailand boleh ada di England, buah manggis daripada Thailand boleh didapati di England.

Saya biasa menjadi Pengerusi FAMA, Tuan Yang di-Pertua, saya eksport buah rambutan pi England. Orang Puteh dia hairan, dia kata apa jenis buah berbulu ni? Dia kata dia tak pernah tengok dalam dunia buah ada bulu. Saya kata, "*This is a hairy fruit*". [Ketawa] dengan izin. Memang buah apa pun berbulu, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Buah rambutanlah, Yang Berhormat Mambong. Jadi buah ini sampai, kerana apa? Kerana teknologi mereka dan cara mereka menjaga buah-buah tersebut dan durian-durian ini sampai ke peringkat antarabangsa.

Star fruit ataupun buah belimbing, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pergi keluar negara suatu masa dulu orang Puteh terkejut, yang dia tau buah semuanya jenis bulat tapi buah belimbing ni dia jenis segi. Jadi saya kata kalau makan buah ni jantung cukup baik. Depa bukan cerdik sangat puak-puak tu. Dia beli berkilo-kilo. Jadi tu dia, kita kena buat yang ini, Yang Berhormat Mambong, panggil saintis buat study, ambil durian kita campur dengan durian Siam, campur dengan durian India, campur, campur, campur, dia keluar mai durian Malaysia ataupun durian ASEAN. Kemudian cuba kaji supaya durian ini bila dimakan tidak 'hangat'. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, durian kalau kita makan hangat, orang tua-tua pesan minum air dalam kulit durian, dia akan *reducekan* suhunya. Tapi bagi orang tua-tua, hari Khamis malam Jumaat jangan dok makan [Ketawa] dia tak boleh tidur sampai siang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, rumah sekarang sudah ada *aircond*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rumah dah ada *aircond*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hak ini rumah ada *aircond*, Tuan Yang di-Pertua, hak yang tak ada *aircond*, dok berkibas, berkibas dengan kain, Tuan Yang di-Pertua. [Disampuk] [Ketawa] Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Mambong?

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Memang sudah ada dasar kerajaan untuk membawa balik saintis-saintis kita ke Malaysia untuk membuat pelbagai penyelidikan dan juga saintis-saintis daripada negara-negara lain seperti negara Iraq, China dan sebagainya. Di bidang bioteknologi, saintis dari Cuba,

wah cukup pandai, cukup mahir, dan gaji mereka pun tidak tinggi tetapi yang penting bagi kerajaan saranan saya adalah, berilah mereka satu suasana yang senang, janganlah mereka masuk nanti, *screening* lagi, mereka bayar wang deposit lagi dan sebagainya. Ini menyusahkan dan menyulitkan mereka. Selepas itu apabila mereka sudah bekerja di sini, susah juga hendak memperbaharui *work permit*. Ini adalah halangan tetapi dasar kerajaan sudah ada, jadi buatlah apa yang senang agar saintis-saintis tertarik daripada luar negara untuk bekerja di sini.

Tentang buah-buah di Thailand yang terdapat di England, ini adalah satu *double standard*. Buah yang kita dapat mengandungi bahan kimia yang tinggi. Di England pula kurang. Memanglah mereka boleh mengurangkan bahan-bahan awet untuk dieksport ke England supaya lebih rendah kerana di sana kurang serangga, kurang makhluk perosak. Spesis pun tidak banyak berbanding di sini – lebih daripada 20,000 spesis serangga dan makhluk-makhluk perosak. Itulah sebabnya kita terpaksa ataupun mereka terpaksa menggunakan kandungan yang tinggi. Itulah yang tidak baik untuk kita.

Daripada segi rambutan tadi ... rambutan, buah yang berbulu, Yang Berhormat bagi Jerai dulu Pengerusi FAMA, sekarang di Northern Australia Territory bersekitaran dengan Darwin, peladang-peladang di sana sudah menanam rambutan dan industri rambutan di Australia sekarang adalah dianggarkan bernilai 21 juta *Australian Dollar* setiap tahun - berapa tingginya nilai ini. Kenapa Mat Saleh di Australia boleh menanam rambutan dan boleh mengeksport ke negara-negara lain? Kenapakah kita di Malaysia yang selama ini menanam rambutan tidak boleh mengeksport jauh ke negara lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma minta penjelasan Yang Berhormat fasal saya belum pergi ke ladang tersebut, saya hendak tanya bulu rambutan Australia dengan bulu rambutan Malaysia adakah sama? *[Ketawa]*

Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: Itu saya kurang pasti, Yang Berhormat *[Ketawa]* kerana belum makan rambutan daripada Australia lagi. Jadi, inilah yang saya sebut mengenai saintis di luar negara yang harus kita tarik untuk balik bekerja di sini, untuk membuat penyelidikan dan juga penggunaan bahan-bahan racun perosak. Dengan ini tadi saya lihat ada lagi yang bangun, Yang Berhormat Gombakkah? Aaa, Yang Berhormat Gombak yang berdiri, silakan.

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Mambong. Bila kita membicarakan soal penyelidikan, saya ingin bertanya satu soalan kepada Yang Berhormat Mambong, kita banyak diberitahu soal tahap, sama ada soal tahap itu rendah, tinggi ataupun tahap itu merupakan tahap yang selamat. Tidakkah kita tahu bahawa tahap-tahap ini ditentukan di dalam makmal dan tahap-tahap ini diuji ke atas haiwan. Jadi, walaupun tahap ini dikatakan selamat maka mungkin kalau didedahkan kepada manusia mungkin tahap ini tidak selamat.

Selain daripada itu terdapat perbezaan. Contohnya, kalau sesuatu kajian itu dilakukan di negara Eropah, kepada orang-orang Eropah, mungkin *dose responsenya* berlainan kalau dibandingkan dengan kajian yang dilakukan terhadap *dose response* terhadap orang-orang Malaysia ataupun orang-orang Asia. Jadi bersetujukah Yang Berhormat bahawa soal untuk mengkaji *dose response* ataupun soal mengkaji kesan sampingan ini harus kita lakukan terhadap penduduk di Malaysia ataupun di Asia untuk mendapatkan fakta keselamatan yang lebih tepat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Mambong, saya ingat Yang Berhormat buat kajian dulu untuk menjawab soalan Yang Berhormat Gombak itu. Boleh sambung besok? *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Boleh, boleh, boleh. Itu boleh saya sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada Usul Penangguhan. Yang Berhormat Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAH DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd Shariff bin Omar]: Saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Memastikan 128 Pelajar Cemerlang Diberi Peluang Meneruskan Pendidikan Perubatan, Pilihan Pertama Mereka, Tanpa Perlu Merisaukan Soal Kos

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada tujuh minit setengah.

5.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya merupakan salah seorang yang pertama sekali memuji keputusan Kabinet pada 2 Jun 2004, untuk menawarkan tempat pengajian perubatan kepada 128 pelajar cemerlang yang mencapai keputusan maksimum purata mata gred berkumpul empat, tetapi gagal ditawarkan kursus perubatan yang merupakan pilihan pertama mereka.

Adalah sungguh malang sekali sekiranya semua pihak yang mencurahkan pujian terhadap pujian Kabinet itu, kini perlu menarik balik kata-kata kepujian mereka hasil dari sikap 'kepala harimau ekor ular' ialah bermula dengan begitu baik, tetapi berakhir dengan begitu teruk, pihak kerajaan dalam menangani isu kebangsaan yang begitu membara, yang akan menandakan bahawa negara ini benar-benar serius untuk memupuk generasi muda Malaysia yang paling cerdas dan pandai, apa kira kaum demi memposisikan negara kita di baris depan, persaingan antarabangsa berikutan dengan penekanan baru ke atas kuasa kecemerlangan dan meritokrasi dalam sistem pendidikan negara. Kini hanya 29 pelajar yang telah diterima masuk ke dalam fakulti perubatan universiti awam tempatan atau mendapat biasiswa MARA untuk meneruskan pelajaran mereka, manakala 99 yang lain ditawarkan tempat di kolej perubatan swasta yang memerlukan kos sejumlah RM200,000 ke RM300,000 berbanding dengan RM20,000 di IPTA.

Majoriti dari 99 pelajar cemerlang ini dengan pengecualian enam orang yang telah menerima tawaran berkenaan, setakat akhir bulan Jun terpaksa melepaskan peluang meneruskan pendidikan perubatan kerana tidak dapat menanggung kos yang begitu tinggi. Keputusan Kabinet 2 Jun itu, kini menjadi formula tanpa penyelesaian

adalah sungguh memalukan bahawa 94 peratus daripada 99 pelajar cemerlang kita yang ditawarkan tempat pengajian di kolej swasta akhirnya terpaksa menolak peluang berkenaan atas sebab kos yang terlalu tinggi, atau keraguan mengenai pengiktirafan ijazah pada masa depan, sungguhpun kursus perubatan memang merupakan pilihan pertama mereka.

Kerajaan sepatutnya menawarkan dengan segera biasiswa penuh kepada 99 pelajar ini memandangkan mereka telah membuktikan diri sebagai pelajar cemerlang yang mendapat markah penuh dalam peperiksaan, dan patut diberikan layanan yang setara dengan pencapaian mereka, dan bukannya dilayan seperti pelajar biasa lain yang hanya akan ditawarkan biasiswa penuh sekiranya mereka mendapat keputusan kelas pertama dalam kursus sarjana muda kelak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus menubuhkan satu pasukan petugas khas Kabinet untuk mencari jalan penyelesaian yang memuaskan dan memastikan isu ini tidak berakhir secara mengecewakan. Pihak berkuasa harus menawarkan biasiswa menerusi tambahan peruntukkan RM10 bilion Rancangan Malaysia Kelapan kepada majoriti 99 pelajar yang tidak berupaya meneruskan pendidikan perubatan di kolej swasta, serta mereka yang setakat ini telah menerima tawaran dan mendaftarkan diri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ipoh Timor atas Ucapan Penangguhan mengikut Peraturan Mesyuarat No. 17 yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Ipoh Timor isu penempatan 129 pelajar cemerlang sebenarnya telah pun diselesaikan oleh kerajaan. Sejumlah 907 pelajar lepasan STPM dan Matrikulasi yang memilih bidang perubatan sebagai pilihan pertama mereka telah pun ditawarkan kursus perubatan di IPTA dan IPTS.

Jumlah ini termasuk 128 pelajar yang tidak ditawarkan kursus perubatan sebelum ini. Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk membantu mereka, namun oleh kerana tempat di IPTA yang terhad, 99 calon terlibat ditawarkan tempat di empat buah IPTS. Kita perlu mengambil kira penetapan Majlis Perubatan Malaysia (MMC),

di mana nisbah tenaga pengajar dan pelajar perubatan tidak melebihi satu ke enam, kini proses pembelajaran dalam kursus perubatan dilaksanakan secara *integrated*, dengan izin, dan *problem based*.

Sejak tahun pertama lagi di mana pelajar-pelajar didedahkan pada aspek klinikal sejak awal lagi. Antara 99 calon yang ditawarkan tempat di IPTS, 32 telah menerima tawaran tersebut dan bukan enam yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Berdasarkan maklumat yang diperolehi tidak semua 128 pelajar tersebut telah mengemukakan rayuan untuk memasuki fakulti perubatan, ada di antara mereka yang telah menerima kursus dan tempat yang ditawarkan kepada mereka sebelum ini seperti kursus pergigian farmasi, bio perubatan dan mikro biologi, kejuruteraan kimia dan genetik ini membuktikan bahawa ada antara pelajar yang mencapai PNGK 4.0 sedia mengambil kursus-kursus lain, tidak semestinya ingin mengambil kursus perubatan yang mungkin pada peringkat awalnya terpengaruh dengan desakan atau kehendak keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin bahawa kos pengajian perubatan di IPTS lebih tinggi daripada IPTA. Bagi memastikan mereka dapat meneruskan pengajian dalam bidang perubatan, kerajaan telah memutuskan bahawa pelajar-pelajar ini akan ditawarkan pinjaman boleh ubah dengan izin, *comfortable loan*. Kementerian Pengajian Tinggi meminta agar pelajar yang terlibat menerima tawaran tersebut tanpa risau. Soal pembiayaan IPTS terlibat juga diminta menerima pelajar terlibat dan pihak kerajaan akan menyusuli kemudian berhubung kaedah pembiayaan yang bersesuaian.

Untuk mengelakkan perkara seumpama ini berlaku pada masa depan, Kementerian Pengajian Tinggi merancang untuk mengembangkan fakulti perubatan yang sedia ada di IPTA, dan kemungkinan penubuhan beberapa fakulti perubatan baru, ini meliputi kemudahan infrastruktur kelengkapan dan tenaga pengajar dalam bidang perubatan. Sehubungan dengan ini kementerian sedang menimbang untuk mengadakan mekanisme pemilihan tambahan selain daripada galakan akademik yang cemerlang sebagai langkah untuk memastikan memilih calon-calon yang paling sesuai untuk mengikuti kursus perubatan ini, kaedah seperti ini telah pun diamalkan di negara-negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Canada, Australia dan New Zealand.

Saya percaya dengan cara ini kita akan dapat melahirkan doktor yang benar-benar dedikasi dan dapat menjiwai kerjaya mereka serta mampu memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat. Justeru keputusan peperiksaan yang cemerlang sahaja tidak semestinya menjamin seseorang itu menjadi doktor yang baik .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor dia belum bagi.

Dato' Fu Ah Kiow : Tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Fu Ah Kiow: Duduk! Duduk! Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Fu Ah Kiow: Dalam merealisasikan Wawasan 2020 yang menitikberatkan kesejahteraan rakyat, negara memerlukan kepakaran dalam pelbagai bidang termasuklah sains kesihatan bersekutu seperti bio perubatan, pediatrik, pemakanan, optometri, farmasi, pergigian, radiologi, dan pengimejan. Justeru itu saya ingin menyeru kepada pelajar-pelajar dan ibu bapa supaya mengambil kira kepentingan kursus-kursus tersebut dalam membuat pilihan ke IPTA dan IPTS pada masa hadapan.

Kalau boleh kita ingin supaya pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat PNGK 4.00 tidak hanya memilih program perubatan tetapi juga memasuki dalam bidang profesional lain yang tidak kurang penting seperti kejuruteraan, undang-undang dan juga sains kesihatan bersekutu. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi? Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak berani, bohong, bohong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, duduk.

Dato' Fu Ah Kiow: *Point of Order*, tarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau bohong...*[Pembesar suara dimatikan]*

Dato' Fu Ah Kiow: Tarik balik perkataan itu, tarik balik perkataan 'bohong'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, cukup, kita teruskan.

Dasar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Terhadap Penjaja Dan Peniaga Kecil Di Kuala Lumpur

5.41 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur difahamkan mengamalkan dasar membatalkan permohonan lesen penjaja dan peniaga kecil di luar bangunan kerana DBKL lebih menggalakkan dalam bangunan sama ada di dalam kompleks perniagaan, pejabat dan pusat penjaja. Ini menyebabkan banyak permohonan untuk mendapatkan lesen penjaja di luar bangunan dan kawasan kedai serta perumahan ditolak.

Mana-mana yang sudah berniaga akan berdepan dengan tindakan penguatkuasaan seperti menyita dan menahan gerai, peralatan dan barang jualan. Penjaja perlu membayar kompaun yang tinggi jika mahu menebus semula barang-barang mereka termasuk kenderaan, tempoh penahanan dan jumlah kompaun yang dikenakan bergantung kepada kekerapan tangkapan. Jika mereka ditahan melebihi sekali, kadar dan tempoh akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dalam sektor penjaja dan peniaga kecil ialah rakyat golongan kecil yang mana pekerja sepenuh masa atau punca menambah pendapatan keluarga. Pendapatan keluarga bergantung kepada jualan harian dan bila operasi berlaku dan mereka tertangkap, mereka akan berdepan dengan terputus sumber perbelanjaan untuk tempoh yang sama. Bukan menghairankan bila seseorang penjaja menyimpan banyak resit kompaun yang perlu dibayar bagi menebus semula barang-barang mereka. Penjaja tidak ada pilihan kecuali terus berniaga tanpa lesen dan menjadi buruan penguat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan dan penguatkuasaan bukan sahaja dilakukan ke atas penjaja tanpa lesen tetapi juga ke atas penjaja dan peniaga kecil berlesen seperti menahan kerusi dan meja, tong gas yang diletakkan di luar gerai atau kedai meskipun ada ramai pelanggan. Sektor penjaja dan peniaga kecil ini semakin banyak diceburi rakyat Malaysia kerana dengan modal yang kecil, mereka sudah boleh berniaga.

Banyak pusat penjaja dibuka tetapi penguasa berkenaan mengenakan bayaran sewa yang tinggi. Jika perniagaan tidak maju, penjaja terpaksa gulung tikar. Banyak pusat penjaja menghadapi kekurangan pelanggan dan mereka dibebani kos operasi yang tinggi. Minta DBKL campur tangan dalam soal menentukan kadar sewa bukan setakat mengeluarkan lesen sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menurut perangkaan tahun 2000, terdapat 35,120 penjaja berlesen dan lebih enam ribu penjaja tidak berlesen. Bilangan ini semakin meningkat dan DBKL perlu memberi lesen kepada mereka, jangan mengambil tindakan penguatkuasaan sebelum menempatkan semula penjaja dibuat terlebih dahulu. Jangan amalkan penguatkuasaan memilih; ada yang ditangkap dan ada yang tidak. Bagi yang tidak mempunyai lesen, dikeluarkan lesen sementara dengan syarat-syarat tertentu, ia mendatangkan hasil bagi DBKL.

Selain lesen statik, DBKL hendaklah mengeluarkan lesen penjaja bergerak lebih banyak dan penjaja tersebut berpeluang mencari pelanggan mereka di tempat-tempat yang strategik asalkan ia tidak menghalang lalu lintas, memberi kursus dan latihan kepada semua penjaja. Oleh yang demikian, DBKL hendaklah mengamalkan dasar bertolak ansur ke atas para penjaja. Jangan melakukan penganiayaan dan penindasan ke atas mereka. Membuka lebih banyak pusat penjaja dan memastikan ia seimbang dan berasaskan permintaan dan kepadatan kawasan. Bagi penjaja yang memerlukan penempatan semula mereka hendaklah ditempatkan dalam kawasan bukan terpencil. Mana-mana pusat penjaja yang menghadapi kurang pelanggan, langkah mempromosi pusat penjaja hendaklah dijalankan oleh DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Merinyu DBKL hendaklah sering membuat lawatan ke tapak untuk meninjau pelbagai aspek kekurangan kemudahan awam di pusat-pusat penjaja seperti tandas, kebersihan kawasan dan sebagainya. DBKL hendaklah membantu persatuan penjaja dalam usaha memupuk sikap bekerjasama dan bantu-membantu antara penjaja serta etika kerja yang baik. Pihak bank atau institusi kewangan yang membiayai modal untuk penjaja baru perlulah memudahkan pemprosesan permohonan pinjaman untuk menerima akaun permohonan lesen penjaja DBKL sebagai ganti lesen. Tanpa lesen DBKL sesuatu permohonan pinjaman biasanya ditolak dan ini akan menghalang penjaja baru menceburi bidang ini. DBKL hendaklah menyelaraskan dengan agensi dan membiayai modal penjaja dari segi mengesan penjaja yang diluluskan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, Dataran Perdana yang merupakan bekas kuarters kakitangan kerajaan di Jalan Imbi, Kuala Lumpur amat sesuai dijadikan pusat penjaja antarabangsa untuk menarik ramai pengunjung. DBKL hendaklah memastikan bahawa menjaja mampu menjadi satu profesion yang menarik, ramai orang menyertainya pada masa akan datang, bukan lagi satu pekerjaan sambilan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dijemput Menteri.

5.47 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dalam Ucapan Penanguhan sebentar tadi.

Kementerian menerusi Dewan Bandaraya sentiasa memberi perhatian kepada permasalahan penjaja, peniaga kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh kerana itu pada tahun 2002 yang lalu, pihak Dewan Bandaraya berdasarkan Kajian Struktur Ekonomi Penjaja Kuala Lumpur 2002, Bandaraya sedang mengkaji dan menghalusi perakuan-perakuan yang dibuat oleh kajian tersebut. Di antaranya ialah:-

- (i) menentukan tiada penjaja di tepi jalan menjelang tahun 2010;
- (ii) mengiktiraf dan menerima sektor penjajaan sebagai sektor *informal* yang boleh menjana ekonomi dan memberi peluang pekerjaan serta menambah pendapatan penjaja;
- (iii) membangunkan dan mempertingkatkan tahap penjaja kecil kepada sektor perniagaan yang lebih besar;
- (iv) mempertingkatkan keusahawanan penjaja dengan membantu dari segi latihan, pembiayaan, kualiti penjajaan untuk tarikan pelancong dan masyarakat tempatan;
- (v) mempertingkatkan sektor penjajaan bagi memberi peluang perniagaan kepada kaum bumiputera selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional.

Perkara yang kedua, tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Dewan Bandaraya sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Ia bukan sahaja dilakukan oleh Dewan Bandaraya tetapi seluruh majlis-majlis tempatan di tanah air kita ini. Tindakan-tindakan ini perlu dibuat kerana ada penjaja yang melanggar peraturan-peraturan yang

ditetapkan seperti meletakkan kerusi dan meja gerai, menghalang laluan pejalan kaki dan kenderaan dan sebagainya di samping kualiti makanan, persediaan, penambahan bangunan dan sebagainya.

Pada tahun 2003 sahaja Dewan Bandaraya menerima bantahan atau aduan sejumlah 480 aduan terhadap penjaja-penjaja yang melanggar peraturan-peraturan dan ini tidak ada pilihan melainkan Dewan Bandaraya terpaksa mengambil tindakan. Memang tindakannya begitu banyak sekali. Sepanjang tahun 2003 notis kesalahan yang telah dikeluarkan ialah sejumlah 8,687. Ini hanya bahagian Dewan Bandaraya Penjaja Kecil tidak termasuk bahagian Direktorat yang mana akan diuruskan oleh pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi program penambahan tempat berniaga memang terus dijalankan. Sehingga kini kita telah membina sebanyak 50 buah pusat penjaja yang mempunyai sejumlah 1,223 unit yang dibuat oleh kerajaan manakala swasta 700 unit daripada 52 projek yang dibuat oleh pihak swasta. Di samping itu 11 projek baru pusat penjaja dan pasar telah pun siap; lima projek di dalam pembinaan untuk menaikkan taraf manakala lima projek pusat penjaja pasar sedang dalam pembinaan dan 22 projek menaik taraf pemindahan serta 47 projek yang baru yang mungkin akan dapat memberi sejumlah 3,782 peluang perniagaan kepada penjaja-penjaja di sekitar Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penjaja bergerak, setakat ini Dewan Bandaraya belum membuat apa-apa keputusan dan pernah juga Bandaraya membenarkan tetapi timbul banyak masalah. Yang bergerak tidak bergerak di satu tempat tetapi bergerak di banyak tempat, di luar daripada tempat yang ditentukan. Ini sudah menjadi masalah dan kalau ditangkap nanti, Yang Berhormat pula timbulkan mengapa pula dikejar yang bergerak ini? Yang tidak bergerak pun ditangkap, yang bergerak pun ditangkap. Oleh sebab itu Bandaraya sedang meneliti sama ada ingin memberi atau tidak kebenaran bagi peniaga-peniaga bergerak ini.

Dari segi sewa gerai-gerai tersebut, saya kira Dewan Bandaraya sentiasa meletakkan harga yang munasabah tetapi kemungkinan ada sewa-sewa yang agak mahal di pihak swasta dan jika Yang Berhormat boleh memberi contoh-contohnya kemungkinan Dewan Bandaraya boleh berbincang semula dengan pihak swasta di kompleks-kompleks supaya harga yang difikirkan sesuai oleh kita semua dapat diberi kepada peniaga-peniaga yang berkenaan.

Lawatan ke tapak-tapak penjaja memang sentiasa dibuat bukan sahaja untuk melihat oleh sebab rajinnya para pegawai di Bandaraya melawat untuk melihat kebersihan, maka itulah banyak tangkapan yang dibuat. Lagi galak Yang Berhormat minta pegawai itu melawat, lagi banyak yang akan ditangkapnya nanti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan penjelasan ringkas ini, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang akan jelas dengan dasar dan masalah penjaja serta peniaga kecil di Dewan Bandaraya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita pada hari ini telah selesai. Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang.